



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

# BAHASA MELAYU

## TAHUN 6

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN

### PENULIS

MAT ARIFFIN BIN ISMAIL  
ABDUL RAHMAN KAMIL BIN ABU NAIM

### EDITOR

RUSLAN BIN ABDULL RAFFAR  
MOHD RIDUWAN BIN WAHAB  
NIARWATI BINTI JEPON

### PEREKA BENTUK

AHMAD FIRDAUS BIN ALIMAN

### ILUSTRATOR

AHMAD NAZRI BIN AHMAD RAZALI

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2019





# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0001

KK 4008-I2II-007I8-2I03  
ISBN 978-983-49-07I8-1  
Cetakan Pertama 2015  
Cetakan Ketiga 2019  
© Dewan Bahasa dan Pustaka 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti dan honorarium.

Penerbit:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 13/15 poin

Dicetak oleh:  
Ultimate Print Sdn. Bhd.,  
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,  
Off Persiaran Selangor,  
Seksyen 15,  
40200 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Penghasilan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Oleh itu, penulis merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama memberikan sumbangan sehingga buku ini sempurna diterbitkan. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada semua yang berikut:

- Pakar Rujuk Bahasa  
Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
  - Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
  - Panel Pembaca Pruf, Dewan Bahasa dan Pustaka
  - Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Bank Negara Malaysia
  - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
  - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
  - Tentera Laut Diraja Malaysia
  - Yayasan Inovasi Malaysia
  - Gamuda Berhad
  - Sekolah Kebangsaan Rasa, Hulu Selangor, Selangor
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

# Kandungan

Pendahuluan	iv	
Pengenalan Watak	vi	
<b>TEMA 1</b>		
<b>ISTIMEWANYA KELUARGAKU</b>	<b>1</b>	
UNIT 1 Kasih Insan Istimewa	2	
UNIT 2 Satu Keluarga Dua Budaya	7	
UNIT 3 Jauh di Mata Dekat di Hati	11	
<b>TEMA 2</b>		
<b>KESIHATAN MENTAL DAN EMOSI</b>	<b>16</b>	
UNIT 4 Minda, Oh, Minda!	17	
UNIT 5 Usahlah Stres	22	
UNIT 6 Terima Kasih, Kaunselor	26	
<b>TEMA 3</b>		
<b>KOMUNITI PRIHATIN</b>	<b>31</b>	
UNIT 7 Program Sarana	32	
UNIT 8 Kelab Alumni	37	
UNIT 9 Perkongsian Pintar	41	
<b>TEMA 4</b>		
<b>KESELAMATAN DIUTAMAKAN</b>	<b>46</b>	
UNIT 10 Selamat di Mana-mana	47	
UNIT 11 Keselamatan di Pasar	52	
UNIT 12 Fikir Sebelum Klik	56	
<b>PENILAIAN I</b>	<b>61</b>	
<b>TEMA 5</b>		
<b>PUPUK PERPADUAN</b>	<b>65</b>	
UNIT 13 Formula 1 Malaysia	66	
UNIT 14 Berkat Hidup Sepakat	71	
UNIT 15 Perpaduan Memajukan Negara	75	
Bacaan Luas	80	
<b>TEMA 6</b>		
<b>SEMANGAT CINTA AKAN NEGARA</b>	<b>81</b>	
UNIT 16 Perkasakan Bahasa Kita	82	
UNIT 17 Budi yang Baik Dikenang Jua	87	
UNIT 18 Bersyukurlah	91	
<b>TEMA 7</b>		
<b>INDAHNYA WARISAN KITA</b>	<b>96</b>	
UNIT 19 Merdunya Alunan	97	
UNIT 20 Warisan Berharga	102	
UNIT 21 Budaya dan Adat Mekar dalam Hati	106	
<b>TEMA 8</b>		
<b>DAMAINYA BUMIKU</b>	<b>111</b>	
UNIT 22 Bumiku Sejahtera	112	
UNIT 23 Datukku Pencinta Alam	117	
UNIT 24 Bersama-sama Menjaga Alam	121	
<b>PENILAIAN 2</b>	<b>126</b>	
<b>TEMA 9</b>		
<b>TEROKAI SAINS TERAJUI TEKNOLOGI DAN INOVASI</b>	<b>130</b>	
UNIT 25 Rahsia Keajaiban Sains	131	
UNIT 26 Masyarakat Kreatif dan Inovatif	136	
UNIT 27 Malaysia dan Kemajuan Sains	140	
<b>TEMA 10</b>		
<b>SEMARAKKAN PERTANIAN KITA</b>	<b>145</b>	
UNIT 28 Hargailah Pokok	146	
UNIT 29 Peranan Agensi Pertanian	151	
UNIT 30 Pertanian Sumber Rezeki	155	
Bacaan Luas	160	
<b>TEMA 11</b>		
<b>RANCAKKAN EKONOMI KITA</b>	<b>161</b>	
UNIT 31 Bersama-sama Menjanakan Ekonomi	162	
UNIT 32 Berjiwa Usahawan	167	
UNIT 33 Kad dan Diriku	171	
<b>PENILAIAN 3</b>	<b>176</b>	

# Pendahuluan

Buku teks *Bahasa Melayu Tahun 6 Sekolah Jenis Kebangsaan* ini memfokuskan keseluruhan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Melayu. Isi kandungan dalam buku ini merangkumi Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini mengandungi 13 Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur, 11 Modul Kemahiran Membaca dan 13 Modul Kemahiran Menulis. Lapan Modul Seni Bahasa dan 12 Modul Tatabahasa pula menyokong modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa dalam kalangan murid.

Setiap SP dalam buku teks Bahasa Melayu ini dijadikan fokus utama sekurang-kurangnya dua kali. Selain itu, terdapat SP yang dijadikan fokus sampingan secara penyerapan untuk menunjukkan penggabungjalinan semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Penggabungjalinan ini membolehkan guru menjalankan pelbagai aktiviti agar murid mendapat ilmu pada setiap sesi pembelajaran.

SP ini disusun bermula daripada kelompok satu hingga kelompok tiga. Pembahagian kelompok ini memudahkan guru membuat pentaksiran selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Pembahagian kelompok ini juga menggunakan sistem modular.

Penyusunan SP mengikut urutan bertujuan untuk memudahkan guru menggunakan sistem modular. Semua SP disusun bermula dengan Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis diikuti dengan Aspek Seni Bahasa dan Aspek Tatabahasa.

Kandungan buku ini dibina berdasarkan 11 tema utama, iaitu:

- Istimewanya Keluargaku
- Komuniti Prihatin
- Pupuk Perpaduan
- Indahnya Warisan Kita
- Terokai Sains Terajui Teknologi dan Inovasi
- Rancakkan Ekonomi Kita
- Kesihatan Mental dan Emosi
- Keselamatan Diutamakan
- Semangat Cinta akan Negara
- Damainya Bumiku
- Semarakkan Pertanian Kita

Daripada 11 tema ini, 33 unit pembelajaran telah dihasilkan. Kesemua unit ini disusun mengikut aras pengetahuan sedia ada murid. Unit pembelajaran ini juga disusun secara ansur maju bagi memudahkan murid menguasai ilmu daripada aras mudah kepada aras yang lebih mencabar.

Kandungan yang disediakan dalam buku teks ini berteraskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Literasi Sains dan Teknologi; Fizikal dan Estetika; dan Keterampilan Diri. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Tujuannya adalah untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani dan jasmani, mempunyai nilai terhadap alam, berpengetahuan tentang sains dan teknologi serta mampu berkomunikasi dengan kreatif dan kritis.


Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diberikan penekanan semasa penyediaan kandungan. Elemen ini berupaya untuk melahirkan insan yang dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni ketika membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT dijadikan sebagai proses kitaran daripada pemikiran aras rendah kepada pemikiran aras tinggi. Melalui konsep KBAT, murid mampu berfikir secara kreatif, kritis,

logik dan metakognitif. Dengan ini, murid mampu memberikan penjelasan, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, menginovasi, mencipta dan menghasilkan sesuatu.

Dalam usaha meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif, bahan dalam bentuk kepelbagaian peta pemikiran disediakan. Antaranya termasuklah Peta Bulatan, Peta Buih, Peta Buih Berganda, Peta Pokok, Peta Dakap, Peta Alir, Peta Pelbagai Alir dan Peta Titi.

Ikon digunakan bagi memudahkan guru menggunakan buku ini. Ikon ini diwujudkan dengan mengambil kira aktiviti yang disediakan oleh penulis. Yang berikut ialah ikon yang digunakan:



#### Penerangan Panduan Guru:



- ♦ Aktiviti Penilaian
- ♦ Aktiviti Tambahan
- ♦ Nilai
- EMK: Elemen Merentas Kurikulum
- Celik Kewangan

Ikon ini melambangkan cadangan kepada guru untuk melaksanakan aktiviti yang terdapat dalam halaman yang berkaitan.

3.6.1

Standard Pembelajaran


Halaman rangsangan diletakkan pada setiap tema. Halaman ini dipersembahkan dalam pelbagai bentuk seperti pantun, gambar, syair, sajak dan permainan. Dengan berpandukan bahan rangsangan ini, guru dapat mencungkil idea murid dan merangsang minat mereka untuk mempelajari halaman yang seterusnya.

Akhir sekali, latihan disediakan dalam bentuk Penilaian 1, Penilaian 2 dan Penilaian 3. Latihan ini dapat mengukur tahap penguasaan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan berdasarkan buku teks ini. Hal ini membolehkan pentaksiran berdasarkan sekolah dilaksanakan.

Diharapkan segala usaha murni daripada pelbagai pihak dalam penerbitan buku teks ini dapat membantu guru dan murid bagi menjayakan matlamat dan objektif KSSR serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**MAT ARIFFIN BIN ISMAIL  
ABDUL RAHMAN KAMIL BIN ABU NAIM**

# Pengenalan Watak




# TEMA



## ISTIMEWANYA KELUARGAKU

Walau dugaan melanda  
Walau berbeza budaya  
Walau jarak memisahkan kita  
Namun  
Jalinan kasih keluarga  
Abadi dalam jiwa.



Hiasan bumi di sana sini,  
Di pohon ara tumbuh dedalu;  
Keluarga kami aman harmoni,  
Hidup sejahtera ceria selalu.



Deklamasikan sajak dan lafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.

# UNIT

## Kasih Insan Istimewa



### Mendengar dan Bertutur

Islah, tolong buka pintu.  
Ayah kamu sudah pulang.

### Sayangi Keluarga

Apakah yang kamu  
dan adik kamu lakukan  
hari ini, Islah?



Banyak aktiviti  
yang kami lakukan  
bersama-sama, ayah.  
Kami membaca  
beberapa buah  
buku cerita. Adik juga  
saya ajar melukis.  
Adik telah melukis  
dua keping gambar.

Bagus, Islah.  
Adik kamu perlu  
dibimbing selalu.  
Dia menghadapi  
masalah  
pembelajaran.  
Oleh sebab itu,  
dia sukar  
mengeja dan  
membaca.



Ayah, lihatlah  
lukisan Irfan.

Irfan sungguh pandai  
melukis, ayah.

Wah, cantiknya!



### Aktiviti

Melakonkan dialog.

2

Panduan  
Guru

- ◆ Murid menyebut pelbagai jenis ayat dan ragam ayat dengan betulnya.
- ◆ Murid menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan.
- ◆ kasih sayang

1.2.6



## Dugaan Keluargaku

Tahun ini genaplah enam tahun umur adikku, Irfan. Seperti kanak-kanak lain yang seusia dengannya, Irfan sudah mula belajar menulis dan membaca. Namun begitu, ada keganjilan yang dapat kami perhatikan pada dirinya. Ada huruf yang ditulisnya terbalik. Dia juga tidak dapat membaca dengan betulnya seperti kanak-kanak yang lain.

Ibu dan ayah berasa bimbang. Mereka mengambil keputusan untuk membawa Irfan berjumpa dengan doktor pakar kanak-kanak.

“Irfan menghidap disleksia, iaitu sejenis masalah pembelajaran. Dia mengalami kesukaran untuk mengeja, membaca dan menulis. Dia juga sukar untuk mengenal pasti huruf ‘b’, ‘d’, ‘p’, dan ‘q’,” jelas Doktor Ranjit.

Kami sekeluarga terkejut. Kata-kata Doktor Ranjit itu menimbulkan rasa resah dalam hati kami. Namun begitu, kami berasa lega apabila Doktor Ranjit menyatakan bahawa masalah itu dapat diatasi.

Dugaan ini kami hadapi,  
Inilah realiti bukannya mimpi,  
Resah gelisah tolak ke tepi,  
Irfan dihantar menjalani terapi.

Nasihat doktor kami turuti,  
Kuatkan semangat cekalkan hati,  
Segala penyakit mampu diubati,  
Andai usaha tidak berhenti.

Biar keringat terpaksa diperah,  
Berpantang kami untuk menyerah,  
Segala usaha akan dikerah,  
Kepada Tuhan kami berserah.

1. Terangkan masalah yang dihadapi oleh Irfan.
2. Ceritakan tindakan yang diambil oleh keluarga Irfan.
3. Berikan maksud disleksia.
4. Jelaskan nasihat yang diberikan oleh doktor.
5. Nyatakan nilai yang terdapat dalam syair.

### Aktiviti

Membaca teks.



- ◆ Murid menjelaskan pernyataan berdasarkan teks.
- ◆ Murid mengujarkan cerita.
- bertanggungjawab

2.2.3

3



## Hebatnya Adikku

Rabu,   Januari 20    
8.00 pagi

Para peserta pertandingan melukis termasuk adikku, Irfan, sudah bersedia. Pertandingan melukis akan dimulakan pada bila-bila masa sahaja. Semua peserta, termasuk Irfan, berkumpul di dalam dewan sekolah. Peralatan melukis seperti pensel, krayon dan kertas lukisan sudah tersedia di depan mata.



Paku pakis di pinggir kali,  
Irfan melukis cantik sekali.

8.15 pagi

Semua peserta mula melukis. Tema pertandingan melukis itu ialah "Keluarga yang Bahagia". Irfan melukis gambar keluarga kami yang sedang berkelah.

10.30 pagi

Keputusan pertandingan diumumkan. Irfan berjaya mendapat tempat pertama. Lukisannya yang cantik dan kreatif telah menarik perhatian para juri. Kami sekeluarga berasa amat bangga. Ibu dan ayah menitiskan air mata kegembiraan.


### Aktiviti

Menulis catatan dan puisi.

4

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis teks secara mekanis dengan betul dan kemasnya.
- ◆ Murid melafazkan puisi dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul. 3.2.6
- ◆ kesungguhan



Sampan dialih mudik ke muara,  
Irfan dipilih sebagai juara.



## Seni Bahasa

### Adikku Istimewa


Ini suatu cerita  
Adikku istimewa  
Irfan diberi nama  
Menghidap disleksia

Dia sukar mengeja  
Dia sukar membaca  
Menulis dan mengira  
Dia pun sukar juga

Ibu dan juga bapa  
Tidak berputus asa  
Nasib Irfan dibela  
Moga dia berjaya

Irfan anak istimewa  
Punyai cita-cita  
Apabila dewasa  
Jadi pelukis ternama

(Melodi lagu “Ceongsam Merah”  
atau melodi lain yang bersesuaian)



#### Aktiviti

Menyanyikan lagu dan menulis cerita.



- ◆ Murid menghasilkan cerita berpandukan seni kata lagu.
- ◆ Murid menulis seni kata lagu dengan menggunakan tulisan berangkai dengan kemasnya.
- ◆ kerajinan

4.I.I

5




## Kata Nama Am dan Penjodoh Bilangan

### Seronoknya Keluarga Islah

Keluarga Islah sering melakukan aktiviti rekreasi pada hujung minggu dan musim cuti sekolah. Baru-baru ini, mereka berkunjung ke Hutan Lipur Lata Bayu, Baling, Kedah.

Encik Zakaria memandu .



batang

utas

biji

bidang

buah

gumpal

gugus

kawan

ikat

sikat

potong

ketul

Percutian tersebut bukan sahaja menggembirakan tetapi juga mengeratkan hubungan kekeluargaan. Islah dan Irfan berasa sungguh seronok kerana dapat beriadah bersama-sama dengan keluarga.

#### Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar.

6

Panduan Guru

- ◆ Murid bercerita dengan menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan yang betul.
- ◆ Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ∴ menghargai masa

5.I.I

# UNIT 2

## Satu Keluarga Dua Budaya



### Mendengar dan Bertutur

#### Uniknya Keluargaku


Jangan malu-malu, Islah. Silalah rasa kuih bulan ini. Ini kuih tradisional kaum Cina.



Ini pula muruku, iaitu sejenis makanan tradisional kaum India. Makanlah, Islah. Semua makanan ini dibuat oleh ibu saya.



Tolong ambilkan album itu, Ruben. Saya mahu melihat gambar keluarga kamu. Harap kamu tidak keberatan.



Wah, bertuahnya kamu, Ruben! Kamu sekeluarga hidup dalam dua budaya yang berbeza. Kamu dapat menyambut pelbagai perayaan dan menikmati makanan yang beraneka rasa. Seronoknya!

#### Aktiviti

Lakonkan dialog.



- ◆ Murid memberikan respons terhadap ayat perintah dengan betulnya.
- ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ hormat-menghormati





## Membaca

### Rahsia Kebahagiaan



Nama saya Ruben. Saya berasal daripada keluarga yang mengamalkan perkahwinan campur. Ayah saya berbangsa India manakala ibu saya berbangsa Cina.

Keluarga kami mengamalkan dua budaya yang berbeza, iaitu budaya India dan budaya Cina. Walau bagaimanapun, hal ini tidak mendatangkan masalah kepada kami. Keluarga kami hidup bahagia. Kami dilimpahi kasih sayang. Sikap toleransi dan saling memahami merupakan rahsia kebahagiaan hidup kami. Jika kami dilanda masalah, kami hadapinya bersama-sama, bak kata pepatah, “bukit sama didaki, lurah sama dituruni”.

Keluarga kami sungguh harmoni. Saya berasa amat bertuah hidup dalam keluarga yang berkongsi budaya. Sebagai contoh, pelbagai bahasa dapat saya kuasai. Saya fasih bertutur dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Saya juga dapat bergaul mesra dengan rakan yang berbilang bangsa. Kami saling menghormati dan kunjung-mengunjungi antara satu dengan yang lain.

#### Aktiviti

Membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat.

8

Panduan Guru

- ◆ Murid membaca teks secara mekanis.
- ◆ Murid menceritakan teks semula dengan bahasa yang indah.
- ❖ kasih sayang

2.3.1



## Menulis

### Sambutan Ulang Tahun Perkahwinan

Hadirin yang saya hormati,  
Jutaan terima kasih saya ucapkan  
kerana sudi hadir ke majlis ini.  
Kami berasa gembira dan berbesar hati.  
Kehadiran kalian telah menambahkan  
kemeriahian majlis kami.

Terima kasih atas pemberian hadiah  
dan kad ucapan. Pemberian ini cukup  
bermakna kepada ibu dan ayah saya.

Doakanlah kami sekeluarga agar  
bahagia sentiasa.

Sekian, terima kasih.

Kasih Sejati

Oh, ayah!  
Kasihmu kasih sejati  
Tiada ternilainya  
Mengasihi diriku  
Setulus hati

Oh, ibu!  
Kasihmu kasih abadi  
Tiada tandingan  
Menyayangi diriku  
Sepenuh jiwa

Anakmu, Ruben



#### Aktiviti

Menulis teks ucapan dan sajak dalam bentuk tulisan berangkai.



- ◆ Murid menulis teks dengan betul dan kemasnya.
- ◆ Murid menyampaikan ucapan secara bertatasusila.
- ❖ bersyukur

3.2.7

q



## Seni Bahasa

### Lagu Keluargaku

Keluarga saya, keluarga saya  
Unik sekali } 2 kali  
Berbeza budaya } 2 kali  
Tetapi hidup harmoni

Keluarga saya, keluarga saya  
Ceria sekali } 2 kali  
Hidup bahagia } 2 kali  
Gembira tidak terpergi

Keluarga saya, keluarga saya  
Sopan sekali } 2 kali  
Berbudi bahasa } 2 kali  
Tak suka meninggi diri

Enggang sama enggang  
Pipit makan sagu  
Sayang sungguh sayang  
Sayang keluargaku

(Melodi lagu “Jingli Nona”  
atau melodi lain yang bersesuaian)



### Aktiviti

Mengubah suai seni kata lagu.

10

Panduan Guru

- ◆ Murid mempersembahkan seni kata lagu melalui nyanyian.
- ◆ Murid mencatat seni kata lagu.
- ❖ kasih sayang

4.1.2

# UNIT 3

## Jauh di Mata Dekat di Hati



### Mendengar dan Bertutur

#### Rindu akan Keluarga

Silalah minum, Encik Zakaria dan Puan Aminah.

Apa khabar  
Jian Ming  
di Glasgow?

Terima kasih.



Jian Ming : Hai, Jian Hui! Apa khabar?

Jian Hui : .

Jian Ming : Ayah dan ibu mana? Tolong panggilkan mereka, Jian Hui.

Jian Hui : .

Jian Ming : Siapakah yang datang?

Jian Hui :  Abang mahu bercakap dengan ayah dan ibu?

Jian Ming : .

Jian Hui : Bilakah abang mahu pulang?

Jian Ming : Abang akan pulang pada hujung bulan ini. Peperiksaan akhir semester abang akan selesai tidak lama lagi. Tidak sabar rasanya hendak pulang ke Malaysia. Abang terlalu merindui kamu dan kaum keluarga di sana. Bagaimanakah dengan pelajaran kamu?

Jian Hui : .

### Aktiviti

Mendengar dan memahami.



♦ Murid memberikan respons terhadap soalan bertumpu dan soalan bercapah.

♦ Murid menulis perkataan dan frasa secara imlak.

• kasih sayang

EMK: TMK

1.3.2

11



## Ruang Sembang

## Corat-coret dari Glasgow



Jian Ming



Jian Ming

Lain sungguh rasanya apabila tinggal di rantau orang. Kehidupan di sini amat berbeza. Banyak perkara yang perlu dipelajari untuk menyesuaikan diri. Walau bagaimanapun, kehidupan saya di sini baik dan selesa.



Jian Hui

Abang, ceritakanlah perihal bandar raya Glasgow.



Clyde Auditorium



Jian Ming

Bandar raya Glasgow sangat moden dan cantik. Bandar raya ini merupakan bandar raya yang terbesar di Scotland. Sistem perhubungan di sini sangat maju. Tidak sukar untuk bergerak ke sana sini. Setakat ini, abang telah melawat ke beberapa destinasi menarik seperti Glasgow Science Centre, Clyde Auditorium dan Pusat Beli-belah Glasgow Fort. Tempat-tempat ini sering dikunjungi pelancong.



Glasgow Science Centre



Jian Hui

Wah, seronoknya! Apabila pulang nanti, jangan lupa bawa buah tangan untuk saya.



ibu

Bagaimanakah kehidupan kamu di sana, Jian Ming?



Jian Ming

Sudah tentu. Aduhai, rindunya abang akan keluarga di Malaysia! Masakan enak ibu tercinta, gelak tawa ayah dan gurau senda kita, semuanya jelas terbayang di ruang mata.



Jian Ming



ibu

Apakah tempat yang menarik dan sering dikunjungi pelancong di sana?



Jian Ming



Jian Hui

Kami pun begitu juga. Setiap hari merindui abang.

## Aktiviti

Membaca teks.

12

Panduan Guru

- ◆ Murid membaca teks secara mekanis.
- ◆ Murid menjawab soalan pemahaman secara kritis dan kreatif.
- ◆ kasih sayang

EMK: TMK

2.3.2



## Kepulanganku

Kapal terbang yang dinaiki Jian Ming terbang tinggi di angkasa. Dalam tempoh lima jam lagi, Jian Ming akan menjelaskan kaki di tanah airnya semula.

Sepanjang penerbangan itu, Jian Ming tidak dapat melelapkan mata. Kerinduannya terhadap kaum keluarga di Malaysia kian membara. Wajah ibu bapanya yang amat dikasihi sering menjelma dalam ingatan. Besar sungguh pengorbanan mereka kepadanya. Kejayaan yang dicapainya pada hari ini merupakan hasil asuhan dan titik peluh mereka.

Fikirannya terus melayang jauh. Wajah adiknya, Jian Hui, muncul dalam ingatan. Gurau senda mereka membuatkan Jian Ming tersenyum sendirian.



Jian Hui, cuba jawab teka-teki ini. Buah apakah yang selalu diberikan kepada orang?

Salah.  
Buah manggis.

Salah.  
Buah durian.

Jadi, jawapannya apa?  
Buah tangan.  
Ha ... ha ... ha ...

Oh, abang bergurau, ya!



### Aktiviti

Menulis perkataan dan frasa.



- ◆ Murid menulis perkataan dan frasa secara imlak.
- ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ kasih sayang

3.4.1

13



## Kata Nama Khas

### Malam Tautan Kasih

# Malam Tautan Kasih

Tarikh : □□Januari 20□□ (Rabu)  
 Masa : 7.30 malam hingga 10.30 malam  
 Tempat: Dewan Seri Rakyat

### Senarai Undangan Khas

1. Tan Sri Azman bin Arif
2. Datuk Koh Tian Seng
3. Mejari Alias bin Ali
4. Profesor Omar bin Yunus
5. Tuan Haji Jamal bin Hasan
6. Encik Suresh a/l Vairavan
7. Puan Chai Mei Hwa
8. Cik Norehan binti Isa

### Atur Cara

- |   |                               |
|---|-------------------------------|
| 7.30 malam : Ketibaan para undangan             | 8.30 malam : Jamuan           |
| 8.00 malam : Ucapan alu-aluan                   | 9.30 malam : Tayangan video   |
| 8.20 malam : Deklamasi sajak<br>“Jalinan Kasih” | 10.30 malam : Majlis bersurai |

### Menu

Nasi Tomato Tautan Kasih  
 Jus Oren Glasgow  
 Bubur Kacang Merdeka

Kek Coklat Istimewa  
 Acar Buah Seri Rasa  
 Salad Kasihku Abadi



Bagi meraikan kepulangan abangnya, keluarga Jian Hui telah mengadakan majlis makan malam.

### Aktiviti

Menulis cerita.

14

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis cerita dengan menggunakan kata nama khas dengan betulnya.
- ◆ Murid bercerita.
- ❖ kesyukuran

5.1.2

## Pemulihan

Bina frasa berdasarkan perkataan yang diberikan.

istimewa

hubungan

sekali

mesra

penawar

sungguh

mengeratkan

keluarga

hati

untuk

duka

tahun

berkasih

kebahagiaan

abadi

ulang

perkahwinan

kasih

bahagia

## Pengayaan

Bina ayat berdasarkan frasa yang diperoleh.

# TEMA

## 2

# KESIHATAN MENTAL DAN EMOSI

## Syair Kesihsatan Mental dan Emosi

Fikiran yang sihat satu anugerah,  
Perlu dijaga usaha dikerah,  
Elak terganggu ditimpa masalah,  
Jauhi tekanan dan rasa bersalah.



Perasaan kita perlu dijaga,  
Elakkan tekanan tidak terduga,  
Semasa di sekolah di rumah juga,  
Suasana tenang amat berharga.



Otak kita khazanah kita,  
Nilainya tinggi amatlah nyata,  
Setiap indera dikawal sekata,  
Kiri dan kanan sudah terpetra.



Perasaan kita penting dikawal,  
Ambil tindakan sedari awal,  
Berjumpa kaunselor untuk berbual,  
Agar taulan tidaklah mual.



Emosi sihat kita selesa,  
Lakukan senaman setiap masa,  
Minda sihat jiwa perkasa,  
Fikiran dan emosi tenang sentiasa.

### Inti Bahasa

Mual bermaksud bosan sekali atau meluat.

Dendangkan syair dan ceritakan gambar.

# UNIT 4

## Minda, Oh, Minda!



### Mendengar dan Bertutur

#### Ceramah Pengurusan Minda

Tajuk : Minda Sihat Emosi Stabil Tindakan Tepat  
Tarikh : □□ Februari 20□□ (Selasa)  
Tempat : Dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling  
Penceramah : Puan Selvi a/p Devaraja  
Guru Bimbingan dan Kaunseling



Baiklah, cikgu. Saya akan menyampaikan pesanan itu.

Izuni, tolong sampaikan pesanan saya kepada Sarmeela. Susun kerusi di dewan sebelum majlis bermula. Seterusnya, sampaikan pesanan saya kepada Ruben. Hias dewan dengan beberapa keping poster tentang kesihatan mental dan emosi. Akhir sekali, suruh Pei Shan dan Islah letakkan sebuah mikrofon dan sejambak bunga hiasan di atas rostrum.

Sarmeela, Cikgu Mazidah berpesan, .

Pei Shan dan Islah, .

Ruben, .

Terima kasih.



#### Aktiviti

Mendengar dan memahami maklumat.



- ◆ Murid memberikan respons dan menyampaikan pesanan.
- ◆ Murid menggunakan penjodoh bilangan semasa menyampaikan pesanan.
- ❖ amanah

1.3.3

17



## Membaca

### Ceramah Minda dan Emosi

Selamat pagi warga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang. Saya akan menyampaikan ceramah yang bertajuk “Minda Sihat Emosi Stabil Tindakan Tepat”.

Apakah minda dan emosi? Minda ialah keupayaan otak kita untuk berfikir, mengawal pergerakan, mentafsir maklumat seperti bau, dengar dan rasa. Emosi pula ialah perasaan. Apakah faedahnya jika minda sihat dan emosi stabil? 📚

Hadirin yang dimuliakan,

Minda dan emosi yang sihat membantu kita membuat pertimbangan yang positif. Oleh itu, kesilapan semasa membuat keputusan tidak akan berlaku.

Selain itu, kita tidak akan cepat berasa marah jika emosi dapat dikawal. Lantaran itu, perhubungan dengan rakan-rakan akan sentiasa mesra.

Minda yang sihat juga dapat membantu kita menghadapi sesuatu musibah dengan tenang. Kita mampu mengawal perasaan sedih supaya tidak berpanjangan.

Di samping itu, perasaan takut dapat dihindari semasa menghadapi tekanan. Kita berasa selesa dan yakin. Contohnya, kita tidak akan mendiamkan diri semasa perbincangan di dalam kelas.

Akhir sekali, kita dapat tidur dengan nyenyaknya. Kita tidak akan mengantuk semasa menjalani aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Oleh itu, prestasi pelajaran dan aktiviti luar bilik darjah kita sentiasa cemerlang.

Saya berharap agar semua murid mendapat manfaat daripada ceramah yang saya sampaikan ini.

Sekian, terima kasih.



#### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat.

18




- ◆ Murid membuat ulasan.
- ◆ Murid memindahkan maklumat dengan menggunakan peta pemikiran.
- .. kebersihan mental

2.4.1



## Menulis

### Otak Manusia



### Fungsi Otak

- berfikir
- membuat kesimpulan

•

•

### Cara Mencerdaskan Otak



Izuni, sudahkah kamu membina kerangka untuk menulis karangan tentang otak kita?



Otak Kita	Aku Sebagai Otak Manusia
Setiap orang mempunyai otak. Otak terletak di dalam kepala kita.	Aku otak manusia. Aku terletak di dalam kepala.

### Aktiviti

Membina kerangka karangan.



- ◆ Murid menulis karangan jenis fakta dan autobiografi.
- ◆ Murid memberikan respons.
- ◆ kesihatan mental

3.3.4

19



### Rahsia Sarapan

Sayup-sayup kedengaran kokokan ayam. Dengan wajah yang ceria, Izuni bingkas daripada tidurnya.

“Ibu, apakah sarapan hari ini?” Izuni menarik kerusi kayu jati di meja makan. Dengan sopan santun, Izuni duduk di sisi ibunya.

“Ibu menyediakan sarapan yang terbaik untuk anak tunggal ibu. Inilah kek pisang yang kamu suka,” jawab ibu Izuni.

“Wah, sedapnya kek pisang hasil air tangan ibu!” ujar Izuni.

“Pisang mempunyai karbohidrat yang tinggi. Karbohidrat itu akan merangsang paras glukosa dan mikronutrien di dalam otak kamu. Pisang dapat menjadikan otak kamu bergeliga. Kamu juga akan lebih fokus dan peka terhadap pelajaran,” jelas ibu Izuni.

“Inilah rahsia kamu selalu cemerlang dalam peperiksaan, iaitu sentiasa bersarapan,” ujar ibu Izuni sambil tersenyum lebar.

“Terima kasih, ibu, kerana mengambil berat tentang pemakanan saya,” balas Izuni sambil memeluk ibunya.



#### Aktiviti

Mengujarkan cerita.

20

Panduan Guru

- ◆ Murid mengujarkan cerita dengan bahasa yang indah.
- ◆ Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ❖ bertanggungjawab

4.2.1



## Kata Ganti Nama

### Kawal Minda semasa Bermain

sana

apa

kami

kita

situ

kamu

mereka

sini

kalian

siapa

Separuh masa  
bolos tiga gol!

Aduhai,  
malangnya  
nasib **aku**!

Mengapakah kamu  
bermuram di ?

Saya  
kecewa  
dengan  
prestasi  
saya.

Kamu usahlah  
berputus asa.

mahu melihat  
kehebatan .

menunggu  
kamu di .

Yang sedang  
memberikan  
motivasi itu ?

Mari  ke .

mesti bermain seperti biasa.  
Kawal minda dengan baik. kah  
sebabnya kita perlu mengawal minda  
semasa bermain?

### Aktiviti

Menggunakan kata ganti nama.



- ◆ Murid menggunakan kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk.
- ◆ Murid berbual berdasarkan gambar.
- ◆ rasional

5.1.3

21

# UNIT 5


## Usahlah Stres



### Mendengar dan Bertutur

#### Atasi Stres

Tahukah kamu cara mengatasi stres?



Cikgu Safik : Sudahkah kamu membaca maklumat pada poster dan majalah di bilik kaunseling, Min Li?

Min Li : Sudah, cikgu.

Cikgu Safik : Bagaimanakah dapat kita mengatasi stres?

Min Li : .

Cikgu Safik : Tolong jelaskan maksud pantun itu, Min Li.

Min Li : Baiklah, cikgu. Maksud pantun itu .

Semasa menunggu bas untuk pulang, Min Li berbual-bual dengan Ruben tentang cara mereka mengatasi stres.

Min Li : .

Ruben : .

#### Maklumat !

Stres ialah keadaan resah, cemas, tegang dan sebagainya akibat tekanan mental atau fizikal.

#### Aktiviti

Bertutur berdasarkan maklumat.

- ◆ Murid bertutur dengan menggunakan ayat yang gramatis.
- ◆ Murid membaca dan menyatakan maksud pantun.
- ❖ rasional



## Kenali Kemurungan

Kemurungan ialah sejenis penyakit psikologi yang disebabkan oleh tekanan perasaan yang serius. Pesakit akan mudah berasa risau. Akibatnya, mereka berasa tidak tenteram dalam kehidupan. Pesakit sentiasa gelisah apabila memikirkan sesuatu masalah.

Selain itu, pesakit amat sensitif. Perasaan mereka mudah terganggu. Pesakit akan tersinggung apabila mereka dinasihati.

Di samping itu, pesakit akan hilang selera makan. Mereka tidak berasa lapar. Pesakit akan menolak makanan yang diberikan walaupun makanan yang digemari oleh mereka.

Seterusnya, pesakit hilang keyakinan diri. Mereka mudah berputus asa untuk meneruskan kehidupan. Mereka akan menyendiri.

Sebagai rumusannya, tanda-tanda kemurungan

Oleh itu, bantuan khidmat kaunseling perlu diberikan kepada pesakit kemurungan kerana



### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat.



- ◆ Murid membuat rumusan berdasarkan teks.
- ◆ Murid menulis ulasan.
- menjaga kesihatan mental

EMK: TMK



## Kesan Stres kepada Manusia

Pada suatu hari, Cikgu Selvi berjalan ke arah kantin sekolahnya. Beliau terpandang Asha yang sedang membaca sebuah rencana yang bertajuk "Mengawal Tekanan". Beliau tertarik dengan tajuk rencana itu.

"Asha, apakah maklumat yang menarik dalam itu rencana?"  
Asha tersentak. Asha mengukir senyumannya kepada Cikgu Selvi.

Selepas itu, Asha mula bercerita kepada Cikgu Selvi.  
Rencana ini tentang stres yang akan menganggu fizikal dan emosi manusia.

Seseorang yang mengalami stres, akan mudah sakit kelapa. Mereka akan sakit kepala jika menghadapi masalah. Sakit kepala mensempan mereka pada bila-bila masa.

"Cikgu selalu berasa letih!" tanya Asha kepada Cikgu Selvi.

"Kadang-kadang," jawap Cikgu Selvi dengan ringkas.

Jika seseorang stres, mereka mudah berasa letih dan lemak semasa melakukan sesuatu aktiviti.

Akhir sekali, pesakit mudah diserang tinggi darah dan sakit jantung. Jadi, stres amat merbahaya kepada fizikal kita.

"Asha, bolehkah kamu senaraikan kesan stres kepada cikgu?" tanya Cikgu Selvi.



### Aktiviti

Mengedit teks.

24



- ◆ Murid memurnikan teks.
- ◆ Murid memberikan respons.
- ◆ prihatin

3.8.2



## Seni Bahasa


### Keresahan Sang Kancil

Pada suatu hari, Sang Kancil berlumba lari dengan Sang Rangkak. Sang Kancil telah tewas dalam perlumbaan itu.

Sejak hari itu, Sang Kancil mengalami tekanan perasaan. Fikirannya mulai terganggu. Sang Kancil mudah berasa marah dan tidak seceria dahulu.

Selain itu, daya tumpuan Sang Kancil semakin berkurangan. Sang Kancil tidak dapat membuat sesuatu tindakan dengan berkesan. Fikiran Sang Kancil berkecamuk dan hatinya selalu gundah-gulana.

Akibatnya



Lantaran itu, Sang Kancil berjumpa dengan Sang Belang, raja di rimba untuk mendapatkan buah fikiran.

“Kamu hendaklah berlapang dada agar keresahan itu hilang daripada kotak fikiran,” nasihat Sang Belang.

Akhirnya, Sang Kancil

#### Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar dan teks.




- ◆ Murid mengujarkan cerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ Murid menyatakan maklumat tersirat daripada cerita.
- insaf

# UNIT 6

## Terima Kasih, Kaunselor



### Mendengar dan Bertutur



Dato' Hasan : Vanesari, tolong jelaskan faktor kemenangan peserta kita dalam pertandingan syarahan.

Cik Vanesari : .

Puan Sadiyah : Isa, tolong jelaskan faktor .

Encik Isa : .

Tuan Guru Besar: Bagaimakah dapat kita mengekalkan kemenangan ini, ?

Cikgu Wong : dengan

Selepas pulang ke rumah, Puan Sadiyah berbual-bual dengan jirannya, iaitu Dato' Seri Zaid dan isterinya, Datin Seri Azlina, tentang perbincangan di sekolah itu.

Dato' Seri Zaid : Puan Sadiyah, apakah yang dibincangkan di sekolah tadi?

Puan Sadiyah : .

Datin Seri Azlina : Tahniah, !

### Aktiviti

Berbual berdasarkan gambar dan teks.

26

Panduan Guru

- ◆ Murid berbual dengan menggunakan kata gelaran dengan betulnya.
- ◆ Murid membuat keputusan.
- ❖ bekerjasama

1.4.2



## Membaca

### Dilema Islah

Islah telah menyertai latihan kawad kaki. Dia dipilih menjadi ketua platun. Pada setiap petang Rabu, dia akan berlatih dengan kawan-kawannya.

Selain itu, Islah juga pemain bola sepak sekolah. Dia dan kawan-kawannya berlatih dengan bimbingan Cikgu Safik. Dia dipilih menjadi ketua pasukan. Islah menjadi ayam tambatan pasukannya.

Pada suatu pagi, Guru Penolong Kanan Kokurikulum memanggil Islah ke biliknya.

“Islah, tarikh pertandingan kawad kaki peringkat daerah telah dipinda. Tarikh baharunya sama dengan tarikh perlawanan bola sepak. Kamu haruslah memilih sama ada mahu bermain bola sepak atau menyertai kawad kaki,” kata Guru Penolong Kanan Kokurikulum. Islah dalam dilema.

Dia buntu untuk membuat pilihan. Fikirannya berkecamuk. Dia sering termenung. Tambahan pula, Cikgu Safik telah melatihnya dengan bersungguh-sungguh. Beliau menaruh harapan yang tinggi untuk menjuarai pertandingan bola sepak peringkat daerah.

“Kepada siapakah boleh aku meluahkan masalah ini? Kawan, ayah atau kaunselor?” bisik hati Islah.

Dia terus buntu untuk membuat pilihan.

Jika kamu sebagai Islah, apakah tindakan kamu?  
Mengapa?

### Aktiviti

Membaca teks.



- ◆ Murid membaca untuk membuat keputusan dengan memberikan alasan yang relevan.
- ◆ Murid menulis ulasan berdasarkan teks.
- rasional

2.4.3

27



## Menulis

### Selamat Tinggal Stres

Islah agak resah kerana memikirkan peperiksaannya. Oleh itu, Islah telah berjumpa dengan kaunselor sekolah.

Islah diajar oleh Cikgu Wong tentang cara mengatasi keresahan dengan melakukan latihan pernafasan. Marilah kita lakukan bersama-sama.

Mula-mula, berdiri dan jarakkan kaki serta longgarkan tangan kamu. Selepas itu, pejamkan mata dan tundukkan kepala.

Kemudian, tarik nafas dan hembuskan nafas perlahan-lahan melalui hidung dengan kiraan 10 kali. Kamu mesti membayangkan masalah yang dihadapi telah selesai pada setiap hembusan nafas itu. Ulangi langkah itu sebanyak lima kali. Akhir sekali, buka mata kamu perlahan-lahan.

Latihan pernafasan ini dapat meningkatkan kadar pertukaran oksigen dan karbon dioksida dalam sel badan kita bagi melegakan keresahan.

Kini, Islah tidak berasa tertekan lagi. Terima kasih, kaunselor.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

#### Jawab soalan dan pernyataan.

1. Mengapa Islah berasa resah?
2. Pada pendapat kamu, mengapa Islah perlu berjumpa dengan kaunselor?
3. Apakah yang akan berlaku kepada Islah jika dia terus berasa resah?
4. Bagaimanakah stres dapat diatasi?
5. Buat ulasan tentang kesan daripada latihan pernafasan.

#### Aktiviti

Membina dan menulis jawapan.

- ◆ Murid menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif.
- ◆ Murid membuat ulasan bertindak bijak



## Kata Kerja dan Kata Bantu

### Seronoknya Terapi Minda

Islah dan kawan-kawannya menyertai kem motivasi “Minda Sihat” di Lata Bukit Hijau. Kem itu dianjurkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling.

Setelah sampai di sana, Islah dan kawan-kawannya .



mesti



sedang

dapat

akan

telah

Aktiviti dimulakan dengan .



Aktiviti terapi minda pada pagi itu telah berakhir. Islah dan kawan-kawannya bersalam dengan kaunselor. Mereka kelihatan ceria sekali.

#### Inti Bahasa

Terapi bermaksud rawatan tanpa penggunaan ubat.

#### Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar dan teks.

#### Panduan Guru


- ◆ Murid bercerita dengan menggunakan kata kerja dan kata bantu dengan betulnya.
- ◆ Murid membaca teks dan menaakul gambar.
- berwaspada

5.1.4

29

## Pemulihan

Nyatakan perasaan berdasarkan wajah kartun pada peta buih.




## Pengayaan

Baca petikan, kemudian nyatakan ulasan ringkas dengan menggunakan peta pelbagai alir.

Banyak faktor yang menyebabkan tekanan emosi berlaku. Antaranya termasuklah peristiwa yang berlaku dalam keluarga seperti kematian, perpisahan dan perceraian. Jika hal ini berlaku, seseorang itu akan menjadi murung dan hilang keyakinan diri.

Seterusnya, terdapat segelintir orang yang sering mendengar masalah daripada kawan-kawannya. Hal ini akan menyebabkan mereka terpaksa memikirkan masalah tersebut. Akibatnya, mereka akan tertekan.

Selain itu, persekitaran sekolah yang tidak menarik minat murid juga menyebabkan murid mengalami gangguan emosi. Kesannya, murid akan ponteng sekolah dan ingkar akan arahan guru.



# TEMA

## 3

# KOMUNITI PRIHATIN

Lengkapkan perkataan dalam permainan dengan huruf-huruf yang diberikan.



L<sub>2</sub> I<sub>2</sub> U<sub>2</sub>  
N<sub>2</sub> A<sub>2</sub>

# UNIT 7

## Program Sarana



### Mendengar dan Bertutur

#### Tanggungjawab Bersama

Terima kasih, Encik Zakaria dan Puan Aminah, kerana sudi datang ke **sini**. **Ini** rakan saya, Cikgu Mazidah. **Kami** sangat mengalu-alukan kedatangan tuan dan puan ke Mesyuarat Program Sarana.

Silalah masuk. Tuan Guru Besar sudah ada di dalam bilik mesyuarat. **Beliau** sedang berbual-bual dengan tetamu yang lain di **situ**.



Terima kasih.

Peranan Ibu Bapa atau Penjaga



#### Aktiviti

Berbual berdasarkan teks dan gambar.

32

Panduan Guru

- ◆ Murid berbual dengan menggunakan kata ganti nama yang betul.
- ◆ Murid membina ayat dengan menggunakan pelbagai kata ganti nama.
- ❖ bekerjasama

I.4.3

#### Maklumat !

Program Sarana Sekolah dan Sarana Ibu Bapa ialah suatu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti dengan sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara yang tercinta.



## Mentor Penyayang, Menti Cemerlang

Sejak tahun lepas, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti yang disarankan dalam program sarana. Antara program yang dijalankan termasuklah Program Mentor Menti.

Dalam program ini, setiap ibu bapa akan menjadi mentor kepada lima orang murid tahun enam. Mentor akan membimbing menti mengikut kemahiran dan kepakaran masing-masing. Mentor akan berjumpa dengan menti pada setiap hujung minggu. Mereka akan berbincang tentang pelbagai perkara, khususnya masalah pembelajaran.

Menerusi program ini, pihak sekolah berharap agar masalah pembelajaran murid dapat diatasi. Selain itu, murid dapat dibimbing menjadi insan yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.



### Aktiviti

Membaca, memahami dan menyusun maklumat.



- ◆ Murid memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.
- ◆ Murid mencatat maklumat.
- ◆ muafakat

**KUALA KETIL, 20 November –**  
Sebanyak 150 orang murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling telah mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR yang diumumkan semalam.

Encik Tan Kim Boon, Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling, berasa amat bangga dan bersyukur.

Menurut beliau, kejayaan tersebut dicapai atas hasil usaha pihak guru dan ibu bapa.

“Program Mentor Menti yang dijalankan di sekolah terbukti amat berkesan,” katanya.

“Pelibatan ibu bapa dalam program sarana wajar diteruskan dan ditingkatkan demi kecemerlangan murid.”



## Menulis

# Ibu Bapa Pendorong Kejayaan Murid

### Syaranan

#### Pendahuluan

Pelibatan ibu bapa dalam pelbagai aktiviti di sekolah dapat mendorong kejayaan murid.



bidang kurikulum



bidang kokurikulum



bidang koakademik

#### Penutup

Usaha ini terbukti membawa kejayaan kepada murid, bak kata pepatah, “muafakat membawa berkat”.

#### Penutup

Usaha ini perlu diteruskan demi kejayaan murid dalam pelbagai bidang.

### Aktiviti

Membina kerangka karangan.

34

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis karangan jenis syaranan dan laporan.
- ◆ Murid memindahkan maklumat.
- ◆ bekerjasama

3.3.4



## Seni Bahasa

### Latihan Pementasan Teater

Pihak ibu bapa dan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling telah berganding bahu melatih murid-murid menjayakan pementasan teater yang bertajuk “Si Tanggang”. Ayah Islah membantu guru menyediakan peralatan pentas. Ayah Jian Hui pula membantu guru menghasilkan kesan bunyi manakala ibu Izuni melatih murid membuat mimik muka yang betul.

#### Babak 1

Suara latar	Beginilah kehidupan orang tua Si Tanggang, “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Pondok buruk yang menjadi tempat mereka menumpang teduh terlalu usang keadaannya.
Ibu Tanggang	: Kalaulah Tanggang ada, sudah tentu dia akan menjaga kita. Di manakah dia sekarang? Sihatkah dia? Makankah dia?
Ayah Tanggang	: Sudahlah. Jangan fikir yang bukan-bukan. Mari tolong saya tadauh air hujan ini. Atap rumah kita bocor. (Kedua-duanya berjalan terbongkok-bongkok.)

#### Babak 2

Suara latar	Di tengah-tengah kota raya, Si Tanggang memerah keringat di tapak pembinaan.
Kesan bunyi	Bunyi jentera dan mesin.
Ketua Tanggang	: Tanggang, sudah bertahun-tahun kamu bekerja di sini. Kamu sangat rajin dan tidak pernah curi tulang. Sebagai penghargaan, kamu boleh bercuti selama lima hari. Nah, inilah upah kamu bulan ini!
Tanggang	: Terima kasih, tuan.

#### Babak 3

Suara latar	Setelah sekian lama tidak bertemu, pertemuan Si Tanggang dengan ibu bapanya diiringi tangisan dan air mata kegembiraan.
Tanggang	: Ibu, Tanggang sudah pulang!
Ibu Tanggang	: Oh, anakku, Tanggang! Ibu sangat merinduimu.

#### Aktiviti

Mengujarkan dialog.



- ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul dan jelas.
- ◆ Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- .. kasih sayang

4.3.1

35



## Kata Adjektif dan Kata Penguat

### Jayakan Aktiviti Sekolah

**SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA BALING,  
09100 BALING, KEDAH DARUL AMAN.**



UTAMA | PENTADBIRAN | GURU/STAF 2016 | PROFIL SEKOLAH | SEJARAH SEKOLAH | TAKWIM 2016 | PENCAPAIAN SEKOLAH

Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling telah bermurah hati menyumbangkan idea dan tenaga bagi menjayakan Program Sarana Sekolah. Sepanjang program itu berlangsung, pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan.

#### Inti Bahasa

Contoh Kata Penguat:

- Kata Penguat Hadapan **agak, cukup, paling, terlalu**
- Kata Penguat Belakang **benar, betul, sekali, nian**
- Kata Penguat Bebas **amat, sangat, sungguh**



#### Aktiviti

Bercerita tentang gambar dan teks.

36

Panduan Guru

- ◆ Murid bercerita dengan menggunakan kata adjektif dan kata penguat yang betul.
- ◆ Murid menulis teks secara imlak.
- ◆ bekerjasama

5.1.5

# UNIT 8

## Kelab Alumni



### Mendengar dan Bertutur

#### Projek Taman Refleksologi

Encik Zakaria dan rakan-rakannya daripada Kelab Alumni sedang berbincang. Encik Zakaria memberikan cadangan untuk membantu sekolah lama mereka membina taman refleksologi.

Sebagai anggota Kelab Alumni, kita akan membantu sekolah membina taman refleksologi.



Encik Anand telah memilih anak-anak pokok herba, pasu-pasu dan batu-batu sungai untuk dibawa ke sekolah. Beliau meminta Ruben memindahkan barang-barang tersebut ke tempat yang sesuai.



### Aktiviti

Menyatakan permintaan dengan memberikan alasan yang sesuai.



- ◆ Murid menyatakan permintaan dengan alasan yang sesuai secara bertatasusila.
- ◆ Murid membuat ulasan dengan berdasarkan maklumat daripada teks.
- prihatin



## Sumbangan Kelab Alumni

Kelab Alumni Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling ingin menawarkan bantuan kepada pihak sekolah. Bantuan tersebut adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut:



Dengan berdasarkan keperluan murid di sekolah itu, pihak sekolah telah bersepakat untuk memberikan keutamaan kepada tawaran yang dianggap penting. Pihak sekolah telah mengelaskan tawaran tersebut kepada sangat perlu, perlu, kurang perlu, tidak perlu dan sangat tidak perlu.



### Bantuan yang diperlukan

Sangat Perlu	<input type="checkbox"/>
Perlu	<input type="checkbox"/>
Kurang Perlu	<input type="checkbox"/>
Tidak Perlu	<input type="checkbox"/>
Sangat Tidak Perlu	<input type="checkbox"/>

### Aktiviti

Memahami dan menaakul maklumat.



## Dahulu dan Sekarang

Encik Zakaria memberhentikan keretanya di luar pagar sekolah. Di hadapannya tersergam bangunan berwarna kuning cair yang dikelilingi pepohon hijau. Kira-kira 30 tahun yang lalu, di situ lah beliau menimba ilmu.



“Banyak yang sudah berubah di sini. Namun begitu, ada juga yang masih sama,” bisik hati Encik Zakaria. Tiba-tiba, kenangan silam sewaktu zaman persekolahan menerpa dalam ingatan.

Seingat Encik Zakaria, sekolah itu dahulu kecil sahaja, tidaklah sebegini besar. Dinding bangunan bercat putih tanpa hiasan mural yang berwarna-warni. Hentian bas, pondok pengawal dan gelanggang bola keranjang juga belum ada. Namun begitu, suasana persekitaran yang bersih, hijau dan tenang masih kekal sama.

Bertuah sungguh murid sekolah ini sekarang. Banyak kemudahan disediakan untuk keselamatan dan keselesaan mereka.



Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling



### Aktiviti

Mencatat maklumat.



- ◆ Murid mencatat maklumat dalam peta pemikiran.
- ◆ Murid membaca dan memindahkan maklumat.
- ◆ kesyukuran




## Seni Bahasa

### Orang Berbudi Kita Berbahasa



Gan Ming telah merosakkan peralatan komputer semasa dia mengikuti kelas komputer di sekolahnya. Dia telah dipanggil oleh Cikgu Wong.



Tolonglah saya, cikgu. Janganlah minta ibu bapa saya menggantikan peralatan komputer itu. Kami bukan orang berada. Saya berjanji akan membayar ganti rugi jika saya ada duit nanti.



Baiklah. Saya akan menolong kamu menyelesaikan masalah ini.



Murni sungguh hati guruku. Suatu hari nanti akan kubalas budinya.



Keinsafan dan kejujuran yang ditunjukkan oleh Gan Ming menyentuh hati Cikgu Wong.



25 tahun kemudian ...

Cikgu Wong, ada seseorang yang bermurah hati mahu mendermakan RM50 000.00 untuk sekolah kita. Beliau mahu berjumpa dengan cikgu.

Jemputlah beliau masuk.

Islah, apakah pengajaran yang dapat kita peroleh daripada cerita ini?



#### Aktiviti

Mengujarkan dialog.

- ◆ Murid mengujarkan dialog untuk menyampaikan mesej.
- ◆ Murid berbual dengan berdasarkan teks.
- ◆ membalas jasa

# UNIT 9

## Perkongsian Pintar



### Mendengar dan Bertutur

#### Bekerjasama demi Kecemerlangan



- Islah : Tahukah kamu bahawa agensi kerajaan dan swasta dapat bekerjasama dengan pihak sekolah?
- Jian Hui : Ya, saya tahu. Kerjasama bagi aur dengan tebing ini merupakan satu langkah bijak.
- Ruben : Benar, Jian Hui. Menerusi bantuan yang dihulurkan, agensi kerajaan dan swasta dapat meringankan beban yang digalas oleh pihak sekolah, bak kata pepatah, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing”.
- Islah : Apakah bentuk bantuan yang dapat disumbangkan oleh pihak tersebut kepada pihak sekolah? Bolehkah kamu berikan contoh kepada saya?
- Jian Hui : .  
Ruben : .

### Aktiviti

Berbicara.



- ♦ Murid berbicara dengan menggunakan bahasa yang indah.

- ♦ Murid mencatat maklumat dalam bentuk grafik.

- ♦ prihatin



## Program Sekolah Angkat

Program sekolah angkat merupakan antara perkongsian pintar yang sudah pun dilaksanakan di sesetengah sekolah. Menerusi perkongsian ini, agensi kerajaan atau pihak swasta dapat membantu pihak sekolah melaksanakan program pendidikan dan pembangunan modal insan.


Agensi kerajaan atau pihak swasta akan mengadakan pelbagai aktiviti dengan sekolah angkat terpilih. Antara aktiviti tersebut termasuklah bengkel motivasi, lawatan sambil belajar dan kursus kemahiran.

Selain itu, murid yang kurang berkemampuan juga akan dibantu. Pelbagai bantuan diberikan untuk meringankan beban mereka. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk sumbangan kewangan dan bantuan persekolahan.





## Kejayaan Milik Kita



Kelab Seni Budaya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling telah mengharumkan nama negara apabila dipilih sebagai pemenang bagi kategori persembahan terbaik Festival Kesenian Murid Antarabangsa di Osaka, Jepun.

Persembahan tarian tradisional pelbagai kaum dan dendangan syair daripada kumpulan tersebut telah berjaya menambat hati para juri.

Kumpulan ini telah ditaja oleh agensi kerajaan dan swasta serta Lembaga Pengurus Sekolah. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai berserta trofi kejuaraan. Mereka dijangka pulang ke tanah air esok.

Kumpulan  
kami berjaya  
kerana



Dengarlah ini satu cerita,  
Cerita tentang negaraku tercinta,  
Malaysia oh Malaysia namamu tercipta,  
Kebanggaan kami rakyat jelata.

Masyarakat harmoni hidup bersatu,  
Saling menolong saling membantu,  
Bekerjasama sudahlah tentu,  
Semangat muhibah sungguhlah jitu.

Walau berbeza agama dan bangsa,  
Kemesraan terjalin sepanjang masa,  
Hormat-menghormati berbudi bahasa,  
Negaraku makmur aman sentosa.



### Aktiviti

Menulis ulasan.



- ◆ Murid menulis ulasan tentang kemenangan Kelab Seni Budaya.
- ◆ Murid melakukan syair dan menyatakan maksud.
- ◆ kegigihan



## Kata Hubung

### Tuisyen Percuma

Program tuisyen secara percuma telah dijalankan di sekolah Islah. Menerusi program tersebut, sebuah syarikat penerbitan buku telah bersetuju untuk membayai kos tuisyen bagi murid-murid tahun enam.

Islah dan rakan-rakannya tidak melepaskan peluang keemasan tersebut. Pada hari itu, mereka mengikuti kelas tuisyen Bahasa Melayu yang diajarkan oleh Cikgu Mazidah.

Cikgu Mazidah sangat tegas semasa mengajar. Beliau memberikan penerangan dengan jelas supaya murid memahami topik yang diajarkannya. Setelah selesai sesi penerangan, beliau meminta murid membuat latihan.

“Murid-murid, baca ayat tunggal di papan tulis. Bina ayat majmuk yang lengkap berdasarkan ayat tunggal yang diberikan. Gunakan kata hubung yang sesuai,” kata Cikgu Mazidah.

1. Kami berharap.

2. Bantuan itu penting.

3. Pegawai itu datang.

4. Beliau sibuk dengan tugas.

5. Encik Lim merupakan seorang dermawan.

6. Dia terpinga-pinga.

Aktiviti perkhemahan itu berjalan lancar.

Bantuan itu dapat meringankan beban pihak sekolah.

Guru sedang bermesyuarat.

Beliau tetap menyertai aktiviti sekolah.

Encik Lim sering membantu pihak sekolah.

Dia disoal oleh penceramah.

### Aktiviti

Menggunakan kata hubung.

44

Panduan Guru

- ◆ Murid menggunakan kata hubung dengan betulnya.
- ◆ Murid menulis jawapan secara kritis dan kreatif.
- ◆ prihatin

5.1.6


## Pemulihan

Bina lima ayat berdasarkan gambar dengan menggunakan kata hubung yang diberikan.



## Pengayaan

Bina perenggan berdasarkan gambar dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.



# TEMA

## 4 KESELAMATAN DIUTAMAKAN



Murid membuat gambaran mental tentang isi topik.



## Mendengar dan Bertutur

## Peraturan Lawatan

Sila baca arahan ini.

- Lengkapkan maklumat dalam borang kebenaran ibu bapa atau penjaga.
- Dapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga.
- Dapatkan surat pengesahan kesihatan. Surat ini sebagai langkah keselamatan jika berlaku sesuatu dalam perjalanan.
- Dengar taklimat daripada pihak sekolah bersama-sama dengan ibu bapa atau penjaga.
- Bawa peti kecemasan yang mengandungi ubat dan peralatan asas yang lengkap.
- Pastikan alat pemadam api terdapat dalam kenderaan yang digunakan.



Damrong : Islah, sudahkah kamu membaca maklumat pada papan kenyataan?

Islah : Ya, sudah. Maklumat itu .

Ganesan : Kita mesti mendapatkan .

Izuni : Mengapakah kita perlu mendengar taklimat daripada pihak sekolah, Sarmeela?

Sarmeela :  

Islah : Kita juga perlulah memastikan peti kecemasan sentiasa dibawa kerana  

Danial : Jadi, kita mesti memahami enam .

## Aktiviti

Berbicara untuk mendapatkan maklumat.



- ◆ Murid membuat rumusan.
- ◆ Murid membaca maklumat.
- ◆ mematuhi peraturan



## Membaca

### Taklimat Keselamatan

Hatiku melonjak kegembiraan apabila ayah membenarkan aku menyertai lawatan ke Kuala Lumpur.

Menjelang pagi itu, aku dan kawan-kawan telah diberi taklimat. Cikgu Ang yang cantik bak bidadari itu meminta aku beratur semasa menaiki bas.

“Jangan sesekali naik atau turun semasa bas sedang bergerak,” pesan Cikgu Safik pula. Aku berfikir sejenak. Mungkin aku akan terjatuh jika tidak mengikut arahan guru yang tampan seperti putera raja itu.

Tidak lama kemudian bas sampai. Aku memasukkan beg ke dalam perut bas lalu menaiki bas itu dengan berhati-hati.

“Wah, istimewanya bas ini, ada tali pinggang keledar!” Hatiku berbisik. Aku berasa lebih selamat.

“Islah, beritahu saya, apakah tindakan kamu jika bas ini rosak?” Tiba-tiba, pertanyaan Cikgu Safik menyentap lamunanku yang sedang membayangkan keindahan kota metropolitan itu. Selepas berfikir seketika, aku pun menjawab.

“Saya .”

Dalam perjalanan, aku sempat menulis serangkap sajak yang berjudul “Waspada”.

### Waspada

Malang tidak berbau



### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat.



## Menulis

### Berwaspada di Kawasan Rehat dan Rawat

Saya dan kawan-kawan turun dari bas .



Seterusnya, kami berjalan .



Selepas itu, .



Akhirnya, .



Mesej Baharu

Kepada : atoi@yahoo.com.my

Cc Bcc

Perkara : Lawatan ke Kuala Lumpur

Salam sejahtera, Atoi,

Saya ingin bercerita tentang pengalaman saya menyertai lawatan ke Kuala Lumpur. Semasa dalam perjalanan, bas berhenti di kawasan Rehat dan Rawat. Kami mengambil kesempatan .

### Aktiviti

Menulis maklumat.



- ◆ Murid menulis maklumat dengan menggunakan idea utama dan idea sampingan.
  - ◆ Murid membaca maklumat.
  - menjaga keselamatan diri
- EMK: Ilmu - Pendidikan Keselamatan Jalan Raya

3.6.1 49



## Seni Bahasa

### Keselamatanmu Keutamaanku

Muridku  
Nasihatku jangan dilupa  
Kata-kata ini amat bermakna  
Rehat dan Rawat berhenti seketika  
Agar badan kita berasa lega.



Muridku  
Ingatlah dompetmu  
Pastikan di sisimu  
Biarlah bersama-sama  
Takut nanti hilang entah ke mana  
Kelak pasti timbulkan sengketa.



Muridku  
Masihkah kamu di situ  
Bersendirian tanpa tuju  
Mungkin bahaya sedang menunggu  
Nanti diculik tak siapa yang tahu.

Muridku  
Jika kamu hadapi masalah  
Usah kamu berasa gundah  
Tiupkan wisel yang diserah  
Bantuan pasti akan dikerah.

Muridku  
Keselamatanmu keutamaanku  
Usah leka akan nasihatku  
Demi kasih sayangku yang jitu.



#### Aktiviti

Mendeklamasikan sajak.

50

Panduan Guru

- ◆ Murid menyatakan maksud sajak.
- ◆ Murid mengubah suai sajak kepada bentuk syair.
- ◆ berwaspada

4.4.1




## Kata Tugas


### Pastikan Selamat



pada ialah



dari ke




cermat cekap



ya wah



jangan amat



amboi lah

Pada pukul 7.00 pagi, .

Menjelang tengah malam, bas kami telah sampai di pekarangan sekolah dengan selamatnya. Aku berasa amat gembira kerana mendapat banyak pengalaman sepanjang lawatan itu.

### Aktiviti

Melengkapkan teks.



- ◆ Murid menggunakan kata tugas dengan betulnya.

- ◆ Murid membaca cerita yang telah ditulis.

- ◆ menjaga keselamatan

# UNIT


# II

## Keselamatan di Pasar



### Mendengar dan Bertutur

### Awasi Diri di Pasar



### Aktiviti

Berbincang dan mengemukakan pendapat.

- ◆ Murid berbincang secara kritis dan kreatif.
- ◆ Murid menggunakan kata majmuk dalam perbincangan.
- ◆ menjaga keselamatan



## Membaca

### Peka akan Keselamatan di Pasar

Banyak orang suka pergi ke pasar untuk membeli barang-barang dapur. Malangnya, mereka tidak peka akan keselamatan di pasar.

Antara tempat yang perlu diberikan perhatian oleh pengunjung pasar termasuklah tempat letak kenderaan. Sikap cuai pengunjung yang tidak mengunci kenderaan dapat mengundang bahaya. Pencuri mudah mengambil kesempatan di tempat yang sibuk seperti ini.

Di samping itu, peniaga selalunya memasang payung untuk melindungi barang-barang daripada cuaca panas. Kadangkala, kaki payung itu tidak dipasang dengan kemas. Ada pengunjung yang tersepak kaki payung lalu tercedera. Oleh itu, pengunjung harus berwaspada.

Tambahan lagi, laluan di tempat penjual ikan selalunya basah. Keadaan ini menyebabkan lantai menjadi licin. Pengunjung pasar mudah tergelincir jika tidak berhati-hati.

Akhir sekali, kejadian seluk saku juga mudah berlaku di pasar. Penyeluk saku akan mengambil kesempatan semasa pelanggan sibuk membeli barang keperluan. Oleh itu, pelanggan perlulah berhati-hati supaya kejadian yang tidak diingini dapat dielakkan.

Kesimpulannya, orang ramai perlulah peka akan keselamatan diri di pasar agar sentiasa selamat. Kita perlu mengutamakan keselamatan diri di pasar kerana malang tidak berbau.



Adakah anda telah mengunci kenderaan anda?



#### Aktiviti

##### Membaca teks.



- ◆ Murid menghasilkan idea baharu, contohnya pelan pasar yang sistematis.
- ◆ Murid mengujarkan cerita dengan ayat yang gramatis.
- berhati-hati



## Menulis

### Pasar Malam yang Selamat

Susunan Gerai	Laluan Keluar Masuk	Kaunter Khidmat Awam
<u>tersusun</u> <u>mengikut kategori</u> <u>kemas</u> <u>memudahkan pembeli</u> <u>mesra pengguna</u>	<u>tidak sesak</u> <u>mesra pengunjung</u> <u>jalan sehala</u> <u>jalan lebar</u>	<u>tempat aduan</u> <u>lapor kesalahan</u>

Islah bin Zakaria,  
14, Kampung Tembak B,  
09100 Baling,  
Kedah.

□ □ Mei 20 □ □

Menemui sahabatku, Atoi, yang berada di Sarawak.

Saudara,

Apa khabar? Diharapkan saudara dan keluarga sihat selalu. Saya dan keluarga di sini sentiasa dilindungi Tuhan.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan pengalaman saya pergi ke pasar malam yang .

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,  
Islah

### Aktiviti

Menulis karangan berformat.

54

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis surat tidak rasmi.
- ◆ Murid menggunakan pelbagai kata kerja dan kata bantu dalam surat.
- ❖ berwaspada

3.6.2



## Seni Bahasa

### Waspada Sentiasa

Awas kita  
Waspada semua  
Bahaya ada di mana-mana  
Tanpa diduga  
Petaka menjelma  
Kita akan merana.

Usahlah resah  
Usahlah malu  
Jika keluar bersama-sama ibu



Jalan adik di depan ibu  
Jangan kamu terburu-buru



Adik kecil didukung ibu



#### Aktiviti

Mencipta sajak dengan menggunakan bahasa yang indah.



- ◆ Murid melafazkan sajak dengan sebutan yang jelas serta memahami sajak tersebut.
- ◆ Murid membaca sajak.
- mengutamakan keselamatan

4.4.2

55

# UNIT 12 Fikir Sebelum Klik



## Mendengar dan Bertutur

### Nasihat Guru



### Aktiviti

Bertutur berdasarkan maklumat.

56

Panduan Guru

- ◆ Murid bertutur dengan menggunakan ayat yang gramatis.
  - ◆ Murid membaca dan memahami maklumat.
  - ◆ berhati-hati
- EMK: TMK

1.4.1



## Pembayaran Secara dalam Talian

“Ibu, berhati-hati jika membayar bil elektrik melalui Internet,” kata Islah.

“Islah, boleh tolong ibu?” tanya Puan Aminah.

“Boleh, ibu,” jawab Islah.

Islah pun menerangkan cara pembayaran bil secara dalam talian kepada ibunya.


Puan Aminah memasukkan kata pengenalan diri. Selepas itu, beliau menaip kata laluan. Puan Aminah tidak menggunakan nombor yang senang dikenal pasti seperti nombor kad pengenalan.

Sebelum itu, Puan Aminah memastikan laman sesawang yang dilayarnya betul. Beliau tidak mahu tersilap semasa memberikan maklumat peribadi. Beliau amat berhati-hati walaupun diminta atas urusan rasmi.

Langkah seterusnya, Puan Aminah mengklik bahagian pembayaran bil. Beliau mengisi maklumat seperti nama penuh, nombor akaun dan jumlah bayaran. Selepas menyemak maklumat pembayaran itu, beliau mengklik butang pengesahan.

Akhir sekali, beliau mengklik butang keluar setelah memastikan segala maklumat pada skrin itu betul.

“Ibu, saya akan membuat peta alir tentang cara pembayaran bil secara dalam talian. Peta alir ini akan memudahkan ibu untuk membuat pembayaran bil-bil lain,” kata Islah sambil memegang sebatang pensel dan sehelai kertas.



### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat.



- ◆ Murid menyusun maklumat.
- ◆ Murid mencatat maklumat dalam peta alir.
- ❖ berwaspada

EMK: TMK



## Pujukan dalam Talian

Sarmeela gemar melayari Internet. Pada waktu senggang, dia berbual-bual dengan rakan lama dan rakan baharunya melalui laman sosial.

Pada 7 Jun, seorang lelaki menghubungi Sarmeela melalui laman sosial. Lelaki itu memberitahu Sarmeela bahawa dia telah memenangi satu peraduan kerana laman sosialnya telah terpilih dalam undian "Anda Jutawan" semalam. Sarmeela gembira sekali.

Lelaki itu meminta nama penuh Sarmeela. Sarmeela pun memberikan namanya kepada lelaki itu. Kemudian, dia meminta nombor Mykadnya pula. Tanpa usul periksa, Sarmeela terus mengikut permintaan lelaki itu.

Seterusnya, lelaki itu meminta nombor akaun bank dan nombor pengenalan peribadi (PIN) kad bank. Dia memberikan alasan untuk memudahkannya memasukkan wang RM 1 juta ke dalam akaun Sarmeela. Tiba-tiba, Sarmeela teringat akan pesanan Puan Rugayah binti Aman, pegawai Bank Negara Malaysia yang pernah memberikan ceramah di sekolahnya.

Sarmeela bertindak bijak dengan memutuskan perbualan tersebut.



### Maklumat!

PIN ialah akronim bagi *personal identification number*.

Pada pendapat kamu, apakah pesanan yang diberikan oleh pegawai bank itu?

### Aktiviti

Membina dan menulis jawapan.

- ◆ Murid menulis jawapan pemahaman dengan betulnya.

- ◆ Murid membaca dan memahami teks.

- ◆ bertindak bijak

- ◆ 6.1 Mewujudkan strategi bagi perlindungan identiti.

- I. Laman sesawang apakah yang dilayari oleh Sarmeela?

2. Mengapa Sarmeela amat gembira?

3. Bilakah laman sosial Sarmeela memenangi peraduan itu?

4. Apakah maklumat yang dikehendaki oleh lelaki itu?

5. Jelaskan kesan jika Sarmeela tidak memutuskan perbualan itu.





## Kata Kerja dan Kata Bantu

### Bersama-sama Melayari Internet

Islah telah meminta izin daripada .



1. Pada pendapat kamu, mengapakah ibu Islah menemaninya semasa melayari Internet? Berikan alasan.
2. Wajarkah ibu bapa menemani kamu semasa melayari Internet? Berikan pendapat.

#### Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar.



- ◆ Murid menggunakan kata kerja dan kata bantu dengan betulnya.
- ◆ Murid berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis dan kreatif.
- prihatin

EMK: TMK

5.1.4

59

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan pemulihan dan pengayaan yang diberikan.

Murid-murid mudah tercedera ketika bersukan. Antara penyebabnya termasuklah cara mereka mengambil, membawa dan menyimpan alatan.

Semasa mengambil alatan, murid selalu tercedera kerana sikap mereka yang sering mengabaikan keselamatan. Selain itu, alatan sukan yang berselerak juga boleh menyebabkan kecederaan kepada murid.

Jika murid ingin mengambil peluru untuk aktiviti lontar peluru, mereka perlulah berhati-hati. Jikalau peluru itu terjatuh, dibimbangi akan terhempap pada kaki dan menyebabkan kecederaan.

Semasa aktiviti lompat tinggi, tilam yang disediakan perlulah tebal. Tilam yang tebal dapat mengurangkan risiko kecederaan kepada murid. Pastikan juga palang pada tiang itu diletakkan dengan betulnya. Ruang untuk aktiviti itu perlulah luas dan selamat.

Kesimpulannya, murid perlulah mengambil berat tentang keselamatan semasa aktiviti sukan.

### Pemulihan

1. Siapakah yang mudah cedera dalam aktiviti sukan?  
Yang mudah cedera dalam aktiviti sukan ialah .
2. Bagaimanakah sikap murid semasa mengambil alatan?  
Semasa mengambil alatan, murid .
3. Mengapakah murid tercedera di dalam stor sukan?  
Murid tercedera di dalam stor sukan kerana .



### Pengayaan

1. Apakah faktor yang menyebabkan murid mendapat kecederaan dalam aktiviti bersukan?
2. Di manakah kawasan yang sesuai untuk acara lompat tinggi?
3. Mengapakah murid mudah tercedera semasa mengambil alatan?
4. Tilam yang tebal diperlukan untuk aktiviti lompat tinggi. Mengapa?
5. Pada pendapat kamu, bagaimanakah susunan alatan di dalam stor sukan agar tidak berlaku kecederaan kepada murid? 

# PENILAIAN I

- A) Kenal pasti jenis ayat dan ragam ayat, kemudian sebut ayat itu.

## Resah Terlerai

Pei Shan cuba melelapkan mata. Walau bagaimanapun, peristiwa kekalahan pasukan badminton sekolah mengganggu fikirannya.

Keesokan harinya, Pei Shan berjalan ke bilik bimbingan dan kaunseling. Dia ingin berjumpa dengan kaunselor sekolahnya. Pei Shan mengetuk pintu.

“Oh, Pei Shan! Sila duduk,” kata Cikgu Wong kepada Pei Shan.

“Apakah yang dapat saya bantu?” tanya Cikgu Wong.

“Harap cikgu tidak memarahi saya,” jawab Pei Shan.

“Mengapakah kamu berkata begitu?” Cikgu Wong kehairanan.

“Saya yang menyebabkan pasukan badminton kita kalah,” jawab Pei Shan.

“Tidak, pasukan kita kalah disebabkan oleh strategi yang tidak betul,” pujuk Cikgu Wong.

“Aduhai, hati saya amat sedih!” kata Pei Shan.

“Pei Shan, lupakan kekalahan itu. Tunjukkan kehebatan kamu dalam perlawanan yang akan datang,” nasihat Cikgu Wong.

“Nasihat cikgu akan saya ikuti,” kata Pei Shan.

Selepas mengucapkan terima kasih kepada Cik Wong, Pei Shan keluar dari bilik itu dengan wajah yang ceria.



## PENILAIAN I

- B) Baca petikan dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang sesuai. Kemudian, pindahkan maklumat dalam bentuk peta buih.

### Terima Kasih, Si Putih

Asha baik hati. Dia dan keluarganya tinggal di pinggir bandar. Asha amat disayangi oleh keluarganya. Pada suatu hari, Asha membawa seekor anak kucing yang dijumpainya ke rumah.

“Asha, apakah yang kamu bawa pulang?” tanya kakaknya.

“Ini anak kucing, kakak,” beritahu Asha kepada kakaknya yang juga pencinta haiwan.


Sejak hari itu, Asha dan keluarganya menjaga kucing itu dengan baiknya. Asha memberikan nama Si Putih kerana kucing itu berbulu putih.

“Amboi, comel dan manja Si Putih!” kata Puan Devi, ibu Asha.

Setiap malam, Si Putih akan menjelajah setiap pelosok rumah. Tikus yang selalu bermaharajalela hilang entah ke mana kerana sifat tangkas dan cekap Si Putih.

Kehadiran Si Putih juga dapat mengeratkan hubungan keluarga Puan Devi. Mereka bermain dengan Si Putih pada waktu senggang. Perasaan stres lenyap dengan gelagat dan telatah Si Putih.

Terima kasih, Si Putih.



# PENILAIAN I

C) Tulis karangan berdasarkan gambar dan kerangka di bawah.

## Pastikan Selamat



- mementingkan keselamatan
- berhati-hati
- bucu meja



- mencurah air ke lantai
- sisa sabun hilang
- lantai kesat



- bersarapan
- makanan berkhasiat



- memastikan brek basikal berfungsi
- memakai jaket keselamatan
- memantulkan cahaya
- topi keledar



- menunggang basikal
- laluan basikal
- dapat melihat kenderaan



- sampai ke sekolah
- menguncangkan
- masuk ke kelas

## PENILAIAN I

### D) Pilih jawapan yang sesuai.

1. Kita menggunakan \_\_\_\_\_ untuk membuat keputusan.  
A. perasaan              B. pemikiran  
C. pendengaran          D. penaakulan
2. Encik Zakaria pergi ke \_\_\_\_\_ untuk membuat laporan tentang kehilangan kad pengenalannya.  
A. Balai Polis Sungai Petani  
B. Balai Polis Trafik Sungai Petani  
C. Balai Rukun Tetangga Sungai Petani  
D. Balai Aduan Pengguna Sungai Petani
3. Sebagai anak, \_\_\_\_\_ hendaklah menghormati ibu bapa.  
A. kami              B. mereka  
C. kita                D. dia
4. Ambulans yang membawa pesakit itu dipandu \_\_\_\_\_ menuju ke hospital.  
A. pantas              B. laju  
C. perlahan            D. kencang

Pilih perkataan yang sesuai untuk diisikan pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.



Pada suatu petang, hujan turun \_\_\_\_\_ lebatnya. Pak Cik Lee memasang lampu kereta \_\_\_\_\_ memperlahangkan kelajuan kenderaannya.

Tiba-tiba, Pak Cik Lee menekan pedal brek. Sebatang pokok \_\_\_\_\_ agak besar telah tumbang dan melintang di tengah jalan.

Selepas itu, Pak Cik Lee memberhentikan keretanya di bahu jalan. Dia mengambil kon dari ruang simpanan keretanya \_\_\_\_\_ meletakkannya di tengah jalan.

Akhir sekali, Pak Cik Lee menghubungi pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), bomba dan polis. Dia melaporkan \_\_\_\_\_ sebatang pokok telah menghalang lalu lintas. Dia meminta pihak berkenaan \_\_\_\_\_ datang ke tempat kejadian.

# TEMA

5

## PUPUK PERPADUAN

Si cantik manis anggun berjubah,  
Rambutnya ikal cantik bergaya;  
Saya sejenis alat muzik Sabah,  
Gunakan akal tekalah saya.

Kalau tuan ke rumah nyonya,  
Jangan lupa membawa laksa;  
Kalau tuan pintar orangnya,  
Bunga apa kembang di angkasa?

Anak ayam lari ke hutan,  
Anak ungka dimakan buaya;  
Saya dianyam daripada rotan,  
Cubalah teka siapa saya?

Lafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul. Kemudian, berikan jawapannya.

# UNIT 13 Formula 1 Malaysia



## Mendengar dan Bertutur

Anda suka akan cabaran? Anda bersemangat waja dan cinta akan perpaduan? Sertailah perlumbaan yang bakal menguji semangat setia kawan dan perpaduan anda. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Mungkin andalah juara yang kami cari.



Perlumbaan Formula 1 Malaysia  
Sempena Hari Perpaduan  
Tarikh : □□ Julai 20□□ (Isnin)  
Masa : 8.00 pagi  
Tempat : Padang SJKC Baling

### Syarat

- Terbuka kepada murid tahap dua.
- Penyertaan adalah secara berkumpulan.
- Setiap kumpulan mestilah terdiri daripada tiga orang peserta yang berbilang bangsa.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Sesiapa yang berminat, sila hubungi Cikgu Safik atau Cikgu Swee Lian.

Tarikh tutup penyertaan: □□ Julai 20□□

Hadiiah menarik  
menanti anda!

### Aktiviti

Bercerita dengan menggunakan pelbagai jenis dan ragam ayat berdasarkan poster.

66



- ◆ Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ Murid membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat.
- ◆ berani

1.5.1



## Trio Kesateria

Perlumbaan Formula 1 Malaysia telah menarik minat Ruben dan rakan-rakannya. Dia, Islah dan Jian Hui bersepakat untuk menyertai perlumbaan tersebut. Mereka membentuk kumpulan yang diberi nama “Trio Kesateria”.

Sebelum perlumbaan bermula, taklimat tentang peraturan perlumbaan diberikan. Dalam perlumbaan tersebut, setiap kumpulan perlu menarik upih pinang yang dinaiki oleh seorang anggota kumpulan. Mereka perlu menuju ke tiga buah stesen yang terletak di lokasi yang berbeza. Di setiap stesen, ada cabaran yang perlu dilakukan. **Kumpulan yang berjaya menyempurnakan ketiga-tiga cabaran dalam masa yang paling pantas akan diisyiharkan sebagai juara.**

Saat yang ditunggu-tunggu pun tiba. Gong dipalu menandakan acara bermula dengan rasminya. Semangat kumpulan Trio Kesateria begitu membara. Dari satu stesen ke satu stesen, cabaran dihadapi bersama-sama.

Akhirnya, cabaran pertama, kedua dan ketiga disempurnakan oleh mereka dengan jayanya.

1. Apakah perlumbaan yang telah menarik minat Ruben dan rakan-rakannya?
2. Ke manakah para peserta perlu menarik upih pinang?
3. Nyatakan cabaran yang perlu disempurnakan oleh Trio Kesateria.
4. Berikan maksud ayat yang dicetak berwarna merah.
5. Huraikan faktor kejayaan Trio Kesateria.

### Aktiviti

Membaca petikan.



- ◆ Murid menjawab soalan dan menjelaskan pernyataan.
- ◆ Murid melafazkan pantun dengan sebutan yang jelas dan intonasi yang betul.
- ◆ perpaduan



### 1 Cabaran Pertama

Ulam pegaga di dalam raga,  
Dibawa orang ke Batang Kali;  
**Bola raga ditimang bertiga,**  
Jangan kurang dua puluh kali.

### 2 Cabaran Kedua

Usah diburu kerbau betina,  
Takut-takut tak sempat lari;  
Mari tiru kaligrafi Cina,  
Cuba ikut contoh diberi.

### 3 Cabaran Ketiga


Kuih karas bawa ke sini,  
Kuih talam beli di kota;  
Tabur beras berwarna-warni,  
Buat kolam bentuk pelita.




## Harmoninya Kampung Dabai

Penduduk Kampung Dabai, Sarawak terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Di kampung tersebut terdapat kaum Melayu, Cina, Iban, Bidayuh dan Melanau. Biarpun mengamalkan budaya yang berbeza, namun mereka hidup aman dan harmoni.


Mereka sering menjayakan sesuatu aktiviti tanpa wujud sebarang sengketa. 



Pesta Kebudayaan



Acara Sukan



Sambutan Perayaan

Nilai murni yang tersemat dalam jiwa masyarakat Kampung Dabai merupakan kunci utama perpaduan kaum di kampung itu.



### Aktiviti

Menulis perenggan.

- ◆ Murid menulis perenggan berdasarkan bahan grafik.
- ◆ Murid menaakul maklumat.
- ❖ toleransi



## Seni Bahasa

### 1Malaysia

Dunia kian berubah  
Perubahan melingkari  
Melaksana hasrat hati  
Kejayaan terbukti

Dunia yang megah  
Dengan misi yang gagah  
Kerana perpaduan  
Kita masih bersama

Kita satu bangsa, kita satu negara  
Kita satu matlamat, oooo  
Kita satu bangsa, satu negara  
Kita satu Malaysia

Bermulanya sekarang  
Perjalanan dilaksana  
Seia sekata sehati dan sejiwa

Membina masa hadapan  
Menuju kejayaan  
Kita semua rakyat Malaysia  
Harmoni, saling menghormati

Kita satu bangsa, kita satu negara  
Kita satu matlamat, oooo  
Kita satu bangsa, satu negara  
Kita satu Malaysia

Ihsan: Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing  
Pencipta: Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing

### Sajak 1Malaysia

Biarpun dunia berubah  
Biarpun perubahan melingkari  
Kita tetap bersama  
Melaksanakan hasrat hati  
Menjayakan misi yang gagah  
Kerana  
Kita \_\_\_\_\_  
Kita \_\_\_\_\_  
Kita \_\_\_\_\_  
Kita \_\_\_\_\_  
Kita \_\_\_\_\_  
Kita \_\_\_\_\_  
Kita satu Malaysia.

#### Aktiviti

Menyanyikan lagu.



- ◆ Murid melahirkan imaginasi menerusi sajak yang dihasilkan berdasarkan seni kata lagu.
- ◆ Murid mendeklamasikan sajak.
- ◆ hormat-menghormati

4.I.I

69



## Kata Ganda

### Rumah Terbuka Kampung Dabai

Penduduk Kampung Dabai telah mengadakan majlis rumah terbuka di kampung mereka. Majlis rumah terbuka amat sesuai untuk memupuk perpaduan kaum. Menerusi amalan ini, pelbagai kaum di Kampung Dabai, dapat berkumpul dan beramah mesra.



besar-besaran

tetamu

kuih-muih

lauk-pauk

enak-enak

tetangga

berbual-bual

saudara-mara

rakan-rakan

ramah-tamah

hormat-menghormati

bersalam-salaman



Mengapakah kamu suka menghadiri majlis rumah terbuka, Islah?

Saya suka menghadiri majlis rumah terbuka kerana .

#### Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar.

- ◆ Murid bercerita menggunakan kata ganda yang betul.
- ◆ Murid menulis perenggan.
- ◆ berbudi bahasa




# UNIT 14 Berkat Hidup Sepakat



## Mendengar dan Bertutur

### Seikat bagi Sirih, Serumpun bagi Serai

Masalah perpecahan penduduk di Kampung Kemuni kian menjadi-jadi. Pada malam itu, Pak Junid memanggil anak buahnya. Mereka mengadakan mesyuarat tergempar.



Pak Junid memberikan kata-kata nasihat. Masalah itu dapat diselesaikan secara adil dan bijaksana.

Seikat bagi sirih, serumpun bagi serai.

Akhirnya, pihak yang bersengketa sedar akan kesilapan. Mereka berasa insaf dan saling bermaafan.

Buang yang keruh, ambil yang jernih.

#### Aktiviti

Menceritakan cerita.



- ◆ Murid menceritakan cerita dengan pelbagai jenis ayat dan ragam ayat.
- ◆ Murid mengujarkan dialog.
- ❖ harmoni

1.5.2

71



## Usahlah Terburu-buru

Pagi-pagi lagi, Jupli dan Asmat datang ke rumah Pak Junid. Muka mereka kelihatan cemas. Ada masalah yang mahu diadukan kepada ketua kampung mereka itu.

“Aduhai, malang sungguh nasib kami! Sompoton yang disimpan di balai raya hilang. Esok kami perlu membuat persembahan bersempena dengan sambutan Hari Malaysia di kampung kita,” kata Jupli sambil mengerutkan dahi.

“Mungkin ada orang yang mengambil sompoton itu. Cuba kamu tanya kepada anak-anak Pak Sohod,” celah anak Pak Junid.

“Jangan cepat tuduh orang,” kata Pak Junid.

“Siapa lagi kalau bukan mereka, Pak Junid?” tanya Jupli.

Pak Junid hanya menggeleng-gelengkan kepala. Beliau mengambil telefon bimbitnya lalu menunjukkan sesuatu kepada mereka.

“Sompoton itu ada dalam simpanan Cikgu Azhar. Gambar ini buktinya. Kelmarin, beliau meminjam sompoton kita kerana ada persembahan kebudayaan di sekolah,” jelas Pak Junid.

Merah muka Jupli, Asmat dan anak Pak Junid. Mereka berasa malu amat kerana bersikap terburu-buru. Mereka segera memohon maaf kepada Pak Junid. Tindakan melulu mereka itu boleh menimbulkan perpecahan dalam masyarakat.



### Aktiviti

Membaca teks.

72

Panduan Guru

- ◆ Murid membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat dan ragam ayat.
- ◆ Murid bercerita tentang teks.
- sabar

2.3.I



## Menulis

### Suburkan Perpaduan

Atoi, Islah dan Jian Hui telah berpeluang menyaksikan sambutan Hari Malaysia pada 16 September tahun lepas. Suasana pada hari yang bersejarah itu sungguh meriah.



para pengunjung

**8.00 pagi**

- beribu-ribu orang
- pelbagai kaum
- mengibarkan Jalur Gemilang



perarakan kebudayaan kaum utama

**8.30 pagi**

- Melayu, Cina, India
- melambangkan perpaduan
- berbeza budaya tetapi harmoni



perarakan kebudayaan pelbagai etnik

**9.00 pagi**

- Bajau, Murut, Iban, Melanau
- pelbagai budaya
- ceria dan berwarna-warni



tayangan video

**10.30 pagi**

- memaparkan kehidupan masyarakat Malaysia
- bersatu padu
- keunikan masyarakat kita

Pada pukul 12.30 tengah hari, Atoi, Islah dan Jian Hui serta keluarga masing-masing pun pulang. Mereka berasa gembira sungguh. Pengalaman yang dilalui pada hari itu banyak meninggalkan kesan yang positif dalam diri mereka. Semangat perpaduan dan rasa cinta akan tanah air sendiri kian subur dan mekar dalam sanubari.

#### Aktiviti

Menulis karangan.



- ◆ Murid menulis karangan jenis cerita dan catatan harian.
- ◆ Murid memindahkan maklumat.
- ◆ toleransi

3.7.2

73



## Seni Bahasa

### Mekarnya Perpaduan

#### Malaysia Tanah Airku

Malaysia oh tanah airku  
Tanah tempat tumpah darahku  
Negeri elok amat kucinta  
Yang kupuja sepanjang masa

Sawahmu terbentang meluas  
Tumbuh-tumbuhan hijau merendang  
Bukitmu lurusnya terbentang  
Tak jemu mataku memandang

(korus)  
Sungguh indah di Malaysia  
Negeri yang kaya-raya  
Tempat pusat bermiaga  
Terkenal di seluruh dunia

Malaysia negeriku Malaysia  
Pusaka tinggalan moyangku  
Tetap sentosa hidup merdeka  
Malaysia oh tanah airku

Pencipta lagu: Johar Bahar



#### Malaysiaku Makmur

Di sini terbina negara  
Yang makmur namanya Malaysia  
Pelbagai bangsa di dalamnya  
Bersatu dan bekerjasama

Andai kita bersengketa  
Andai kita saling mencerca  
Musnahlah perpaduan kita  
Musnahlah negara tercinta

(korus)  
Sungguh makmur di Malaysia  
Negara aman sentosa  
Marilah kita pelihara  
Perpaduan sesama kita



Islah : Ruben, apakah pendapat kamu tentang perpaduan di Malaysia?

Ruben :

### Aktiviti

Mengubah suai seni kata lagu melalui nyanyian.

74



- ◆ Murid mengubah suai seni kata lagu.
- ◆ Murid berbincang dan mengemukakan pendapat.
- ◆ sepakat

4.1.2

# UNIT 15

## Perpaduan Memajukan Negara



### Mendengar dan Bertutur

#### Rahsia Kejayaan Negara

Encik Laurent warganegara Perancis. Beliau berkunjung ke Malaysia kerana mahu meninjau peluang perniagaan. Beliau akan dibantu oleh rakan baiknya, Encik Zakaria. Sebenarnya, beliau amat tertarik akan keadaan negara Malaysia yang maju dan aman.

Pemandu teksi : Selamat datang ke Malaysia.

Encik Laurent : Terima kasih.

Pemandu teksi : Apakah tujuan encik datang ke Malaysia?

Encik Laurent :

Pemandu teksi : Mengapakah encik bercadang untuk berniaga di Malaysia?

Encik Laurent : Apakah rahsia kemajuan negara ini?


Pemandu teksi : Negara ini maju kerana rakyat Malaysia hidup bersatu padu.  
Kami mengamalkan nilai murni.

Encik Laurent : Apakah sifat terpuji tersebut?

Pemandu teksi :

Encik Laurent : Bagaimanakah sifat terpuji tersebut dapat diterapkan  
dalam diri rakyat Malaysia?

Pemandu teksi :



#### Aktiviti

Memberikan respons.



- ◆ Murid memberikan respons terhadap soalan bertumpu dan bercapah dengan betulnya.
- ◆ Murid mengujarkan dialog yang dihasilkan.
- berhemah tinggi

EMK: Peraturan Sosiobudaya

1.3.2

75



## Membaca

### Citrawarna Malaysia


Encik Laurent telah dibawa oleh Encik Zakaria menyaksikan perarakan Citrawarna Malaysia. Perarakan yang gilang-gemilang itu diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Perarakan tersebut telah berjaya menarik kunjungan ribuan penonton. Mereka terdiri daripada rakyat Malaysia yang berbilang bangsa serta pelancong asing.

Menerusi acara tersebut, Encik Laurent dapat melihat keutuhan perpaduan rakyat Malaysia. Semangat kerjasama dan sikap toleransi begitu terserlah dalam diri para peserta. Tanpa mengira perbezaan budaya dan agama, mereka telah bersepakat untuk menjayakan acara tersebut sehingga selesai. Mereka bersatu hati dan berganding bahu untuk menjayakan perarakan tersebut.

Sepanjang berada di Malaysia, Encik Laurent berasa sungguh gembira. Penduduk Malaysia ramah-tamah dan berbudi bahasa. Tidak timbul sedikit pun rasa bimbang dalam hatinya kerana negara Malaysia aman sejahtera.

Encik Laurent juga berasa amat kagum. Perpaduan kaum yang utuh mewujudkan suasana harmoni. Keharmonian amat penting dalam usaha memajukan negara. Bagi golongan pelabur sepertinya, beliau akan sentiasa berhati-hati untuk membuat pelaburan. Beliau perlu mengambil kira faktor keamanan sesebuah negara sebelum membuat keputusan.



#### Aktiviti

Jika kamu sebagai Encik Laurent, mahukah kamu melabur di Malaysia? Berikan alasan.



Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat.

76

Panduan Guru

- ◆ Murid membuat keputusan dan memberikan alasan yang sesuai.
- ◆ Murid menulis jawapan.
- .. bertolak ansur

EMK: Keusahawanan

2.4.3



## Menulis

### Negaramu dari Kaca Mataku



Laurent Didier,  
40, Rue Daru,  
75008 Paris,  
Perancis.

22 Julai 2016.

Buat tatapan sahabatku, Zakaria di Kedah, Malaysia semoga sihat sejahtera.  
Saya di sini sahaja biasa-biasa.

Saudara

Sejak pulang daripada Malaysia tempohari, ingatkan saya terhadap saudara dan suasana di Malaysia masih belum pudar. Alangkah seronoknya jika saya dapat tingal lebih lama di sana? Tentu lebih banyak saat manis yang dapat dilalui oleh kita bersama-sama.

Sepanjang berada di Malaysia, saya berasa sungguh gembira. Para penduduknya ramah-tamah dan berbudi bahasa. Sedikit pun tidak ada rasa gusar dalam hati saya kerana negara Malaysia aman sejahtera. Penduduknya bersatu hati biarpun perbezaan bangsa dan agama. Dari kaca mata saya, Malaysia istimewa cukup.

Sesungguhnya, seluruh rakyat Malaysia amat bertuah. Oleh kerana itu, hargailah dan syukurilah nekmat yang dikehendaki.

Akhir kata, ingatlah pesanan ikhlas dari saya. Tolong jangan hancuri perpaduan yang sudah ada kerana bersatu kita tegoh, bercerai kita roboh.

Sekian, terima kasih.

Sahabatmu,  
*Laurent*



#### Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks.



- ◆ Murid mengedit dan memurnikan surat kiriman.
- ◆ Murid berbincang tentang kepentingan perpaduan kepada negara.
- kesyukuran

EMK: TMK

3.8.2

77




## Kata Majmuk

### Tuah Peniaga

Setiap pagi, gerai makanan Pak Ayob dipenuhi pelanggan. Pak Ayob dan isterinya tidak menang tangan melayan para pelanggan. Pak Ayob bersyukur kerana jualan makanannya sangat laris. Para pelanggannya terdiri daripada pelbagai bangsa. Antaranya, termasuklah Encik Zakaria, Encik Laurent, Encik Hong dan Puan Jeyarani.

Encik dan puan  
mahu makan apa?



Encik Hong merupakan pengurus  
Resort Seri Muhibah. Beliau .

- kaca mata
- tali leher
- cita rasa
- meja makan

Puan Jeyarani merupakan pekerja  
di Resort Seri Muhibah juga. Beliau .

- setiausaha
- bertanggungjawab
- rumah pangsa
- biru muda

RESORT SERI MUHIBAH  
Resort Seri Muhibah  
sangat terkenal.  
Resort ini .

- milik bumiputera
- bertaraf antarabangsa
- mempunyai 400 orang kakitangan
- pekerja tempatan dan warganegara asing
- pelancong dari luar negara
- pelosok dunia

#### Aktiviti

Bercerita berdasarkan gambar dan maklumat.

- ◆ Murid bercerita tentang teks dan gambar dengan menggunakan kata majmuk yang betul.
- ◆ Murid membuat rumusan.
- ❖ kerajinan

## Pemulihan

Susun dan tulis ayat menjadi perenggan.

Mesej Baharu

Daripada : zakaria92@gmail.com

Kepada : laurent94@yahoo.com

Perkara : Perpaduan Rakyat Malaysia

Apa khabar, sahabatku? Terima kasih atas kiriman surat tempoh hari. Saya amat bersetuju dengan pendapat saudara tentang pentingnya perpaduan.

- Hal ini dapat dicapai kerana kami amat mementingkan perpaduan kaum.
- Negara saya terdiri daripada pelbagai kaum.
- Walaupun berbeza budaya dan agama, kami hidup aman dan harmoni.
- Ada kaum Melayu, Cina dan India.

## Pengayaan

Bina dan tulis perenggan dengan menggunakan maklumat daripada bahan grafik.

### Cara Memupuk Perpaduan Kaum



## Bacaan Luas



SJKT Kupang,  
09000 Kulim,  
Kedah Darul Aman.

Ibu Bapa/Waris/Penjaga,

□ □ JULAI 20□□.

Tuan/Puan,

### PEMAKLUMAN TENTANG HARI MALAYSIA

Dengan merujuk perkara di atas, kami ingin memaklumkan bahawa Hari Malaysia akan disambut pada 16 September setiap tahun. Tujuan sambutan ini diadakan adalah untuk memperingati penubuhan Malaysia pada 16 September 1963.

2. Malaysia terbentuk hasil penyertaan bersama Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura. Walau bagaimanapun, Singapura berpisah daripada Malaysia pada tahun 1965. Pengisytiharan penubuhan Malaysia telah dibacakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Pengisytiharan tersebut telah diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
3. Untuk makluman tuan, mulai tahun 2010, Hari Malaysia telah diumumkan sebagai hari cuti umum di Malaysia. Sebelum itu, Hari Malaysia merupakan hari cuti umum bagi negeri Sabah sahaja bersempena dengan Hari Keputeraan Yang di-Pertua Negeri Sabah.
4. Bersempena dengan Hari Malaysia, sambutan yang gilang-gemilang pada peringkat kebangsaan telah diadakan. Tujuan sambutan ini diadakan adalah untuk menghargai dan menghayati Hari Malaysia. Hal ini berlaku demikian kerana hari tersebut melambangkan penyatuan dan perpaduan kita sebagai rakyat Malaysia.
5. Sehubungan dengan itu, sambutan Hari Malaysia peringkat sekolah akan diadakan pada 17 September 20□□. Antara acara yang akan diadakan termasuklah pameran, ceramah dan tayangan video. Acara ini dianjurkan bagi memperingati dan menghayati hari yang bersejarah itu.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

*Nathesan*.....

(NATHESAN A/L KUMARAN)  
Guru Besar

# TEMA

## 6

# SEMANGAT CINTA AKAN NEGARA



Berpantang maut sebelum ajal  
Biar putih tulang jangan putih mata

Buatan Malaysia Pilihan Bijak  
Alah membeli menang memakai



BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA



BUATAN MALAYSIA  
PILIHAN BIJAK

Biar mati anak jangan mati adat  
Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta

Bangsa Membaca Bangsa Berjaya  
Bahasa Jiwa Bangsa



Ber cerita berdasarkan gambar. Kemudian, berikan maksud peribahasa dan slogan.

# UNIT 16 Perkasakan Bahasa Kita



## Mendengar dan Bertutur

### Terapkan Jati Diri

Pada minggu hadapan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang akan menyertai Bengkel Memartabatkan Bahasa Melayu di Inap Desa, Air Panas Ulu Legong bersama-sama dengan murid dari sekolah jenis kebangsaan di daerah Baling.



#### Aktiviti

Memberikan respons.

82

Panduan Guru

- ◆ Murid memberikan respons terhadap ayat perintah.
- ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- taat

I.3.I



## Membaca

### Bengkel Memartabatkan Bahasa Melayu

Pada 27 Julai 2016, Unit Kurikulum Pejabat Pendidikan Daerah Baling telah mengadakan Bengkel Memartabatkan Bahasa Melayu. Bengkel itu diadakan di Pusat Rekreasi Air Panas Ulu Legong. Peserta bengkel itu terdiri daripada murid sekolah jenis kebangsaan daerah Baling.

Penganjuran bengkel itu adalah untuk menggalakkan anggota persatuan menggunakan bahasa Melayu dengan fasihnya.

Di samping itu, bengkel ini juga dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan murid-murid sekolah jenis kebangsaan.

Melalui bengkel tersebut, jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan dalam diri setiap peserta dapat dikukuhkan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bermula dari pukul 7.30 pagi hingga 10.00 malam.

Peserta juga memakai pakaian kebangsaan seperti doti, baju Melayu, baju kebaya dan ceongsam semasa menjalankan aktiviti. Akhir sekali, peserta diminta mencatat maklumat tentang bengkel tersebut.

#### Aktiviti

Membaca petikan.



- ◆ Murid membaca petikan secara mekanis.
- ◆ Murid mencatat maklumat dalam peta pemikiran.
- ❖ patriotisme



Peserta sedang berbalas pantun.



Peserta menyampaikan syarahan dengan gaya dan intonasi yang betul.



Pertandingan nyanyian lagu patriotik melahirkan rasa cinta akan negara.



## Menulis

### Pendeta Bahasa

Peserta Bengkel Memartabatkan Bahasa Melayu telah berkumpul di bilik tayangan. Mereka menonton video berjudul “Za’ba Bapa Bahasa Melayu Moden”.

Pada 16 September 1895, lahirlah seorang anak lelaki yang dinamai Zainal Abidin bin Ahmad. Beliau dilahirkan di Kampung Kerdas, Jempol, Negeri Sembilan.

Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali dengan nama penanya, Za’ba, ialah insan luar biasa. Beliau anak Melayu yang mempunyai jati diri yang kuat terhadap bahasa Melayu.

Pengorbanan Za’ba dalam memartabatkan bahasa Melayu sukar ditandingi. Oleh itu, Za’ba telah dianugerahi gelaran pendeta secara rasmi dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga yang berlangsung di Johor pada tahun 1956.

Atas rasa tanggungjawab terhadap bahasa Melayu, beliau telah menyatukan pelbagai sistem ejaan bahasa Melayu pada tahun 1924. Hasilnya, beliau telah mencipta sistem ejaan baharu pada tahun 1933. Dengan berpandukan sistem ejaan ini, guru Bahasa Melayu dapat mengajar anak murid di sekolah dengan lebih mudah.

Selain itu, Za’ba juga telah menulis sebuah buku berjudul “Ilmu Mengarang Melayu”. Buku ini dijadikan panduan oleh penulis muda untuk menulis hingga sekarang.

Kini, buku-buku hasil titik peluh Za’ba diletakkan di rak buku pusat sumber untuk dijadikan rujukan oleh warganegara Malaysia.



Sumber: [www.arkib.gov.my](http://www.arkib.gov.my)

#### Aktiviti

Menulis perkataan dan frasa.

84



- ◆ Murid menggunakan ejaan yang tepat semasa menulis perkataan dan frasa yang diimlakkan.
- ◆ Murid membaca petikan.
- menghargai jasa EMK: Ilmu - Sejarah

3.4.1



## Seni Bahasa

### Saya Bangga Berbahasa Melayu

Ruben melontarkan pandangannya ke luar jendela. Lambaihan daun kelapa diperhatikan menerusi lirikan matanya.

“Ruben, apakah yang sedang bermain dalam benakmu?” Ibu Ruben mengganggu lamunan Ruben sambil mengukir sekuntum senyuman.

“Saya teringat akan kata-kata Cikgu Safik semasa menyertai Bengkel Memartabatkan Bahasa Melayu tempoh hari,” jelas Ruben.

“Kita janganlah menuding jari kepada sesiapa jika bahasa Melayu dipinggirkan. Kita sendiri yang enggan dan malu untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serta bahasa bertamadun tinggi,” kata Ruben dengan bersemangat laksana Hang Tuah menentang musuh di medan tempur.

“Itulah kata-kata daripada Cikgu Safik, ibu,” tegas Ruben.

Sejak hari itu, anggota keluarga Ruben telah menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dengan lebih kerap. Ruben juga telah memupuk kesedaran tentang pentingnya bahasa Melayu kepada adik-adiknya.

Kini, Ruben dan keluarganya berbesar hati kerana dapat bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasihnya. Mereka berjaya menyemai perasaan cinta akan bahasa Melayu dalam keluarga mereka.

“Ibu bangga sekali kerana kamu mempunyai jati diri terhadap bahasa kebangsaan kita,” kata ibu Ruben.



#### Aktiviti

Mengujarkan cerita.



- ◆ Murid mengujarkan cerita dengan bahasa yang indah.
- ◆ Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ❖ patriotisme

4.2.1

85



## Kata Adverba



## Catatan Islah

Pertandingan Bacaan Pantas  
Tarikh: 6 Ogos 2016  
Masa: 8.00 pagi  
Tempat: SJKC Baling

8.00 pagi

julung kali      dibaca pantas



Sabtu, 6 Ogos 2016

7.30 pagi – Saya melihat ibu bapa membawa anak-anak ke sekolah. Mereka berjalan **cepat**. Saya dan Ruben ternampak gegantung dipasang **✓**.

8.00 pagi – .

### Aktiviti

Memahami dan menggunakan kata adverba.

86

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis catatan dengan menggunakan kata adverba.
- ◆ Murid menulis untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk karangan berformat.
- patriotisme

### Inti Bahasa

Kata adverba ialah kata yang menerangkan kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

Contoh:

hari *esok*, awal pagi,  
menangis *teresak-tesak*.

5.1.5


# UNIT 17

## Budi yang Baik Dikenang Jua



### Mendengar dan Bertutur

#### Hormati Bendera Kita



Damrong : Siapakah Mohamed bin Hamzah?

Islah : Oh, beliau !

Bagaimanakah cara kita mengibarkan Jalur Gemilang?



Berapa darjahkah kecondongan bendera yang dikibarkan pada premis?

Apakah yang dilakukan oleh kedua-dua murid itu?

Bagaimanakah cara kita menyusun kedudukan bendera di tiang sekolah? Simulasikan.



### Aktiviti

Memberikan respons.



- ◆ Murid memberikan respons terhadap ayat tanya dengan betulnya.
  - ◆ Murid membaca maklumat berdasarkan bahan grafik.
  - ❖ patriotisme
- EMK: Ilmu - Sejarah

1.3.2

87



## Membaca

### Harumkan Nama Malaysia



**LONDON, 17 Mei** – Norman Musa, seorang rakyat Malaysia, telah mengusahakan restoran makanan Malaysia di London sejak 20 tahun yang lalu.

Norman juga tukang masak utama yang mengajarkan masakan Malaysia dengan menggunakan rempah-ratus tempatan.

Norman sentiasa mempromosikan masakan Malaysia. Beliau tidak pernah menjual masakan Barat kerana jati diri Malaysianya yang tetap tebal.

Norman juga menyertai banyak pertandingan masakan di sana. Beliau telah memenangi pelbagai anugerah sepanjang usahanya mengharumkan nama negara di persada dunia.

Walaupun beliau telah lama menetap di sana, namun semangat patriotik tetap utuh dalam jiwanya. Beliau bangga menjadi warganegara Malaysia. Sebagai bukti, Jalur Gemilang sentiasa berkibar di restorannya. Di samping itu, beliau tetap berbahasa Melayu apabila dikunjungi oleh pelanggannya dari Malaysia.

#### Jawab soalan dan pernyataan.

1. Siapakah Encik Norman Musa? Terangkan.
2. Bagaimanakah beliau mengharumkan nama negara?
3. Apakah bukti yang menunjukkan Encik Norman Musa cinta akan negara?
4. Berikan pendapat kamu tentang cara untuk mengharumkan nama negara kita di persada dunia selain bidang masakan.

#### Aktiviti


Membaca dan memahami maklumat.





## Menulis

### Jeneral Tan Sri Rodzali bin Daud



Siapakah Jeneral Tan Sri Rodzali bin Daud? Pada usia 18 tahun, beliau sudah menjadi juruterbang dengan pangkat leftenant muda. Ketika itu, beliau sebenarnya masih tidak tahu memandu kereta. Beliau sentiasa menjalankan tugasnya dengan penuh rasa tanggungjawab demi negara. Kehebatan luar biasa beliau semasa mengendalikan pesawat diperakukan oleh pihak Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Semasa beliau menjadi panglima TUDM, banyak misi yang telah diselesaikan

oleh beliau, contohnya peristiwa konflik pemberontakan di negara Mesir pada Februari 2011. Ketika itu banyak warga Malaysia, termasuk pelajar, terkandas di sana. Seluruh rakyat Malaysia amat risau akan keselamatan mereka.

Lantaran itu, Jeneral Tan Sri Rodzali bin Daud telah melancarkan Ops Piramid. Beliau berjaya membawa pulang rakyat Malaysia dengan menggunakan kapal terbang TUDM.

Seterusnya, sewaktu peristiwa pencerobohan di Lahad Datu pada Februari 2013, beliau telah memimpin pasukan TUDM mengusir penceroboh dengan menggunakan jet pejuang. Hasil kerjasama TUDM dengan pasukan keselamatan dan agensi penguat kuasa yang lain, penceroboh negara akhirnya berjaya diusir.

Anak jati Besut, Terengganu ini telah bersara pada tahun 2014, setelah berkhidmat selama 41 tahun. Kini, anak didiknya dalam TUDM masih meneruskan misi mengawal angkasa raya kita untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Sumber: Diubah suai daripada *Utusan Malaysia*, 10 September 2014

#### Aktiviti

Menulis teks.



- ◆ Murid menulis teks yang diimlakkan dengan menggunakan ejaan yang tepat.
- ◆ Murid membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ bertanggungjawab

3.4.2 89



## Seni Bahasa

### Biar Putih Tulang

Alkisah pada zaman dahulu, kehidupan sekumpulan haiwan di sebuah negeri umpama tikus jatuh ke beras. Mereka hidup dengan aman damai.

Malangnya, pada suatu hari, negeri mereka telah diserang oleh jentolak. Negeri mereka diceroboh secara haram. Dengan rakusnya, jentolak itu menumbangkan pokok-pokok yang telah berusia beratus-ratus tahun.

Syahadan, Sang Gajah yang gagah seperti Badang memanggil warga negeri itu berkumpul.

Seterusnya, Sang Gajah berkata, "Wahai penduduk negeri Indah Permai, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh!"

"Marilah kita bersatu hati mempertahankan negeri ini hingga titisan darah terakhir," kata Sang Merang.

Tiba-tiba, haiwan-haiwan di situ terdengar suatu suara.

"Ah, aku mahu lari dari sini!" kata Sang Biawak yang menyebabkan haiwan lain terpaku bagaikan dipanah halilintar.

"Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Aku tetap cinta akan negeriku," kata Sang Siput sambil mengesot ke arah Sang Biawak.

"Biar putih tulang, jangan putih mata," kata Sang Gajah.

Akhirnya,  .



#### Aktiviti

Mengujarkan cerita.

90

Panduan Guru

- ◆ Murid menggunakan bahasa yang indah.
- ◆ Murid menceritakan kisah dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- .. berani

4.2.2

# UNIT 18

## Bersyukurlah



### Mendengar dan Bertutur

#### Pengorbanan Cikgu Rahman

Tajuk Folio:

Jasa


Cikgu Rahman

Disediakan oleh:

Islah bin Zakaria



guru umpama lilin



rela berkorban nyawa



baik hati



prihatin

Raksud

: Ini folio ?

Islah

: folio saya.

Izuni

: Apakah tajuk ?

Islah

: Tajuk folio .

Raksud

: Bagaimanakah sikap Cikgu Rahman pada masa itu?

Islah

: Pada .

Keesokan harinya, Islah membentangkan folionya di hadapan kelas.

Cikgu Safik : Gambar siapakah yang pertama itu, Islah?

Islah : .

Sarmeela : .

### Aktiviti

Berbual berdasarkan gambar.



- ◆ Murid menggunakan kata ganti nama yang sesuai.

- ◆ Murid memindahkan maklumat.

- ❖ prihatin

1.4.3

91



## Utamakan Barang Buatan Malaysia

Salam sejahtera. Terima kasih tuan pengacara majlis, para hakim yang arif lagi bijaksana, dan yang dikasihi warga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling.

Hadirin yang saya muliakan,

Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah “Utamakan Barang Buatan Malaysia”. Kerajaan kita menggalakkan rakyat membeli barang buatan tempatan. Banyak faedah dapat diperoleh jika kita menyokong dan membeli barang keluaran dalam negara.

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita mestilah mengutamakan barang buatan Malaysia kerana barang kita bermutu tinggi. Barang yang dibuat di Malaysia bersesuaian dengan cuaca dan sosiobudaya tempatan. Oleh sebab itu, barang tersebut tahan lebih lama jika dibandingkan dengan barang yang diimport.

Hadirin yang saya hormati,

Kita juga dapat membantu dan meningkatkan ekonomi negara. Wang yang digunakan untuk membeli barang buatan Malaysia tidak mengalir ke luar negara. Kesannya, ekonomi negara kita sentiasa stabil dan berkembang.

Selain itu, kita dapat membeli barang dengan harga yang lebih murah. Kita juga dapat menjimatkan perbelanjaan. Lebihan wang tersebut dapat disimpan untuk kegunaan masa depan.

Hadirin yang saya muliakan,

Kesimpulannya, kita perlulah

Sekian, terima kasih.

Saya istimewa  
Buatan Malaysia  
Hebat dan bergaya  
Kebanggaan negara

Hebat ... hebat ... hebat o lala (3 Kali)  
Jenama Malaysia

### Aktiviti

Membaca teks.

92

Panduan Guru

- ◆ Murid membuat rumusan berdasarkan teks.
- ◆ Murid mengubah suai seni kata lagu.
- .. cinta akan negara

2.4.2




## Menulis

### Pengorbanan Wira Negara

Pada minggu lepas, Islah dan kawan-kawannya menonton tayangan video tentang Angkatan Tentera Malaysia. Mereka dapat menyaksikan pengorbanan anggota tentera Malaysia sewaktu mempertahankan negara.

Dalam tayangan tersebut mereka dapat menyaksikan tentera Malaysia mendirikan khemah di kawasan yang selamat. Seterusnya, .



Islah dan kawan-kawannya bertepuk tangan sambil bersorak riang selepas selesai menonton tayangan itu. Mereka berasa sungguh bangga akan pengorbanan wira negara.

#### Aktiviti

Menulis karangan.



- ◆ Murid melengkapkan karangan berdasarkan gambar.
- ◆ Murid menggunakan penanda wacana.
- ❖ patriotisme



## Kata Hubung

### Kita Sudah Berjaya

Pagi Ahad yang lalu, Islah, Damrong, Izuni dan Iffah berkumpul di hadapan pintu masuk ke kawasan perumahan mereka. Mereka bercadang **untuk** membantu penduduk di kawasan perumahan mereka menyiapkan pondok kawalan keselamatan. Walaupun masih muda, mereka sanggup memerah keringat demi sayang akan kawasan perumahan mereka.

Penduduk membawa alatan

Seterusnya, ketua kampung berdiri

Selepas itu, mereka mula bekerja

Ada yang ditugasi

Izuni menyediakan minuman

Akhirnya, pondok keselamatan itu berjaya disiapkan

Setelah kerja selesai, penduduk kampung berehat



cangkul, penukul, paku, kayu dan lain-lain

memberikan taklimat

tekunnya

membancuh simen

Iffah menyiapkan makanan

menjelang tengah hari

menikmati hidangan

Kerja menyiapkan pondok keselamatan ini bukanlah perkara yang mudah. Ketua kampung menyatakan **bahawa** hanya kerjasama yang jitu daripada penduduk dapat menyiapkan pondok tersebut. Oleh itu, ketua kampung mengucapkan terima kasih kepada semua **yang** terlibat.

#### Aktiviti

Mengenal pasti kata hubung dan membina ayat menjadi perenggan.

94



- ◆ Murid menulis maklumat dengan menggunakan kata hubung.
- ◆ Murid memindahkan maklumat berdasarkan gambar.
- .. berani

5.1.6

## Pemulihan

Berikan respons berdasarkan gambar.



1. Di manakah letaknya bulan dan bintang pada bendera Malaysia?
2. Berapakah jalur pada bendera itu?
3. Apakah nama bendera itu?



## Pengayaan

Bermain sambil memberikan respons.

1. Libatkan sekurang-kurangnya dua orang peserta.
  2. Lambungkan buah dadu pada gambar itu.
  3. Tanyakan soalan berdasarkan tempat buah dadu itu jatuh.
  4. Peserta yang melambungkan buah dadu akan memberikan respons terhadap soalan kawan. Peserta mendapat markah berdasarkan markah yang tertera pada gambar.
  5. Peserta akan bergilir-gilir melambungkan buah dadu.
  6. Peserta yang paling tinggi jumlah markahnya diumumkan sebagai pemenang.
- \* Sila layari Internet atau rujuk guru jika jawapan yang diberikan kurang jelas.



1. Mengapa Tugu Negara dibina?
2. Apakah nama kereta nasional Malaysia yang pertama?
3. Apakah nama bendera Malaysia?
4. Apakah nama lagu itu? Nyanyikan.
5. Namakan keenam-enam orang Perdana Menteri Malaysia.

# TEMA

7

## INDAHNYA WARISAN KITA

Muzik tradisional alunannya merdu,  
Menusuk jiwa mengusir sendu.



Pusaka berharga warisan silam,  
Usah dibiarkan terus tenggelam.



Hendaklah kita ingat sentiasa,  
Hargailah adat budaya bangsa.

Lafazkan gurindam dengan sebutan dan intonasi yang betul.

# UNIT 1q

## Merdunya Alunan



### Mendengar dan Bertutur

### Serunai dan Seruling

#### Serunai

- ✧ berasal daripada perkataan Parsi “nay” yang bermaksud tiup
- ✧ bunyi terhasil menerusi tiupan
- ✧ digunakan dalam persembahan muzik rakyat
- ✧ digunakan dalam upacara pertabalan sultan

- Min Li : Itu alat apa?  
Petugas muzium : Itu alat muzik tradisional.  
Izuni : Apakah ?  
Petugas muzium : Nama alat itu ialah serunai anak, serunai Kedah, serunai ibu dan seruling.  
Islah : Tolong .
- Petugas muzium : Alat muzik ini .




serunai anak    serunai Kedah    serunai ibu

- Islah : Wah, !  
Ibu : Memang benar, Islah. Bunyi alat muzik itu sungguh merdu. Tahukah kamu tentang alat muzik itu, Islah?  
Islah : Ibu : Dari manakah kamu mendapat maklumat itu, Islah?  
Islah : Saya mendapat maklumat tentang seruling semasa melawat ke muzium tempoh hari.



seruling

- ✧ biasanya diperbuat daripada buluh
- ✧ mempunyai beberapa lubang petik
- ✧ ditiup secara melintang atau menegak
- ✧ dimainkan secara solo



#### Aktiviti

Bertutur.



- ◆ Bertutur dengan menggunakan ayat yang gramatis.
- ◆ Murid membuat ulasan berdasarkan maklumat.
- ◆ menghargai warisan



## Persembahan Muzik yang Istimewa

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling akan menganjurkan pertandingan muzik tradisional di sekolah. Atoi dan rakan-rakannya mahu menyertai pertandingan tersebut. Mereka bercadang untuk mengadakan persembahan muzik yang istimewa. Persembahan tersebut mestilah menghiburkan dan tidak sukar untuk dilakukan.

Sebelum membuat keputusan untuk memilih jenis persembahan, mereka mencari maklumat daripada pelbagai sumber.



### Seruling Hidung

Seruling hidung ialah alat muzik yang dimainkan oleh masyarakat Orang Asli di negara kita. Pemain seruling perlu menyumbatkan sebelah hidungnya dengan daun atau secebis kain, manakala sebelah lagi digunakan untuk meniup seruling. Alunan bunyi yang dihasilkan unik sekali.

### Serunai Batang Padi

Serunai ini diperbuat daripada seruas batang padi. Sehelai daun rumbia atau daun ibus muda dililitkan pada bahagian hujung batang padi itu untuk membentuk serombong. Bunyi serunai ini nyaring.




### Serunai Daun Kelapa


Serunai ini diperbuat daripada daun kelapa yang muda. Biasanya, serunai ini dibentuk seperti tanduk, iaitu mirip tanduk kerbau. Serunai ini lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak di kampung.



Apakah persembahan muzik yang sesuai untuk kita adakan?



Mengapakah kamu memilih persembahan tersebut?



### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat.

98

Panduan Guru

- ◆ Murid membuat keputusan dengan memberikan alasan yang sesuai.

- ◆ Murid berbicara untuk menyampaikan maklumat.

- rasional

EMK: Ilmu - Muzik

2.4.3



## Menulis

### Kisah Penggesek Erh-hu

Encik Gan bapa saudara Jian Hui. Beliau penggesek erh-hu tersohor di tanah air. Beliau sering diundang untuk mengadakan persembahan kebudayaan sama ada di dalam negara maupun di luar negara.

Pada suatu malam, sedang beliau bersiap sedia untuk membuat persembahan, beliau terpandang akan seseorang yang amat dikenalnya suatu ketika dahulu.



“Cikgu Ming, bekas guru muzikku,” bisik hati Encik Gan.

Secara tiba-tiba, peristiwa yang berlaku kira-kira 30 tahun yang lalu menerjah ingatannya. Ketika itu, dia masih di bangku sekolah rendah.

“Kamu tahu nama alat muzik ini?” tanya Cikgu Ming seraya menunjukkan sekeping gambar kepada Gan.

“Er ... tak tahu, cikgu,” jawab Gan jujur.

“Nama alat muzik ini erh-hu, bukan er ... tak tahu,” balas Cikgu Ming sambil bergurau. Gurauan itu membuatkan rakan-rakan Gan ketawa terbahak-bahak. Gan malu tersipu-sipu.

Namun begitu, dia tidak menyimpan perasaan marah terhadap gurunya itu. Sebaliknya, gurauan tersebut telah membakar semangatnya. Bermula dari detik itulah berputiknya cita-cita Gan untuk menjadi penggesek erh-hu ternama.

#### Jawab soalan.

1. Siapakah Encik Gan?
2. Apakah yang dilakukan oleh rakan-rakan Gan?
3. Wajarkah tindakan mereka? Jelaskan.
4. Mengapa Encik Gan tidak menyimpan perasaan marah terhadap gurunya?
5. Bagaimanakah alat muzik tradisional seperti erh-hu dapat dipopularkan di negara kita?

#### Aktiviti

Membina dan menulis jawapan pemahaman.



- ◆ Murid menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif dengan betulnya.
- ◆ Murid membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- berusaha


3.3.3



### Venu yang Berjasa

Aku sebatang venu. Badanku lurus dan berwarna kekuning-kuningan. Badanku ada lubang-lubang kecil. Apabila aku dititiup, aku mengeluarkan bunyi yang mendayu-dayu.

Tuan aku bernama Vishan. Tuan aku bekerja sebagai penggembala lembu. Setiap hari, tuan aku akan membawaku ke padang ragut. Tuan aku akan meniupku untuk menghilangkan kebosanannya.



Pada suatu hari, tuan aku tertidur kerana keletihan. Apabila terjaga, dia ternampak seekor ular tedung sedang berdesis di hujung kakinya. Tuan aku berasa sungguh takut. Dia mahu melarikan diri tetapi tidak sempat.

Mujurlah, tuan aku tidak mati akal. Dia .



alunan bunyi

nafas lega

terhutang nyawa

#### Maklumat!

Venu ialah sejenis alat muzik tradisional masyarakat India. Venu diperbuat daripada buluh dan mempunyai beberapa lubang petik seperti seruling.

#### Aktiviti

Bercerita.

100

Panduan Guru

- ◆ Murid mengujarkan cerita dengan menggunakan bahasa yang indah.
- ◆ Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ kesyukuran

4.2.2



## Kata Majmuk

### Ikutlah Resmi Padi


Nama Serunai sangat terkenal. Dia memiliki suara yang sungguh merdu.



Serunai sering sahaja dipuji dan disanjung. Lama-kelamaan, dia 🖊.



Pertandingan bersyair akan diadakan tidak lama lagi. Serunai dan Seruling berjaya dalam sesi 🖊 yang diadakan. Mereka akan bertanding pada peringkat akhir.



Seruling sedikit pun tidak 🖊. Dia 🖊. Setiap hari, Seruling berlatih bersyair. Dia mendapat 🖊 daripada rakan-rakannya.



Apabila tiba hari pertandingan, Seruling dan Serunai pun mengadakan persembahan. Persembahan Seruling cukup 🖊. Para juri amat 🖊.



buluh perindu • bangga diri • berpadu suara • uji bakat • buang masa •  
patah semangat • bersemangat waja • tunjuk ajar • luar biasa • berpuas hati •  
sukacita • air mata • antarabangsa • merah muka

#### Aktiviti

Melengkapkan cerita.



♦ Murid melengkapkan cerita dengan menggunakan kata majmuk.

♦ Murid menulis karangan.

.. merendah diri

5.2.3

101



### Mendengar dan Bertutur

#### Pelihara Warisan Kita

Satu forum bertajuk “Kepentingan Memelihara Bangunan Warisan” telah diadakan. Panel forum tersebut terdiri daripada Tan Sri Hashim, Datuk Mohan dan Datin Aliah. Forum itu dipengerusikan oleh Profesor Aziz.

- |   |   |
|---|---|
| Profesor Aziz   | : Mengapakah bangunan warisan perlu dipelihara?<br>Boleh Tan Sri jelaskan  ? |
| Tan Sri Hashim  | : Bangunan warisan perlu dipelihara kerana bangunan ini mempunyai nilai seni dan estetik yang tinggi.   |
| Profesor Aziz   | :  ?   |
| Datuk Mohan   | : Pandangan saya seperti pandangan Tan Sri Hashim. Bangunan warisan amat tinggi nilai seninya.  |
| Profesor Aziz   | :  ?   |
| Datin Aliah   | : Bangunan warisan seperti  .  |
| <br><b>Setelah forum itu selesai, Profesor Aziz berbual-bual dengan anggota panel forum tersebut.</b> |   |
| Profesor Aziz   | :  .   |
| Datin Aliah   | : Sama-sama, Profesor Aziz. Saya berbesar hati kerana dapat menjayakan forum ini.   |
| Profesor Aziz   | :  .   |
| Tan Sri Hashim  | : Terima kasih, Profesor Aziz. Saya berharap agar pandangan saya dapat menyedarkan masyarakat kita.   |



Masjid Ubudiyah, Kuala Kangsar



Tokong Kek Lok Si, Pulau Pinang



Kuil Sri Poyyata Vinayagar Moorthi, Melaka

### Aktiviti

Simulasikan.

102

Panduan Guru

- ◆ Murid berbual dengan menggunakan kata gelaran.
- ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ❖ berbudi bahasa

1.4.2



## Bangunan Parlimen

Bangunan Parlimen terletak di kawasan Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur. Bangunan ini dirasmikan pembukaannya pada 2 November 1963 oleh Yang di-Pertuan Agong ketiga, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail.

Bangunan yang menjadi simbol demokrasi negara kita melibatkan kos pembinaan sebanyak RM18 juta. Lebih daripada sejuta batu bata, 2200 tan besi waja, 54 000 tan konkrit, 200 000 kampit simen, dan 300 tan kaca telah digunakan dalam pembinaannya.

Keseluruhan bangunan ini menggunakan kaca yang dapat menyerap haba dan cahaya. **Terawang** berukir yang diperbuat daripada konkrit dibina untuk menghalang sinaran cahaya matahari.

Pada tahun 2007, bangunan Parlimen Malaysia telah diwartakan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005. Bangunan ini perlulah dipelihara kerana merupakan warisan berharga kepada seluruh rakyat Malaysia.

Sumber: [www.parlimen.gov.my](http://www.parlimen.gov.my)  
[www.bernama.com.my](http://www.bernama.com.my)



### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat.



- ◆ Murid membuat ulasan tentang bangunan Parlimen.
- ◆ Murid mencatat maklumat.
- ◆ menghargai warisan



## Kuil Sri Poyyata Vinayagar Moorthi

Ruben dan kawan-kawannya telah menyertai lawatan sambil belajar ke Melaka. Lawatan yang dianjurkan oleh Kelab Budaya Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kupang itu diadakan pada 19 Ogos 2016.

Lawatan ini disertai oleh 40 orang ahli Kelab Budaya dan empat orang guru pengiring.

Tujuan lawatan itu dianjurkan adalah untuk menambahkan ilmu pengetahuan para peserta tentang bangunan warisan yang terdapat di Melaka.

Bangunan warisan yang menarik perhatian Ruben ialah Kuil Sri Poyyata Vinayagar Moorthi. Kuil itu terletak di Jalan Tukang Emas, Bandar Melaka.

Bagi Ruben, lawatan tersebut sangat bermanfaat. Dia teruja kerana dapat melihat seni bina yang sungguh menarik dan unik.

### Maklumat!

- merupakan kuil Hindu yang terawal didirikan di Malaysia
- seni bina kuil ini dipengaruhi oleh seni bina Belanda
- ciri-ciri seni bina Belanda ada pada bahagian dinding, pintu dan bumbung kuil

Sumber: *Percutian Bermula di Melaka Bandaraya Warisan Dunia, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah*

<b>Pendahuluan</b> Melaka – 19 Ogos 2016
<b>Isi 1</b> 
<b>Isi 2</b> 
<b>Isi 3</b> 
<b>Penutup</b> – gembira – bermanfaat



### Aktiviti

Membina kerangka dan menulis karangan.

104

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis karangan jenis laporan dan berita.
- ◆ Murid menggunakan kata nama khas dalam karangan.
- ◆ menghargai warisan

3.3.4



## Seni Bahasa

### Tetamu dari Planet Zefira

Pada tahun 2088, Planet Bumi dikunjungi oleh makhluk asing dari Planet Zefira yang dikenali sebagai Zef. Zef berkunjung ke Planet Bumi untuk melancang.

Kapten Izam membawa Zef ke tempat yang menarik di Planet Bumi untuk mencuci mata.



: Bangunan yang kamu lihat itu ialah Istana Kenangan, Bukit Chandan, Perak. Istana itu dibina pada tahun 1926 dan diperbuat daripada kayu.



: Wah, uniknya! Walaupun sudah dimamah usia tetapi bangunan itu masih utuh berdiri.



: Kami sentiasa menghargai warisan kebudayaan dan kesenian kami. Hasilnya, warisan itu tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.



Istana Kenangan Bukit Chandan, Perak



: Oh, begitu rupanya! Di planet saya pun ada bangunan yang bersejarah. Penduduk Planet Zefira patut meneladani sikap penduduk Bumi yang menghargai bangunan warisan.



: Benar, Zef. Jangan lupa sampaikan pesanan ini kepada penduduk di planet kamu apabila kamu pulang nanti.



: Sudah tentu, kapten.

#### Aktiviti

Mengujarkan dialog melalui lakonan.



- ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ Murid menyampaikan pesanan.
- menghargai warisan

# UNIT 21

## Budaya dan Adat Mekar dalam Hati



### Mendengar dan Bertutur

#### Aktifnya Kelab Kebudayaan

Kelab Kebudayaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling sangat aktif. Kelab ini sering menganjurkan aktiviti kebudayaan. Raksud ialah pengurus kelab tersebut. Pada suatu hari, Raksud ditemu ramah oleh wartawan majalah sekolah.

Wartawan : Bolehkah kamu ceritakan aktiviti Kelab Kebudayaan?

Raksud : Boleh. Kelab kami menjayakan pelbagai aktiviti seperti persembahan teater, boria dan dikir barat.

Wartawan : Bolehkah kamu ceritakan keanggotaan kelab ini pula?

Raksud :

Wartawan : Apakah pencapaian kelab ini?

Raksud :

ini • itu • saya • kami • mereka

Selepas sesi temu ramah itu, Raksud berbual-bual dengan rakan-rakannya.

Ruben : Siapakah yang menemu ramah kamu tadi, Raksud?

Raksud :

Jian Hui : Apakah yang telah kamu beritahu beliau?

Raksud :

Ruben :

Raksud :

beliau • kamu • kita • apa • mana • sini

Budaya bangsa perlu kita pelihara kerana budaya mencerminkan identiti sesuatu bangsa.



#### Aktiviti

Berbual dengan menggunakan kata ganti nama.

- ◆ Murid berbual dengan menggunakan kata ganti nama secara bertatasusila.
- ◆ Murid menggunakan kata ganti nama mengikut konteks yang betul.
- ◆ berbudi bahasa



## Pertandingan Kebudayaan

Kelab Kebudayaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling akan menyertai pertandingan kebudayaan peringkat negeri. Oleh sebab mempunyai masalah tertentu, Jian Hui dan rakan-rakannya berbincang untuk memilih latihan yang perlu diberikan keutamaan. Mereka membuat keputusan berdasarkan matlamat yang hendak dicapai. Hal ini penting agar mereka dapat menjuarai pertandingan kebudayaan yang disertai.

### Acara Pertandingan

#### 1. Pertandingan Boria

Tarikh: □□Ogos 20□□

Tempat: Dewan Komuniti

#### 2. Pertandingan Tarian Singa

Tarikh: □□Ogos 20□□

Tempat: Kompleks Warisan

#### 3. Pertandingan Teater Budaya

Tarikh: □□Ogos 20□□

Tempat: Auditorium Intan

### Kelebihan Kelab

- pernah menjuarai pertandingan boria peringkat negeri
- mempunyai jurulatih tarian singa yang berpengalaman
- pernah menjayakan teater budaya peringkat daerah

### Masalah

- kesuntukan masa untuk membuat latihan
- kurang pengalaman untuk mengadakan persembahan tarian singa
- peralatan muzik terhad



Jian Hui dan rakan-rakannya telah   .

### Aktiviti

Memahami dan menaakul maklumat.



- ◆ Murid memindahkan maklumat mengikut keutamaan dalam bentuk grafik.
- ◆ Murid menggunakan kata majmuk dengan betul.
- ◆ rasional



## Menulis

### Pantang Larang Masyarakat Kita

Jian Hui : Dalam kalangan masyarakat Cina, ada banyak pantang larang. Sebagai contoh, kami tidak boleh menyapu sampah pada hari pertama Tahun Baharu Cina. Perbuatan itu dianggap menolak tuah.


Ruben : Bagi masyarakat India pula, ibu yang mengandung dilarang keluar rumah seorang diri pada waktu malam. Jika larangan ini diingkari, mereka akan diganggu roh jahat.

Islah : Samalah juga dengan orang Melayu. Kami pun ada pantang larang. Contohnya, kami dilarang bersiul di dalam rumah. Perbuatan ini dipercayai akan menyebabkan ular memasuki rumah.

Jian Hui : Wah, menarik sungguh cerita tentang pantang larang masyarakat kita! Sebenarnya amalan pantang larang tersebut bertujuan untuk mendidik tingkah laku seseorang.



### Pantang Larang Masyarakat Malaysia



#### Aktiviti

Mencatat maklumat.

- ◆ Murid mencatat maklumat dalam bentuk grafik.
  - ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
  - ❖ rasional
- EMK: Peraturan Sosiobudaya



## Ayat Songsang

### Adat Berendoi

Adat berendoi merupakan adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Melayu. Adat ini dilakukan untuk meraikan kelahiran cahaya mata dalam sesebuah keluarga.



#### Ayat Susunan Biasa

1. Adat berendoi perlu dihargai.
2. Adat ini seharusnya dipelihara.
3. Adat ini mempunyai nilai positif.
4. Adat ini diadakan bagi meraikan kelahiran cahaya mata.

#### Ayat Songsang

1. Perlu dihargai adat berendoi.
- 2.
- 3.
- 4.

Pada minggu lepas, keluarga Izuni mengadakan majlis berendoi. Majlis itu diadakan di rumah mereka. Saudara-mara dan sahabat handai hadir untuk memeriahkan majlis itu.

#### Ayat Susunan Biasa

1. Izuni sangat gembira.
2. Majlis berendoi berjalan lancar.
3. Saudara-mara mengucapkan tahniah.
4. Ibu bapa Izuni bersyukur kepada Tuhan.

#### Ayat Songsang

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.

#### Inti Bahasa

Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya di hadapan dan predikatnya di belakang.

Contoh:

Bayi itu sungguh comel.  
subjek predikat

Ayat songsang ialah ayat yang predikatnya dikedepankan mendahului subjeknya.

Contoh:

Sungguh comel bayi itu.  
predikat subjek

### Aktiviti

Membina ayat songsang.



- ◆ Murid membina ayat songsang.
- ◆ Murid membaca teks secara mekanis.
- kesyukuran

## Pemulihan

Pindahkan maklumat ke dalam peta pemikiran.


### Bangunan Warisan

#### Muzium Negara

- terletak di Jalan Damansara
- dirasmikan pada 31 Ogos 1963
- reka bentuk bercirikan ukiran istana Melayu

#### Masjid Jamek

- terletak di persimpangan Sungai Klang dan Sungai Gombak
- dibina pada tahun 1909
- dipengaruhi seni bina India Utara



#### Muzium Diraja

- terletak di Jalan Istana
- berkeluasan 11.34 hektar
- tempat Yang di-Pertuan Agong bersemayam mulai tahun 1957 hingga 2011

## Pengayaan

Kelaskan alat muzik tradisional Melayu dengan menggunakan peta pemikiran yang sesuai.

### Alat Muzik Tradisional Masyarakat Melayu

Dalam kalangan masyarakat Melayu, terdapat pelbagai alat muzik tradisional. Alat muzik ini dapat diklasifikasikan kepada jenis tertentu.

Alat muzik seperti gong, canang, kertuk buluh dan angklung ialah alat muzik idiofon. Alat muzik jenis ini menghasilkan bunyi menerusi kaedah ketukan, lagaan dan goncangan.

Rebab, gambus dan kecapi buluh pula merupakan alat muzik kardofon. Alat muzik jenis ini menghasilkan bunyi daripada petikan atau gesekan tali yang diregangkan.

Alat muzik seperti rebana ubi, kompong, gendang ibu dan gendang anak merupakan alat muzik memberanofon. Alat muzik jenis ini menghasilkan bunyi daripada paluan bahan kulit yang diregangkan.

Alat muzik yang menghasilkan bunyi menerusi peniupan pula dikenali sebagai alat muzik erofon. Serunai, seruling, selumprit dan nafiri adalah antara contoh alat muzik jenis ini.

# TEMA

## 8

# DAMAINYA BUMIKU

## Janji Kami kepada Bumi

Bumi  
Kekalkan kehijauanmu  
Takkan kubiarkan tubuhmu binasa  
Dimamah bahan kimia.

Wahai, Bumi!  
Nyamanlah dirimu  
Bersama makhluk di dadamu  
Sisa makanan diorganikkan  
Agar sejahtera perutmu.

Kami kian sedar  
Prihatin terhadapmu  
Lantas tangan-tangan kami  
Membentuk alam lestari  
Agar hidupan di dadamu  
Aman sejahtera.

Oh, Bumi!  
Kami berjanji  
Bersatu hati  
Bak seberkas lidi  
Dirimu takkan menangis lagi  
Dirimu takkan disakiti lagi.



Satu Murid Satu Pokok



Hijau Itu Indah

Deklamasikan sajak dan nyatakan maksud.

# UNIT 22

## Bumiku Sejahtera



### Mendengar dan Bertutur

#### Baja Organik Cecair Mesra Bumi

##### Kebaikan Baja Organik Cecair



Izuni, tolong gunakan baja organik cecair kerana baja itu tidak mengandungi bahan kimia.

Baiklah, cikgu. Saya akan menggunakaninya.



Harap .  
Minta .



Baiklah, cikgu. Saya akan memberitahu kawan-kawan.

Kawan-kawan, Cikgu Norehan meminta kita menggunakan baja organik cecair.

Kebaikan baja organik cecair ialah . Harap .

Baiklah, Izuni. Tolong jelaskan kerana .

### Aktiviti

Menyatakan permintaan secara bertatasusila.

112

Panduan Guru

- ◆ Murid menyatakan alasan.
  - ◆ Murid mengujarkan dialog yang telah dilengkappkan.
  - ◆ menghargai alam
- EMK: Ilmu - Pendidikan Alam Sekitar

1.4.4



## Membaca

# Penghalau Serangga Organik

### bahan disediakan



### bahan dikisar



Kawan-kawan, saya ada petua untuk menjaga tumbuh-tumbuhan. Tahukah kamu caranya? Kita boleh membuat bahan penghalau serangga organik untuk disemburkan pada pokok. Elakkan penggunaan racun serangga kerana bahan ini akan merosakkan alam. Bagaimanakah kita hendak membuat bahan penghalau serangga organik?

Mula-mula, sediakan . Seterusnya, .

Dengarlah pantun saya ini.

Kisar cili menjelang malam,  
Mesin dipacu supaya sekata;



### bahan ditapis



### bahan disemburkan



## Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat.



- ◆ Murid memindahkan maklumat dalam bentuk cerita dan pantun.
- ◆ Murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul dengan menggunakan bahasa yang indah.
- cintai alam sekitar

EMK: Kreativiti dan Inovasi



## Menulis

### Satu Murid Satu Pokok

Bersempena dengan Minggu Alam Sekitar, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling menganjurkan program Satu Murid Satu Pokok.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menghijaukan kawasan sekolah. Selain itu, udara persekitaran juga semakin nyaman.

Pada hari itu, semua murid tahun enam membawa anak pokok masing-masing. Seterusnya, mereka berkumpul di dewan sekolah. Cikgu Wong memberikan taklimat kepada mereka.

Selepas itu, mereka mula mengorek lubang. Mereka memasukkan kompos ke dalam lubang itu. Kompos dapat membantu pokok cepat membesar.

Mereka menanam pokok di kawasan yang dikhaskan mengikut kelas masing-masing. Pokok yang dipilih ialah pokok yang dapat meredupkan kawasan. Untuk memastikan pokok itu sentiasa subur, mereka menggunakan bahan penghalau serangga organik untuk menghalang serangga daripada merosakkan pokok-pokok itu.

Hasilnya, kawasan sekolah menjadi lebih cantik. Udara persekitaran juga semakin nyaman.



#### Aktiviti

Menulis ulasan.

- ◆ Murid membuat ulasan.
- ◆ Murid menggunakan kata adverba dalam ulasan.
- ∴ bekerjasama



## Seni Bahasa

### Pesta Pantun Alam Sekitar

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Baling mengadakan pertandingan berbalas pantun bersempena dengan Minggu Alam Sekitar dan Teknologi Hijau.

Pada hari pertandingan, Izuni dan kawan-kawannya telah masuk ke dewan dengan wajah yang ceria. Selepas jurupantun membacakan peraturan pertandingan, Izuni pun menjual pantunnya kepada pihak lawan.

Tanjung Tuan banyaknya sena,  
Tempat Nona bersiram malam;  
Kalau puau bijak laksana,  
Apakah makna nyamankan alam?

Perandingan Berbalas Pantun  
Bersempena dengan Minggu  
Alam Sekitar dan  
Teknologi Hijau

1  
Disengat tebuau di atas perahu,  
Siang malam tidak keruan;  
Kalau puau hendak tahu,  
Kekalkan alam dengan kehijauan.



2  
Bawa pengat ke Tanjung Chali,  
Tangkap tenggiri waktu malam;  
Caranya sangat senang sekali,  
Didiklah diri sayangi alam.

1  
Lidah buaya tumbuh setara,  
Ubatan peribumi zaman-berzaman;  
Tolonglah saya berikan cara,  
Ceriakan bumi sepanjang zaman.

### Maksud Pantun

#### Rangkap 1

Pemantun ingin mengetahui maksud nyamankan alam.

#### Rangkap 2



#### Rangkap 3



#### Rangkap 4



### Aktiviti

Melafazkan pantun.



- ◆ Murid menyatakan maksud setiap rangkap pantun.
- ◆ Murid membaca teks.
- ❖ bertanggungjawab


4.4.1

115



## Penanda wacana

### Mari Nyamankan Udara



Kesimpulannya,

Faedah Penanaman Pokok  
di Kawasan Sekolah

- ✓ memperoleh hasil tanaman
- ✓ meredupkan kawasan sekolah
- ✓ menyerap haba pancaran matahari
- ✓ mengindahkan sekolah

Membina pelbagai jenis ayat.

116

Panduan  
Guru

- ◆ Murid menggunakan penanda wacana.
- ◆ Murid membaca maklumat dan membuat rumusan.
- menjaga kesihatan

5.3.2

# UNIT 23

## Datukku Pencinta Alam



### Mendengar dan Bertutur

#### Tenang Sungguh di Rumah Datuk



Izuni : Tenang sungguh rasanya di sini. Udaranya nyaman dan tidak panas. Keadaan di dalam rumah juga cerah. Wah, selesanya rumah datuk!

Datuk : Izuni, lihat bumbung itu. Cahaya Selain itu, lihat rabung rumah datuk pula. Udara akan

Izuni : Wah, banyaknya pokok bunga di sekeliling rumah datuk!

Datuk : Kamu tahu apakah faedahnya, Izuni?

Izuni : Ya, datuk. Pokok-pokok itu dapat

Datuk : Jadi, kita dapat

#### Maklumat !

Atap lut sinar membenarkan cahaya menembusi dan menyinari ruang di dalam rumah.

#### Aktiviti

Berbicara berdasarkan bahan grafik.



- ◆ Murid membuat rumusan berdasarkan maklumat tersurat dan tersirat.

- ◆ Murid menggunakan kata ganda semasa berbicara.

- ❖ rasional



## Musuh Datukku

Izuni duduk bersimpuh di dangau datuknya. Pandangannya tertumpu pada datuk. Datuk sedang membuka mangkuk tingkat yang berisi beberapa ketul ubi kayu dan sedikit kelapa parut.

“Mengapakah datuk tidak menggunakan beg plastik dan polistirena untuk mengisi ubi rebus ini?” soal Izuni.

Air muka datuk berubah daripada ceria lalu mencuka.

“Izuni, plastik dan polistirena musuh datuk kerana bahan ini tidak baik untuk kesihatan,” jawab datuk.

“Betul, datuk. Saya pernah mencipta syair tentang plastik dan polistirena semasa pertandingan alam sekitar di sekolah. Dengar syair ini, datuk,” kata Izuni.

Wahai kawanku dengarlah pesan,  
Untuk dirimu sebagai panduan,  
Plastik dan polistirena sukar dilupuskan,  
Tanpa bahan ini tiada pencemaran.

Sikap manusia membuat angkara,  
Polistirena dibakar api membara,  
Lapisan ozon semakin sengsara,  
Plastik dan polistirena usah diguna.

“Wah, pandainya cucu datuk! Izuni, tolong jelaskan kebaikan jika kita tidak menggunakan plastik dan polistirena,” minta datuknya.

“Kita .”

### Aktiviti


Membaca petikan.

- ◆ Murid menyatakan idea secara kritis dan kreatif.
- ◆ Murid memberikan respons terhadap ayat arahan.
- ❖ menjaga alam sekitar



## Menulis

### Manfaatkan Air Hujan



Saya dan datuk ingin mengumpulkan dan menggunakan air hujan. Mula-mula, saya dan datuk menyediakan .

Berikan pendapat kamu tentang langkah-langkah untuk mengatasi pembedakan jejentik di dalam takungan air. .

#### Aktiviti

Menulis untuk menyampaikan maklumat.



- ◆ Murid menulis berdasarkan idea utama dan idea sampingan.
- ◆ Murid menyatakan pendapat.
- ❖ berjimat cermat



## Kata Nama Am dan Penjodoh Bilangan

### Lampu Tanpa Elektrik

Izuni melihat datuknya menyediakan bahan untuk menghasilkan lampu tanpa elektrik. Bahan tersebut ialah   .



#### Aktiviti

Menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan.

120

Panduan Guru

- ◆ Murid membina ayat dengan menggunakan kata nama am dan penjodoh bilangan.
- ◆ Murid menghasilkan karangan.
- berjimat cermat

EMK: Kreativiti dan Inovasi

5.I.I

# UNIT 24

## Bersama-sama Menjaga Alam




### Mendengar dan Bertutur

#### Segarnya Udara Tanpa Asap Kendaraan

✓ tanpa karbon monoksida

✓ udara bersih



✓ kurang jerebu

✓ tumbuhan segar

Islah : Bilakah Hari Tanpa Kereta Sedunia, Damrong?

Damrong: Kalau tanpa asap, apakah kesannya pada masyarakat dan kota kita, Islah?

Islah : Tanpa asap

### Aktiviti

Berbicara berdasarkan bahan grafik.



- ◆ Murid menyampaikan maklumat dengan bahasa yang indah secara bertatasilas.
- ◆ Murid mengujarkan dialog yang dihasilkan.
- bekerjasama

EMK: Ilmu - Pendidikan Alam Sekitar

1.6.2 121



## Bas Mesra Alam

**KUALA LUMPUR, 2 Ogos** - Sebuah syarikat kenderaan tempatan telah mencipta bas elektrik pertama di negara ini. Tujuan bas ini dicipta adalah untuk mengurangkan pencemaran alam.

Bas ini tidak menggunakan minyak. Oleh sebab itu, bas ini tidak akan mengeluarkan karbon monoksida.

Dengan kuasa bateri, bas elektrik ini mampu bergerak sehingga 250 hingga 300 kilometer setiap kali baterinya dicas. Kenderaan ini mesra alam kerana digerakkan dengan menggunakan tenaga elektrik.

Pencemaran udara daripada bas elektrik sangat kurang berbanding dengan bas yang menggunakan bahan bakar. Oleh itu, kualiti alam sekitar lebih terjamin. Tumbuh-tumbuhan juga akan sentiasa segar kerana tidak terdedah kepada karbon monoksida.

Kesimpulannya, penggunaan teknologi yang berdasarkan elektrik perlulah diberikan galakan untuk diguna pakai oleh pengeluar kenderaan. Natijahnya, kualiti alam sekitar terjamin.

Sumber: [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

### Boria Bas Elektrik

Selamat sejahtera saya ucapkan  
Nasihat saya jadikan panduan



Generasi kini hidup terseksa  
Pencemaran alam makin berleluasa



### Aktiviti

Membaca teks.

122

Panduan Guru

- ◆ Murid mencipta bahan baharu, contohnya boria berdasarkan berita.
- ◆ Murid menyanyikan boria.
- ◆ menjaga alam sekitar


2.6.2



## Menulis



### Masyarakat Prihatin



kesan : - jerebu  
- habitat terganggu




kesan : - habuk  
- pokok-pokok layu

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penduduk Taman Kuala Ketil

- ❖ melaporkan masalah pencemaran alam kepada Jabatan Alam Sekitar
- ❖ bekerjasama memantau tahap pencemaran alam

#### Format Surat Rasmi



Sekian, terima kasih.

Yang benar,



- a. alamat pengirim
- b. garisan panjang
- c. nama dan alamat penerima
- d. tarikh
- e. kata panggilan hormat
- f. perkara/tajuk
- g. pendahuluan
- h. isi
- i. penutup
- j. tandatangan
- k. nama pengirim (semua huruf besar)
- l. jawatan

### Aktiviti

#### Menulis karangan.




- ◆ Murid menulis surat kiriman rasmi.
- ◆ Murid berbincang berdasarkan gambar.
- ❖ prihatin



## Kata Nama Khas

### Kembara dalam Keindahan

Pada cuti penggal yang lalu, Encik Zakaria, Puan Aminah serta anak-anak mereka, iaitu .



Selepas tiga hari di Genting Highlands, mereka pun pulang. Mereka sampai di Kuala Ketil, Kedah dengan selamatnya.

#### Aktiviti

Menggunakan kata nama khas.

124

Panduan Guru

- ◆ Murid membina ayat dalam perenggan dengan menggunakan kata nama khas.
- ◆ Murid berbual dengan menggunakan kata gelaran.
- ◆ kasih sayang

5.1.2

## Pemulihan

Cari barang tersembunyi untuk melengkapkan perenggan. Kemudian, baca teks.

Ayah Islah dan penduduk Kampung Tembak telah berkumpul di tebing sungai. Mereka mula membersihkan sungai itu.

Pak Abu sedang mengorek lubang untuk menanam sampah dan bangkai  yang berbau busuk. Encik Zakaria pula memotong rumput dengan menggunakan mesin rumput. Dia tidak mahu menggunakan  kerana lambat.

Ketika Pak Cik Rahman mencakar sampah di dalam sungai, dia terjumpa  yang berkarat. Di samping itu, Encik Anand pula mencari  untuk menghalau serangga.

Apabila sungai itu bersih, mereka nampak  berenang di hilir sungai itu dengan jelas.



## Pengayaan

Hasilkan puisi berdasarkan gambar.

## PENILAIAN 2

A) Bercerita berdasarkan situasi.



## PENILAIAN 2

- B) Baca dan fahami petikan serta gambar. Kemudian, buat ulasan tentang pakaian pengantin dan suasana majlis.

Pei Shan dan keluarganya menerima undangan ke majlis perkahwinan kakak Izuni. Pei Shan amat teruja kerana inilah kali pertama dia menghadiri majlis perkahwinan orang Melayu.

Dalam perjalanan menuju ke majlis itu, Pei Shan dapat melihat kampung yang indah nian. Liang-liuk rumpun bambu di tepi jalan seolah-olah menggamtit kedatangan mereka di Gulau, Sik, Kedah.

Menjelang pukul 12.00 tengah hari, mereka pun tiba. Ketika itu, para undangan mulai memenuhi majlis tersebut. Encik Khairul dan Puan Anita serta Izuni menyambut kedatangan mereka dengan tangan terbuka.

Pei Shan dan keluarganya dijemput duduk di khemah yang dihias cantik. Mereka dihidangi masakan utara seperti kari kambing rias pisang, kerabu umbut kelapa, ikan pekasam goreng dan ulam-ulaman.

Pei Shan berasa sangat gembira kerana dapat menambahkan pengalamannya.



## PENILAIAN 2

### C) Jawab soalan pemahaman.

Tajam sembilu serpihan raga,  
Raga cermai usang di halaman;  
Kita perlu berasa bangga,  
Aman damai sepanjang zaman.

Beli seela sutera merah,  
Tiadakan luntur warnanya asli;  
Aku rela bertumpah darah,  
Pantangkan undur meski sekali.

Api pelita sumbu bersisa,  
Letak di para atasnya peti;  
Walau kita berbilang bangsa,  
Demi negara bersatu hati.



1. Bagaimanakah kehidupan rakyat Malaysia?
2. Apakah pakaian tradisional yang lazim dipakai oleh rakyat Malaysia?
3. Berapakah negeri yang terdapat di Malaysia? Senaraikan.
4. Pada pendapat kamu, bagaimanakah kita menunjukkan semangat patriotik?
5. Seandainya negara dicerobohi, apakah tindakan yang wajar kamu lakukan?

## PENILAIAN 2

### D) Pilih jawapan yang sesuai.

1. Mereka \_\_\_\_\_ semasa jiran baharu berpindah rumah.  
A. tolong-menolong      B. usik-mengusik  
C. tolak-menolak      D. berkejar-kejaran
  
2. Api pelita di rumah Pak Rahim \_\_\_\_\_ ditiuang angin senja.  
A. turun naik      B. liang-liuk  
C. lenggang-lenggok      D. bengkang-bengkok
  
3. Islah menghulurkan beg kepada Badrul, \_\_\_\_\_ Ruben mengangkat kerusi.  
A. serta      B. sambil  
C. dengan      D. manakala

### Gariskan penjodoh bilangan yang terdapat dalam petikan.

Dalam sebuah hutan tebal, terdapat sekumpulan haiwan hidup dengan aman damainya. Seekor monyet yang bernama Sang Geliga telah dilantik menjadi ketua oleh haiwan-haiwan di situ.

Sang Geliga tinggal di sebatang pokok sena. Di tepi pokok itu ada beberapa rumpun buluh. Setiap pagi, semua haiwan berkumpul di bawah pokok itu untuk mendengar ucapan dan nasihat daripada Sang Geliga.

Sang Geliga selalu menasihati semua haiwan agar menjaga keindahan hutan yang didiami oleh mereka. Semua haiwan bertanggungjawab menjaga kawasan sendiri. Contohnya, beberapa ekor ikan bandar raya ditugasi menjaga sungai supaya tidak tercemar. Sekawan burung camar pula akan meninjau kawasan hutan itu agar tidak diceroboh oleh perosak alam.

Setiap petang, wakil haiwan akan menghantar sekeping catatan kepada Sang Geliga untuk memberitahu keadaan hutan itu. Oleh itu, semua haiwan berasa amat gembira kerana habitat mereka sentiasa terpelihara.

# TEMA



## TEROKAI SAINS TERAJUI TEKNOLOGI DAN INOVASI



uji kaji



penerokaan

“Ilmu itu diperoleh dengan lidah yang gemar bertanya dan akal yang suka berfikir.”

*Abdullah bin Abbas - Ilmuwan Islam*



kepintaran

“Perjalanan seribu batu bermula daripada satu langkah.”

*Lao Tze - Ahli Falsafah Cina*



penciptaan

“Sesuatu yang kita ketahui hanyalah setitis air. Sesuatu yang tidak kita ketahui ialah lautan.”

*Isaac Newton - Ahli Sains Barat*

Nyatakan maksud kata-kata hikmat daripada ilmuwan agung dunia.

# UNIT 25

## Rahsia Keajaiban Sains




### Mendengar dan Bertutur

### Mari Buat Eksperimen

Cikgu Wong menjalankan eksperimen kapal terbang di dalam bilik sains. Beliau meminta murid-murid memerhatikan eksperimen yang dilakukannya dengan teliti.


#### Situasi 1



Mengapakah polistirena yang rata tidak dapat meluncur laju di udara?



#### Situasi 2



Mengapakah kapal terbang polistirena mudah meluncur laju di udara?

### Aktiviti

Berbincang dan mengemukakan pendapat.



- ◆ Murid berbincang dan mengemukakan pendapat secara kritis dan kreatif.
- ◆ Murid membaca dan memahami maklumat.
- rasional

EMK: Ilmu - Sains

1.7.2

131



## Tentera Berkaki Enam



Semut merupakan sejenis serangga yang lazimnya ada di rumah kita. Makhluk kecil yang berkaki enam ini umpama tentera kerana sering bergerak dalam satu barisan yang panjang. Pernahkah kamu perhatikan pergerakan semut sewaktu serangga ini bertemu dengan semut-semut yang lain? **Jika diperhatikan, semut-semut ini seolah-olah mengenali antara satu dengan yang lain.**

Adakah semut mengenali setiap anggota koloni yang tidak terkira jumlahnya? **Ahli biologi dan kimia telah menjalankan pelbagai eksperimen untuk membongkar rahsia keunikan serangga ini.**


Dengan berdasarkan kajian sains, semut didapati memiliki sejenis sebatian kimia. Sebatian kimia yang dimiliki oleh setiap semut adalah unik dan berbeza. Faktor inilah yang membolehkan semut dapat mengecam semut-semut yang lain.

Hasil kajian ini amat penting kepada manusia. **Penemuan ini mungkin dapat diaplikasikan dalam penciptaan teknologi pengecaman manusia yang canggih.**

Sumber: *Majalah Estidotmy, Utusan Malaysia*, 29 Julai 2009



Kampung Teluk jauh terpencil,  
Banyak ditanam bunga kemboja;  
Aku makhluk berbadan kecil,  
Berkaki enam dan rajin bekerja.  
  
Buah keranji si buah duku,  
Gugur merata dikutip sahabat;  
**Manusia mengkaji keunikan aku,**  
Untuk mencipta alat yang hebat.



### Aktiviti

Membaca teks dan melafazkan pantun.

132

Panduan Guru

- ◆ Murid menyatakan maksud ayat yang dicetak berwarna merah.
- ◆ Murid melafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ kerajinan

2.2.3



## Tindakan yang Bijak

Bapa Jian Hui seorang pakar dalam bidang keselamatan. Beliau memasang peralatan keselamatan yang canggih di rumahnya seperti kamera litar tertutup, sistem penggera automatik dan lampu limpah pintar.

Pada suatu malam, Jian Hui sekeluarga tiada di rumah. Mereka pulang ke kampung kerana menziarahi datuk Jian Hui yang sakit.



Akhirnya, si pencuri telah ditangkap oleh pihak polis. Peralatan keselamatan pintar yang dipasang di rumah Jian Hui telah menggagalkan niat buruknya. Jian Hui sekeluarga bersyukur kerana tindakan bapanya memanfaatkan kecanggihan teknologi telah menyelamatkan harta benda mereka.

### Aktiviti

Menulis perenggan berdasarkan gambar.



- ◆ Murid menulis perenggan yang kohesi dan koheren dengan betulnya.

- ◆ Murid menaakul maklumat daripada bahan grafik.

- ❖ berwaspada

EMK: Kreativiti dan Inovasi

TMK

### Aneh tetapi Benar

Mikroskop : Hai, Teleskop! Kamu sedang buat apa pada malam-malam begini?

Teleskop : Oh, Mikroskop! Aku sedang mencerap bintang yang bertaburan di langit.

Mikroskop : Seronok sungguh kerja kamu, Teleskop. Pada malam-malam begini, kamu dapat menikmati panorama indah di angkasa raya.



#### Aktiviti

Mengujarkan dialog.

- ◆ Murid mengujarkan dialog yang dihasilkan untuk menyampaikan mesaj.
- ◆ Murid berbual dengan menggunakan kata kerja dan kata bantu.
- ❖ bertanggungjawab




## Kata Adjektif dan Kata Penguat

### Ciptaan yang Hebat

Manusia telah berjaya menghasilkan pelbagai ciptaan sains yang **sangat hebat**. Ciptaan ini amat berguna kepada manusia kerana dapat memudahkan pelbagai urusan. Setiap ciptaan mempunyai ciri-ciri dan keistimewaannya yang tersendiri.

Ciptaan sains seperti komputer **penting sungguh** kepada manusia.



#### Aktiviti

Membina ayat berdasarkan gambar dan perkataan.



- ◆ Murid membina dan menulis ayat dengan menggunakan kata adjektif dan kata penguat.
- ◆ Murid berbincang berdasarkan gambar.
- menghargai ciptaan sains

# UNIT 26

## Masyarakat Kreatif dan Inovatif



### Mendengar dan Bertutur

- Linus anak Merayang
- Bennetson Micheal Lai
- Lonado Banggit anak Lani

Sekolah Kebangsaan  
Nanga Pak, Sibu, Sarawak  
perangkap lalat  
mengumpam dan  
memerangkap lalat



#### Bahan-bahan

- botol plastik
- blok kayu
- tiang kayu
- pita perekat
- gelang getah



Sumber: Alex Antas anak Balo,  
Sekolah Kebangsaan  
Nanga Pak, Sibu



### Aktiviti

Bercerita dengan sebutan dan intonasi yang betul.

136



- ◆ Murid bercerita dengan menggunakan bahasa yang indah.
  - ◆ Murid membaca dan memahami maklumat.
  - .. berdaya usaha
- EMK: Kreativiti dan Inovasi

1.5.1



## Pembakar Lemang Moden

Hujan turun mencurah-curah. Islah bingkas bangun lalu menutup tingkap rumah datuknya yang ternganga luas.

“Tuk, habislah rancangan kita malam ini. Kita tidak dapat membakar lemang kerana kayu api basah,” sungut Islah.

“Jangan bimbang, Islah. Tuk ada jalan penyelesaiannya,” jawab datuk Islah lantas mengajak cucunya itu melihat sesuatu di dapur.

Rekaan kreatif ini memudahkan proses membakar lemang. Mesin ini mampu membakar sebanyak lapan batang lemang pada satu-satu masa kerana mempunyai lapan cawan pemegang.

Dengan menggunakan kuasa elektrik dan juga gas, lemang dapat dibakar dalam masa yang lebih singkat.

Selain itu, mesin ini tidak menghasilkan bahan pencemar seperti asap dan pengguna pula tidak terdedah kepada bahang api. Mesin ini juga bersifat mudah alih kerana dilengkapi roda yang memudahkannya untuk digerakkan.

Walaupun berbeza dengan cara pembakaran tradisional, rasa lemang yang dihasilkan tetap enak serta mampu memenuhi cita rasa penggemar makanan tradisi ini.



Sumber: [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)

### Aktiviti

Membaca teks.



- ◆ Murid membaca teks secara mekanis.
- ◆ Murid mencatat maklumat dengan menggunakan peta pemikiran.
- kesyukuran

EMK: Kreativiti dan Inovasi



## Menulis

### Inovasi dalam Seni Lukis

Islah, Ruben dan Jian Hui telah menyaksikan karnival yang diadakan di sekolah mereka. Karnival tentang inovasi dari seluruh dunia itu sungguh menarik. Pelbagai produk inovatif dipamerkan. Produk yang menarik minat mereka ialah krayon daripada madu lebah.

Produk ini

selamat



- diperbuat daripada madu lebah asli
- tiada bahan kimia berbahaya
- sesuai digunakan oleh kanak-kanak

mesra pengguna



- tidak mengotori tangan
- senang dicuci
- tidak berbau busuk

berkualiti

- tahan lama
- tidak mudah patah
- pelbagai warna menarik dan terang

harga berpatutan



- tidak membebankan ibu bapa
- mudah diperoleh
- ada potongan harga

### Aktiviti

Menulis idea utama dan idea sampingan.

- ◆ Murid menulis perenggan secara kohesi dan koheren.
- ◆ Murid menggunakan kata majmuk dengan betulnya.
- ❖ rasional



## Seni Bahasa


### Syair Pencipta Muda

Tersebutlah kisah di sebuah kota,  
Seorang murid empunya cerita,  
Otak geliga laksana pendeta,  
Bijak mereka bijak mencipta.


Murid pintar namanya Pei Shan,  
Tekun berusaha mengejar impian,  
Rekaan kreatif hasil ciptaan,  
Menambat hati menarik perhatian.

Robot ciptaan namanya Fantastik,  
Dapat dikawal secara automatik,  
Hebat dan canggih berciri futuristik,  
Tulangnya besi kulitnya plastik.

Kaum keluarga dan rakan-rakan,  
Beri pujian serta galakan,  
Daya kreativiti ,  
 dapat dibuktikan.



Siapakah tuan saya?  
Apakah kepintarannya?



#### Maklumat!

Robot ialah mesin yang telah diprogramkan untuk melakukan pelbagai tugas manusia.

#### Aktiviti

Mencipta syair.



- ◆ Murid mlagukan syair dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ Murid menulis jawapan pemahaman.
- ❖ gigih


# UNIT 27

## Malaysia dan Kemajuan Sains



### Mendengar dan Bertutur

#### Ahli Sains Terkemuka



Eh, profesor yang ini ayah kenal! Ayah pernah menjadi pelajarnya semasa menuntut di menara gading.

#### Ahli Sains Terkemuka

Profesor Dr. Abdul Latif bin Ahmad - diiktiraf sebagai salah seorang ahli sains dunia yang mempunyai minda paling berpengaruh oleh Agensi Thomson Reuters, New York, Amerika Syarikat.

Dr. Ng Eng Poh - penerima Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal (Bidang Sains), Anugerah Akademik Negara 2012.

**Aktiviti**

Main peranan.

140

Panduan Guru

- ◆ Murid menyebut pelbagai jenis ayat dan ragam ayat dengan betul dan tepatnya.
- ◆ Murid mengujarkan dialog dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- berbudi bahasa

1.2.6



## Produk Kejayaan Negara

### Angkasawan Negara

Malaysia telah berjaya menghantar angkasawan pertamanya ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) pada 10 Oktober 2007. Angkasawan Negara, (Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie Sheikh Mustapha) berjaya menjalankan beberapa siri eksperimen sains di stesen angkasa tersebut. Antaranya, eksperimen tentang sel kanser dan mikrob.



### Produk Bioteknologi

Kejayaan negara dalam bidang bioteknologi sungguh membanggakan kita. Pelbagai produk yang bertaraf dunia berjaya dihasilkan seperti beras bermutu tinggi, antikanser daripada tumbuhan, kit pengesan penyakit malaria dan kit pengesan penyakit denggi.



### MyKad

MyKad ialah sekeping kad pintar. Kad ini menggabungkan pelbagai aplikasi kerajaan dan swasta. Kad ini dapat digunakan sebagai kad pengenalan, lesen memandu, pasport, kad transit Touch 'n Go dan kad ATM. Kad ini merupakan hasil inovasi negara dalam teknologi cip dan biometrik. Dengan menggunakan kad ini, rakyat Malaysia dapat menjalankan pelbagai transaksi elektronik dengan mudah dan selamatnya. Hasilnya, kualiti dan gaya hidup rakyat Malaysia dapat ditingkatkan.



### Maklumat!

ATM ialah kependekan *Automated Teller Machine* (Mesin Teller Automatik).

Buat rumusan tentang kemajuan negara dalam bidang sains dan teknologi.

### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat.



- ◆ Murid membuat rumusan.
- ◆ Murid membina ayat songsang.
- ◆ berdaya usaha



## Menulis

### Tablet Buatan Malaysia



#### Aktiviti

Menulis karangan.

142

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis karangan jenis autobiografi dan fakta.
  - ◆ Murid menggunakan kata tugas dalam karangan.
  - ❖ menghargai
- EMK: TMK

3.7.2



## Kata Hubung



- 1 dan
- 2 semasa
- 4 kerana
- 5 supaya
- 6 jika
- 8 ketika
- 9 bahawa
- 10 apabila
- 12 yang



## Permainan Terowong

### Terowong SMART

- terowong lengungan air terpanjang di Asia Tenggara dan kedua terpanjang di Asia (9.7 kilometer)
- terowong pertama di dunia yang mempunyai dwifungsi, iaitu mengatasi masalah banjir dan mengurangkan masalah kesesakan jalan raya
- memesangkan aliran air banjir daripada memasuki kawasan bandar ketika banjir kilat
- menerima anugerah antarabangsa *British Construction Industry Awards* (BCIA) pada tahun 2008

### Arahan Permainan

1. Sediakan butang penanda dan sebiji dadu.
2. Mulakan permainan dengan membaling dadu.
3. Gerakkan butang penanda mengikut bilangan pada dadu.
4. Lihat nombor petak kamu berhenti. Bina ayat tentang Terowong SMART dengan menggunakan kata hubung berdasarkan nombor dalam petak itu.
5. Bina ayat dengan menggunakan maklumat yang diberikan.
6. Ulang semula permainan jika kamu berhenti di petak undur.
7. Kamu menang sekiranya dapat membina semua ayat yang betul dan berjaya berhenti di petak tamat.
8. Sekiranya jawapan kamu tidak betul, kamu dianggap gagal.

### Aktiviti

Membina ayat.



- ◆ Murid membina ayat dengan menggunakan kata hubung.
- ◆ Murid membaca teks.
- ◆ kejuruan

### Maklumat!

SMART - Stormwater Management and Road Tunnel


## Pemulihan

Bincang dengan rakan kamu tentang ciptaan sains yang terdapat di rumah.



## Pengayaan

Teliti gambar di bawah. Berikan pendapat kamu tentang kemajuan teknologi dalam kehidupan manusia.



# TEMA 10

## SEMARAKKAN PERTANIAN KITA



Buat gambaran mental tentang isi topik.

# UNIT 28

## Hargailah Pokok



### Mendengar dan Bertutur



### Tut Pokok



Para penonton yang saya hormati,  
Saya akan menunjukkan cara mengetut pokok. Perhatikan langkah-langkahnya.

Mula-mula, sediakan plastik, tanah dan bahan penggalak akar. Kemudian, pilih ranting pokok yang hendak ditut. Toreh kulit ranting itu dengan menggunakan pisau.

Seterusnya, sapukan bahan penggalak akar pada ranting yang ditoreh. Tempekkan tanah pada ranting itu. Kemudian, balut tanah itu dengan menggunakan plastik yang nipis. Setelah itu, ikat hujung dan pangkalnya.

Selepas beberapa bulan, akar akan tumbuh pada ranting tersebut. Setelah akar matang, potong pangkal ranting itu. Kita dapat menanam pokok hasil daripada pengetutan.

Selamat mencuba para penonton. Sampaikan maklumat ini kepada sesiapa sahaja yang berminat untuk mengetut pokok.

Islah

: Ayah, saya telah mendapat maklumat tentang cara mengetut pokok daripada pegawai pertanian menerusi rancangan televisyen. Beliau juga berpesan kepada para penonton agar menyampaikan maklumat tersebut kepada sesiapa yang berminat. Ayah berminat?

Encik Zakaria : Ya, Islah. Bolehkah kamu terangkannya kepada ayah?

Islah : Boleh, ayah. Mula-mula,

### Aktiviti

Mendengar dan memahami maklumat.

146

Panduan Guru

- ◆ Murid memberikan respons dan menyampaikan pesanan dengan bahasa yang santun.
- ◆ Murid mengujarkan dialog yang dihasilkan.
- ◆ kerjiran

EMK: Sains

1.3.3



## Membaca

### Tut atau Biji

Ruben dan ayahnya pergi ke sebuah tapak semaian untuk membeli anak pokok jambu. Mereka hendak menanam pokok itu di ladang.



Tut

Pokok yang dihasilkan daripada pengetutan akan membesar dengan cepatnya. Oleh itu, pokok ini akan cepat berbuah. Buahnya juga lebih bermutu. Namun begitu, pokok ini tiada akar tunjang. Pokok ini hanya mempunyai akar serabut. Selain itu, kita tidak boleh mengetut dengan banyak kerana boleh menjelaskan pokok induk.

Biji

Pokok yang dibiakkan melalui biji tahan lebih lama. Pokok ini juga dapat menghasilkan baka-baka baharu kerana dapat dijadikan pokok penanti untuk cantuman. Selain itu, pokok ini mempunyai akar tunjang. Namun begitu, pokok jenis ini lambat mengeluarkan hasil.



Sumber: Jabatan Perfarian

Encik Anand : Ruben, kamu pilih pokok yang ditutukan atau dibiakkan melalui biji?

Ruben : .

Encik Anand : Mengapakah kamu memilih pokok itu?

Ruben : .

### Aktiviti

Membaca dan memahami maklumat.



- ◆ Murid membuat keputusan dan memberikan alasan.
- ◆ Murid berbicara berdasarkan maklumat.
- ❖ rasional



## Menulis

### Jagailah Diriku

Kita biasanya menanam pokok bunga di sekeliling rumah. Hobi ini sangat baik kerana dapat mengindahkan kawasan dan menyamankan udara. Oleh itu, pokok bunga perlu dijaga dengan baik. Walau bagaimanapun, ada pokok bunga yang akan mati jika tidak dijaga dengan betulnya.

Kita perlu menjaga pokok bunga dengan penuh kasih sayang. Penjagaan yang rapi akan menghasilkan bunga atau daun yang sentiasa segar. Seterusnya, kita perlulah prihatin akan penjagaan pokok-pokok ini. Kekurangan air merupakan satu daripada punca pokok tidak subur. Pokok bunga memerlukan air secukupnya sewaktu mula bertunas. Jika kekurangan air, pucuk akan menjadi layu lalu mati.

Namun begitu, jika kita terlebih menyiram pokok bunga, akar pokok tersebut akan sentiasa basah. Kesannya, akar akan rosak lalu gagal menyerap air dan nutrien yang diperlukan.

Pancaran terik matahari juga memberikan kesan kepada pokok bunga. Daunnya akan berubah menjadi kekuning-kuningan dan akhirnya mati. Contohnya, pokok buluh hiasan, keladi dan paku pakis.

Kesimpulannya, pokok bunga memerlukan penjagaan yang rapi.



Nyatakan maksud nutrien dengan merujuk kamus.

Bagaimakah dapat kita mengelakkan pokok bunga daripada terkena pancaran terik matahari? 

Di manakah kita menanam pokok bunga?

Apakah yang terjadi jika pokok bunga tidak mendapat air yang secukupnya?

Mengapa pokok bunga memerlukan penjagaan yang rapi walaupun mendapat air yang secukupnya?

#### Aktiviti

Menulis jawapan.

- ◆ Murid menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif.
- ◆ Murid membaca teks.
- cintai alam



## Seni Bahasa

### Tanya pada Pokok

Tanya pada pokok apa sebab muram  
Nanti jawab pokok terlebih siram

Tanya pada daun apa sebab layu  
Nanti jawab daun patogen ganggu

Pokok nanti kata kadang aku sakit  
Sebab daun aku serangga gigit

Lihat pokok itu tiada akar tunjang  
Datang angin kencang pokok pun tumbang

Tanya pada akar apa sebab reput  
Nanti jawab akar diriku semput

Tanya pada pokok sebab hilang seri  
Nanti jawab pokok panas mentari

Pokok nanti kata aku akan lega  
Kalau diri aku sering dijaga

Lihat pokok itu ada akar tunjang  
Datang angin kencang pokok tak tumbang

(Irama lagu “Tanya Sama Pokok” atau  
irama lain yang bersesuaian)

#### Aktiviti

Menyebut seni kata lagu.



- ◆ Murid melahirkan imaginasi melalui karya sastera.
- ◆ Murid membaca dan memahami seni kata lagu.
- ◆ menghargai alam



#### Maklumat

Patogen ialah agen yang menyebabkan penyakit. Contoh patogen seperti bakteria dan virus.



## Kata Kerja dan Kata Bantu

### Keistimewaan Kantan



landskap di kawasan rumah

Perubatan tradisional:  
penyakit  
bengkak-bengkak,  
penyakit kuning dan  
sakit telinga

Masakan: kuah laksa,  
nasi kerabu,  
asam pedas,  
tomyam dan lain-lain

Islah **hendak berkebun** di belakang rumahnya. Islah dan keluarganya telah **tanam**.

#### Aktiviti

Membina ayat.

150

Panduan Guru

- ◆ Murid membina ayat dengan menggunakan kata kerja dan kata bantu.
- ◆ Murid menulis karangan.
- ◆ kerajinan

5.1.4

# UNIT 29

## Peranan Agensi Pertanian



Mendengar dan Bertutur

### Pertanian Sumber Rezeki



pasang telinga



berbudi pada tanah



membanting tulang



budi disemai bakti dituai

#### Aktiviti

Berbicara untuk menyampaikan maklumat.



- ◆ Murid menggunakan bahasa yang indah.
- ◆ Murid menggunakan pelbagai imbuhan semasa berbicara.
- ❖ rasional

1.6.2 151



## Fungsi RISDA

“Kawan-kawan, sila dengar penerangan saya ini,” kata Ruben.

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dilancarkan pada 8 Februari 1973 oleh YAB Tun Haji Abd Razak bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Tujuan RISDA ditubuhkan adalah untuk membentuk masyarakat pekebun kecil getah yang progresif. Selain itu, RISDA juga membantu pekebun kecil melalui aktiviti perladangan secara komersial.

RISDA telah melaksanakan pembaharuan dalam bidang pertanian. Para penyelidik daripada RISDA akan memberikan nasihat kepada pekebun kecil dalam semua aspek.

Selain itu, RISDA berperanan untuk menguruskan program penanaman semula pokok getah. Pekebun akan diberi pokok getah yang diklonkan. Melalui amalan agronomi yang baik, pekebun akan mendapat hasil yang lumayan.

Di samping itu, RISDA juga bekerjasama dengan agensi lain seperti Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM). Hasil kerjasama tersebut, pekebun kecil dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Kini, RISDA banyak membantu pekebun kecil. Mereka diberi benih pokok getah dan baja yang bermutu tinggi. Selain itu, RISDA juga memberikan bantuan kewangan kepada pekebun kecil sementara menunggu hasil tanaman diperoleh.

### Maklumat!

RISDA ialah akronim bagi *Rubber Industry Small Holders Development Authority* (Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah).

Agronomi:  
Pengurusan tanah dan penghasilan tanaman.

### Objektif

### Fungsi

### Faedah

### Aktiviti

Membaca dan memahami teks.

152

Panduan Guru

- ◆ Murid memindahkan maklumat dalam bentuk grafik.
- ◆ Murid mencatat maklumat.
- .. bertanggungjawab

2.5.1




## Menulis

### FELDA Memajukan Ekonomi Peneroka



1

-memohon  
-mendapat



2

-meneroka



3



4



#### Pak Cik Tan Peneroka FELDA

Pak Cik Tan dan keluarganya tinggal di Kupang, Kedah. Kehidupan mereka kurang berkemampuan.

#### Maklumat!

FELDA ialah akronim bagi *Federal Land Development Authority* (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan).

#### Aktiviti

Membina kerangka.



- ◆ Murid menulis karangan jenis biografi dan surat kiriman tidak rasmi.
- ◆ Murid membaca bahan grafik dan memindahkan maklumat.
- tekun

Menemui Atoi yang berada di FELDA Sahabat, Tawau, Sabah. Diharapkan saudara dan keluarga sentiasa sihat sejahtera.  
Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk bercerita tentang bapa saya peneroka FELDA .



## Seni Bahasa

### Sinar Kebahagiaan

Tatkala semua insan masih diulit mimpi, bapa Raksud, Wiratnom, telah bangun daripada tidurnya. Isteri Wiratnom, yang cantik bak bidadari, menyediakan bekalan untuk suaminya yang tercinta.



- angin mengusap wajah
- bulan tersenyum
- daun nyiur melambai

“Aduhai, malangnya nasibku hari ini! Sampai bilakah aku akan menjadi nelayan pesisir pantai?” Wiratnom mengeluh sambil duduk menyeipi kerana tangkapannya semakin berkurangan.

Pada suatu hari, dua orang pegawai Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah datang ke rumah Wiratnom. Mereka mendapat maklumat daripada ketua kampung. Wiratnom menerima sumbangan berupa enjin bot, bot gentian kaca dan jaket keselamatan daripada LKIM.



- air mata kegembiraan
- semangat bernyala-nyala
- bulat hati
- hasil tangkapan bertambah

“Syukurlah, abang. Kita tidak lagi kais pagi makan pagi, kais petang makan petang,” ujar isteri Wiratnom.

#### Aktiviti

Mengujarkan cerita.

- ◆ Murid menggunakan bahasa yang indah.
- ◆ Murid berbicara.
- ◆ kesyukuran


# UNIT 30

## Pertanian Sumber Rezeki



Mendengar dan Bertutur

### Ayam Kampung



#### Aktiviti



Berbincang dan mengemukakan pendapat.

Panduan Guru

- ◆ Murid berbincang secara kritis dan kreatif.
- ◆ Murid mengujarkan dialog yang dihasilkan.
- ❖ menyayangi

EMK: Keusahawanan

1.7.2 155




## Oh, Begitu Caranya!

Pada suatu hari, Izuni mengikut datuknya ke kebun sayur. Dia melihat buah kundur yang telah matang. Buah itu dipetik lalu dibawa pulang ke rumahnya.

Dia berbincang dengan ibu, nenek dan datuknya untuk membuat halwa kundur. Halwa kundur itu untuk dijual kepada kawan-kawannya. Dia meminta tunjuk ajar daripada neneknya kerana beliau mahir membuat halwa kundur.

Membuat halwa kundur bukanlah mudah. Lantaran itu, nenek Izuni menunjukkan cara membuat halwa kundur.




Kulit buah kundur dikupas.



Buah kundur dipotong berbentuk segi empat.



Buah kundur dicelur supaya lembut.



Buah kundur dimasukkan ke dalam balang yang berisi air gula selama tiga hari.



Akhirnya, Izuni dan ibunya berjaya membuat halwa kundur yang sedap. Izuni berasa amat gembira sekali.

### Aktiviti

Membaca teks dan grafik.

156

Panduan Guru

- ◆ Murid membaca teks secara mekanis.
- ◆ Murid membina kerangka karangan berdasarkan gambar.
- rasional


EMK: Keusahawanan

2.3.2



## Menulis

### Susah Dahulu Senang Kemudian



“Islah, dengarlah cerita ayah ini sebagai teladan,” kata Encik Zakaria.


Halim tinggal di sebuah kampung yang terpencil. Kehidupannya seperti “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Dia melakukan pelbagai pekerjaan untuk mencari sesuap nasi.

Dengan berbekalkan tanah pusaka ayahnya, dia menanam pokok betik. Dia membanting tulang empat keratnya untuk mengusahakan ladang betik itu.

Kini, kebun betiknya yang seluas 20 relung mampu mengeluarkan hasil sebanyak 30 tan sebulan. Pendapatan bersihnya sebanyak RM5000.00 hingga RM6000.00 sebulan. Halim telah berjaya keluar daripada belenggu kemiskinannya.

“Islah, tolong ulas perwatakan Halim dan ladang pokok betik ini,” kata Encik Zakaria kepada Islah.

“Ayah, Encik Halim seorang yang kerana ,” ulas Islah.



#### Maklumat!

Ukuran luas tanah kira-kira 0.29 hektar atau 0.71 ekar bersamaan dengan satu relung.

#### Aktiviti

Menulis ulasan.



- ♦ Murid menulis ulasan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

- ♦ Murid memberikan respons.

- tekun

EMK: Keusahawanan



## Ayat Songsang

### Hilangnya Duka

#### Ayat susunan biasa

Situasi di ladang Pak Abu

Pak Abu menjadi murung **sejak semalam**.

Daun pokok jambu batu Pak Abu makin layu.

Situasi di pejabat pertanian

Pak Abu berjumpa dengan pegawai pertanian pada pagi tadi.

Pak Abu menerima khidmat nasihat dan bantuan racun serangga daripada pegawai pertanian.

Situasi di ladang Pak Abu

Pak Abu kembali ke ladang jambu batunya dengan wajah yang ceria.

Pokok jambu Pak Abu kembali subur selepas beberapa minggu.

#### Ayat susunan songsang

**Sejak semalam**, Pak Abu menjadi murung.



**Sejak semalam**, Pak Abu menjadi murung.



**Sejak semalam**, Pak Abu menjadi murung.



**Sejak semalam**, Pak Abu menjadi murung.



**Sejak semalam**, Pak Abu menjadi murung.



#### Aktiviti

Membina ayat songsang.

- ◆ Murid membina ayat songsang dengan betulnya.
- ◆ Murid menulis ayat songsang dalam perenggan.
- .. gigih

## Pemulihan

Tukar ayat di bawah menjadi ayat songsang.



1. Sayur Encik Wong makin segar.

2. Pak Cik Zahari berasa sedih kerana botnya rosak.

3. Puan Suzie menerima bantuan kewangan daripada RISDA.

4. Pak Zaki bangun daripada tidurnya pada pukul 5.00 pagi.

5. Bapa Juliana pergi ke pejabat pertanian dengan gembiranya.

## Pengayaan

Tukar ayat susunan biasa yang berikut menjadi ayat songsang.

Pak Cik Silva bangun tidur pada pukul 6.00 pagi. Beliau bersiap-siap untuk pergi ke kebun cilinya.

Beliau menunggang motosikal ke kebun cilinya pada pukul 7.30 pagi. Beliau mengambil cangkul. Beliau merumput dan menggemburkan tanah di kebun cili itu.

Pak Cik Silva berehat pada waktu tengah hari. Beliau meneguk air suam dan makan bekalan. Pak Cik Silva pulang ke rumahnya selepas itu.

## Bacaan Luas

### Taman Agroteknologi MARDI Langkawi



Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah mengasaskan Taman Agroteknologi MARDI Langkawi (TATML) pada tahun 1990. Keluasan taman ini kurang lebih 25 hektar. Taman ini terletak di Jalan Padang Gaong, Lubuk Semilang, Langkawi. Kedudukan taman ini sangat strategik. Masa perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi ke taman ini hanya 10 minit.

Tujuan TATML dibina adalah untuk dijadikan pusat pemindahan teknologi dan maklumat yang berkait dengan industri pertanian. Selain itu, taman ini juga direka sebagai pusat ekopelancongan.

Banyak keistimewaan TATML. Antara tarikan utamanya termasuklah pusat teknologi maklumat. Semua maklumat tentang agroteknologi dapat diperoleh di sini. Selain itu, dusun buah-buahan tempatan, kebun sayur berteknologi tinggi dan kawasan rekreasi juga terdapat di taman ini.

Sebanyak 20 jenis pokok buah tropika ditanam di TATML. Buah-buahan ini menjadi tarikan pengunjung. Antara pokok buah yang ditanam di sini termasuklah durian, rambutan, pulasan, belimbing, markisah, limau bali, mempelam harum manis dan ciku.

Bufet buah-buahan juga disajikan kepada pelancong. Oleh itu, pelancong dapat menikmati keenakan buah-buahan sambil menjamu mata dengan melihat keindahan landskap TATML. Pelancong juga mendapat maklumat yang betul tentang buah-buahan daripada pemandu pelancong.

Kini, Taman Agroteknologi MARDI Langkawi menjadi tumpuan pelancong. Sebanyak 70 000 orang pelancong berkunjung ke taman ini setiap tahun. Sebanyak 85 peratus pelancong itu ialah pelancong antarabangsa manakala 15 peratus lagi pelancong tempatan.

#### Maklumat!

MARDI ialah akronim bagi *Malaysian Agricultural Research and Development Institute* (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia).

Sumber: tatml.mardi.gov.my

# TEMA 11

## RANCAKKAN EKONOMI KITA



Ulaskan bahan grafik yang ditunjukkan.

# UNIT 31

## Bersama-sama Menjanakan Ekonomi



### Mendengar dan Bertutur

#### Industri Desa

Tujuan kedatangan kami ke kampung ini adalah untuk membuat dokumentari tentang industri desa di sini.

Kami amat gembira menerima kunjungan kalian.



Sikap penduduk kampung ini wajar dicontohi. Mereka bersungguh-sungguh untuk memajukan industri desa.

Ya, saya bersetuju dengan pandangan kamu.



#### Produk

##### Kerepek

- kerepek pisang
- kerepek ubi
- kerepek sukun

##### Kraf Tangan

- bakul
- tikar
- ukiran kayu
- kerusi rotan

##### Songkok

- songkok dewasa
- songkok kanak-kanak

#### Keistimewaan

- berkualiti
- setanding dengan produk berjenama di pasaran
- harga berpatutan
- diusahakan sepenuhnya oleh warga tempatan
- dibantu oleh anggota keluarga

### Aktiviti

Berbual berdasarkan teks dan gambar.

162

Panduan Guru

- ◆ Murid berbual dengan menggunakan kata ganti nama dengan betulnya.
- ◆ Murid menggunakan pelbagai kata ganti nama dalam perbualan.
- ..- berbudi bahasa

EMK: Keusahawanan

1.4.3




## Membaca

### Kraf Tangan Sumber Pendapatan

Industri kraf tangan merupakan suatu bidang ekonomi yang telah lama berkembang di negara kita. Industri ini semakin maju kerana hasil kraf tangan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

Negara kita amat bertuah kerana kaya dengan sumber alam semula jadinya.




rotan



beman



hasil kraf tangan



mengkuang



buluh

### Perjalanan Hidupku

Dari rimba  
Aku ke desa  
Juga ke kota  
Berbeza gaya  
Berubah rupa.

Aku



#### Maklumat !

**buluh** Sejenis tumbuhan yang batangnya keras, berongga dan beruas serta dapat digunakan untuk membuat seruling atau tabung.

**beman** Sejenis tumbuhan yang bilahnya dapat dianyam untuk dijadikan tikar atau bakul.

**mengkuang** Sejenis tumbuhan yang daunnya berduri dan dapat digunakan untuk membuat tikar atau tudung saji.

**rotan** Sejenis tumbuhan manjat yang dapat digunakan untuk membuat kerusi atau raga.

### Aktiviti

Membaca dan menaakul maklumat.



- ◆ Murid memindahkan maklumat ke dalam bentuk prosa dan puisi.

- ◆ Murid menulis perenggan dan sajak.

- ❖ berusaha

EMK: Keusahawanan

: I.2 Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif.

2.5.3 163



## Menulis

### Perusahaan Songkok Safwan

Bapa Izuni sudah bertahun-tahun menjalankan perusahaan songkok. Perusahaan songkok beliau amat maju dan terkenal. Songkok yang dihasilkan berjenama Safwan.

Perusahaan Songkok Safwan



Sejarah penubuhan	ditubuhkan pada tahun 2001
Lokasi	Kuala Ketil, Kedah
Jumlah pekerja	15 orang
Jumlah mesin	12 buah
Pasaran	seluruh Malaysia
Perancangan masa depan	meluaskan pasaran ke Indonesia dan Brunei Darussalam

- pelbagai jenis
  - songkok dewasa
  - songkok kanak-kanak
  - songkok tinggi
- berkualiti
  - cantik
  - tahan lama
  - jahitannya kemas
  - menggunakan baldu berkualiti dari luar negara

- harga berpatutan
  - paling murah RM50.00
  - paling mahal RM150.00



#### Aktiviti

Menulis maklumat.

164

Panduan Guru

- ◆ Murid menulis idea utama dan idea sampingan.
  - ◆ Murid membaca maklumat.
  - gigih
- EMK: Keusahawanan

3.6.1



## Seni Bahasa



## Mari Berniaga

### Mari Berniaga

Taman indahnya taman  
Taman bunga-bungaan  
Teman marilah teman  
Mari berniaga barang

Taman indahnya taman  
Taman si bunga melur  
Teman marilah teman  
Mari berniaga ikhlas dan jujur

Taman indahnya taman  
Taman bunga kemboja  
Teman marilah teman  
Mari berniaga hingga berjaya

(Melodi lagu “Geylang Si Paku Geylang”  
atau melodi lain yang bersesuaian)



## Aktiviti

Mengubah suai seni kata lagu.



- ◆ Murid mengubah suai seni kata lagu secara bebas dan menyanyikannya.
- ◆ Murid berbincang untuk mencipta seni kata lagu.
- ❖ kerajinan

4.1.2 165



## Imbuhan

### Kedai dalam Taman

Wartawan : Selamat petang, Encik Yeoh. Saya mendapat tahu bahawa encik seorang **usaha** yang berjaya. Saya ingin **temu ramah** encik **kena** dengan perniagaan yang encik **jalan**.

Encik Yeoh : Selamat petang. Silakan.

Wartawan : Saya amat tertarik **lihat** persekitaran kedai encik yang cantik seperti taman. Boleh **cerita** perihal perniagaan yang encik usahakan ini?

Encik Yeoh : Saya menjual pokok bunga dan buah-buah. Saya juga menjual pasu bunga seramik, baja tanam serta aksesori laman. Selain itu, saya juga ambil kontrak untuk membuat projek landskap bagi kawasan rumah, bangun pejabat dan tempat-tempat awam.

Wartawan : Sudah berapa lamakah encik jalan perniagaan ini?

Encik Yeoh : Sudah hampir 15 tahun.

Wartawan : Pada pandang encik, adakah perniagaan tapak semaian dan landskap ini punya masa depan yang cerah?

Encik Yeoh : Sudah tentu. Perniagaan ini amat untung dan potensi untuk maju.

Wah, canteknya ikan-ikan itu! Itu ikan apakah, Encik Yeoh? Saya mahu membelinya untuk menjadikan penyeri rumah laman saya.

Itu ikan koi. Ikan itu **asal** daripada Jepun.

#### Aktiviti

Menambahkan imbuhan pada perkataan.

166

Panduan Guru

- ◆ Murid menggunakan imbuhan yang betul.
  - ◆ Murid membetulkan kesalahan tatabahasa dalam teks.
  - berusaha
- EMK: Keusahawanan

5.2.1

# UNIT 32

## Berjiwa Usahawan



### Mendengar dan Bertutur

### Potret Kejayaan



Sepupu Islah, Encik Hadi mengusahakan perniagaan melukis potret. Perniagaan beliau dijalankan secara kecil-kecilan.



Dengan berbekalkan bakat dan kesungguhan, perniagaan beliau semakin maju. Beliau membuka sebuah studio mini.



Encik Hadi terus mengorak langkah. Beliau mempelbagaikan produk perniagaannya.



Kejayaan demi kejayaan berjaya dicapai. Bermula sebagai pelukis potret, kini Encik Hadi bergelar usahawan kreatif yang berjaya.

### Aktiviti

#### Bercerita.



- ◆ Murid bercerita berdasarkan gambar dengan sebutan dan intonasi yang betul.
- ◆ Murid mengujarkan cerita dengan menggunakan bahasa yang indah.
- ◆ kerajinan

: I.2 Mengenal pasti sumber pendapatan dan sumber alternatif.

1.5.1 167



## Membaca

### Pengusaha Rojak Istimewa

“Rojak buah satu. Kuah lebih, ya,” pinta ayah Murali sebaik melabuhkan punggungnya di kerusi restoran. Aku dan ibu pun turut membuat pesanan yang sama. Pesanan kami segera dicatat oleh pelayan Restoran Rojak Istimewa.

Restoran Rojak Istimewa memang cukup terkenal. Restoran ini menyajikan pelbagai jenis rojak seperti rojak buah, rojak ayam dan rojak sotong. Keenakan dan keaslian rasa rojak di restoran ini menjadi buah mulut orang. Tidak hairanlah, restoran ini dipenuhi pelanggan setiap hari.

Pemilik restoran ini bernama Encik Selamat. Beliau merupakan usahawan yang sangat berjaya. Beliau mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang amat aku kagumi. Daripada cerita yang kudengar, dahulunya, perniagaan Encik Selamat kecil sahaja. Kini, perniagaannya telah berkembang ke seluruh negara dan beliau bergelar jutawan.

Sebelum berjaya, Encik Selamat pernah mengharungi kesukaran. Namun begitu, berbekalkan usaha dan sikapnya yang tidak mudah putus asa, akhirnya beliau berjaya.

“Silalah jamu selera,” kata pelayan itu. Tatkala melihat rojak di depan mata, seleraku terus tergoda. Aku menuap sesudu rojak ke mulut.

“Wah, sedapnya!” Sambil menikmati keenakan rojak itu, timbul persoalan dalam kotak fikiranku. Apakah rahsia untuk menjadi jutawan?



Kalau kita mahu berjaya,  
Perlulah kita tingkatkan upaya.

Kalau cepat berputus asa,  
Nescaya kita gagal sentiasa.

Kalau diri tidak tabah,  
Rezeki pasti sukar bertambah.

Kalau sudah bergelar jutawan,  
Hendaklah kita bersikap dermawan.

#### Aktiviti

Membaca teks.

168



- ◆ Murid membaca teks untuk menghasilkan idea baharu.
  - ◆ Murid melafazkan gurindam dengan sebutan dan intonasi yang betul.
  - ❖ kegigihan
- EMK: Keusahawanan

2.6.I



## Manfaatkan Kuasa Iklan

Tahukah kamu tentang iklan? Iklan merupakan satu cara untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan kepada orang ramai. Bagi para usahawan, mereka perlu memanfaatkan kuasa iklan untuk mempromosikan produk mereka. Mereka boleh mengiklankan produk mereka dalam pelbagai medium seperti media cetak, media elektronik, media sosial dan sebagainya.



### Media Elektronik

Radio dan televisyen merupakan media elektronik yang sering digunakan untuk tujuan pengiklanan. Biasanya, iklan yang dihasilkan menerusi medium ini sangat menarik dan kreatif.

Imej dan audio ditampilkan untuk menyerlahkan kelebihan produk yang diiklankan.



### Media Sosial

Media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram turut digunakan untuk tujuan pengiklanan. Menerusi medium ini, iklan dapat dihebahkan kepada orang ramai dengan mudah dan pantas. Kini, pengiklanan menerusi media sosial semakin popular.



### Media Cetak

Iklan juga dapat disampaikan menerusi bahan bercetak seperti surat khabar, majalah, poster dan brosur. Kos pengiklanan menerusi media ini lebih murah.



### Papan Iklan

Papan iklan biasanya dipasang di tempat yang strategik. Contohnya, di tepi lebuh raya. Para pengiklan akan menggunakan gambar dan slogan yang kreatif. Slogan seperti "Pilihan Pembeli Bijak", "Kepuasan Anda Keutamaan Kami!" dan "Hebat dan Jimat!" adalah antara slogan yang mampu menarik perhatian pembeli.

### Aktiviti

Menulis teks.



- ◆ Murid menulis teks yang diimlakkan dengan menggunakan ejaan dan tanda baca yang tepat.
- ◆ Murid menyebut ayat yang mempunyai kata hubung.
- rasional

EMK: Keusahawanan

3.4.2 | 169



## Seni Bahasa

### Warung Bas

Abang Atoi, iaitu Encik Jumat berhasrat untuk membuka perniagaan makanan. Namun begitu, hasratnya terhalang kerana dia kurang keyakinan diri. Keadaan ini menyebabkan dia berasa bimbang jika gerai makanannya nanti gagal menarik perhatian pelanggan.

Ayah Encik Jumat dapat menyelami perasaan anak bujangnya. Sebagai orang yang telah masak dalam selok-belok perniagaan, beliau memberikan buah fikiran.



Warung bas Encik Jumat mendapat sambutan hangat daripada pelanggan. Para pelanggan amat tertarik akan konsep warung yang agak berbeza itu. Encik Jumat bersyukur kerana jerih perihnya telah membawa hasil.

#### Aktiviti

Mengujarkan cerita dengan berdasarkan teks dan gambar.

170

Panduan Guru

- ◆ Murid mengujarkan cerita untuk menyampaikan idea dengan menggunakan bahasa yang indah.
  - ◆ Murid membaca teks.
  - ◆ kegigihan
- EMK: Kreativiti dan Inovasi

4.2.2


# UNIT 33

## Kad dan Diriku



### Mendengar dan Bertutur

#### Sesal Dahulu Pendapatan



Kawan-kawan, malam tadi saya menonton drama berjudul "Sesal Dahulu Pendapatan". Dalam cerita itu, Puan Ho pergi ke bank. Beliau mahu membuka akaun di bank tetapi tidak mahu           .

### Aktiviti

Menceritakan.



- ◆ Murid bercerita berdasarkan gambar dengan menggunakan bahasa yang indah.
- ◆ Murid mengujarkan cerita.
- ◆ rasional

1.5.2 | 171



## Aku Sekeping Kad Debit

**Gunakanlah Kad Debit**

**Ciri Keselamatan**

- nomor pin
- mikrocip

**Bentuk**

- segi empat tepat
- nipis
- kecil
- pelbagai warna

**Keistimewaan**

- mudah dibawa
- tidak perlu membawa wang tunai
- mengurangkan risiko kehilangan wang
- mengelakkan diri daripada berhutang
- boleh digunakan untuk mengeluarkan wang di ATM

**Maklumat!**  
Kad debit ialah kad yang digunakan untuk membuat pembelian barang atau perkhidmatan dengan memindahkan wang dari akaun bank pembeli ke akaun bank penjual.

Aku sekeping kad debit. Bentuk      .

### Aktiviti

Membaca maklumat.

172

Panduan Guru

- ♦ Murid memahami maklumat untuk menghasilkan karangan autobiografi.
- ♦ Murid menulis ulasan.
- ♦ berjimat cermat

2.6.2



## Menulis

Bagaimanakah sambutan yang diberikan oleh pihak bank kepada Cikgu Selvi?

Sebagai pengguna yang bijak, apakah yang perlu kita lakukan semasa berbelanja dengan menggunakan kad kredit?

Senaraikan keistimewaan kad kredit.

### Aktiviti

Menulis jawapan pemahaman.



- ◆ Murid menulis jawapan pemahaman secara kritis dan kreatif.
- ◆ Murid membaca teks dengan sebutan yang betul.
- ◆ rasional

: 5.2 Mengenal pasti pengurusan kad kredit secara bertanggungjawab.

## Penggunaan Kad Kredit

Cikgu Selvi telah pergi ke sebuah bank. Beliau ingin memohon kad kredit. Di sana, beliau disambut dengan mesranya oleh seorang pegawai bank.

Pegawai bank itu memberikan penerangan tentang keistimewaan kad kredit. Antaranya, pengguna tidak perlu membawa wang tunai ke mana-mana. Pengguna dapat berbelanja dengan hanya menghulurkan kad kredit kepada juruwang. Oleh itu, kehilangan wang tunai dapat dielakkan.

Selain itu, pengguna kad kredit akan mendapat mata ganjaran daripada perbelanjaannya. Mata ganjaran ini boleh ditebus dengan pelbagai cara, sama ada ditukar dengan barang atau pakej pelancongan.

Cikgu Selvi juga bertanya tentang kesan penggunaan kad kredit. Menurut pegawai bank itu, pengguna akan berbelanja dengan borosnya jika tidak dapat mengawal diri. Penipuan kad kredit juga sering berlaku. Selain itu, kadar faedah yang tinggi juga dikenakan jika pengguna gagal membayar hutang dalam tempoh tertentu.

Setelah berpuas hati dengan terma dan syarat, Cikgu Selvi pun diberi sekeping kad kredit. Cikgu Selvi menggunakan secara berhemah.

### Maklumat!

Kad Kredit ialah kad yang digunakan untuk membuat pembayaran bagi pembelian barang atau mendapatkan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai.

Mengapakah Cikgu Selvi pergi ke bank?

Apakah yang kita peroleh jika kita banyak berbelanja dengan menggunakan kad kredit?

Pada pendapat kamu, perlukah Cikgu Selvi menggunakan kad kredit?

Di manakah boleh kita berbelanja dengan menggunakan kad kredit?



## Penanda Wacana

### Bertindak Segera



Setelah meletakkan kereta di tempat yang dikhaskan, Cikgu Mazidah tergesa-gesa masuk ke pusat pembayaran bil setempat. Dia ingin .

#### Aktiviti

Menulis cerita.

174

Panduan Guru

- ◆ Murid membina pelbagai ayat berdasarkan gambar dengan menggunakan penanda wacana.
- ◆ Murid menulis maklumat secara kohesi dan koheren.
- ◆ bertindak bijak

5.3.2

## Pemulihan

Bina ayat dengan menggunakan maklumat yang diberikan.

### Roti Canai Sejuk Beku

#### Produk Berkualiti

- tahan lama
- tanpa bahan pengawet



#### Enak Dimakan

- lembut
- sesuai dimakan dengan kuah kari, dal atau sambal

#### Mudah Dimasak

- tidak perlu dipanaskan terlalu lama

## Pengayaan

Tulis ayat dalam perenggan berdasarkan bahan grafik.

### Ciri Usahawan Berjaya



puncak jaya

cabaran

usaha

#### • Kemahiran

- berfikir
- berkomunikasi
- berpengetahuan dalam bidang yang diceburi

#### • Sikap

- berdisiplin
- bersemangat
- bertanggungjawab

#### • Pengurusan

- kewangan
- masa
- kerja

## PENILAIAN 3

### A) Baca petikan. Kemudian, pindahkan maklumat dalam bentuk grafik.

Pasukan penyelidik daripada Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya mencipta mesin pemprosesan nanas 3 dalam 1. Mesin yang boleh beroperasi secara manual dan semiautomatik ini mampu menjimatkan masa dan mengurangkan kos pemprosesan nanas. Oleh itu, mesin ini amat berguna kepada para pengusaha buah potong segar, pembuat jem nanas, kuih-muih dan makanan yang berasaskan nanas.

Mesin ciptaan Prof. Madya Dr. Rosnah binti Shamsudin ini mempunyai tiga fungsi utama, iaitu mengupas kulit, membuang empulur dan memotong buah nanas dalam bentuk kepingan dan kiub. Dengan menggunakan mesin ini, para pengusaha dapat mengurangkan kos mengupah pekerja untuk melakukan tugas pemprosesan tersebut.

Selain itu, penggunaan mesin ini dijamin selamat dan dapat mewujudkan persekitaran kerja yang bersih. Komponen mesin itu pula diperbuat daripada besi tahan karat yang selamat untuk makanan, mudah dikendalikan, menjimatkan tenaga dan kos penyelenggaraan yang murah.

Para pengusaha industri kecil dan sederhana seperti penjual nanas segar serta usahawan nanas wajar memanfaatkan kemudahan teknologi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana mesin ini dapat meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pengusaha.



Sumber: [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)



## PENILAIAN 3

- B) Kamu ingin berkongsi maklumat dengan rakan kamu tentang satu ciptaan yang menarik. Tulis sepucuk surat kepada rakan kamu.

### Rangka Karangan

#### Pendahuluan

- mendoakan kesihatan sahabat dan keluarga

#### Isi-isi Penting

- (a) berkongsi maklumat – ciptaan yang menarik – dompet pintar
- (b) berguna – sukar mengawal perbelanjaan – memberikan amaran
  - perbelanjaan melebihi had – dompet bergetar – sukar dibuka
- (c) kreatif dan inovatif – mengaplikasikan teknologi “Bluetooth”
  - menghubungkan – telefon pintar – maklumat akaun pengguna
- (d) berasa kagum – kreativiti dan inovasi – berfaedah
  - meningkatkan kualiti hidup

#### Penutup

- harapan – bertukar-tukar maklumat – sampaikan salam
  - berterima kasih

## PENILAIAN 3

### C) Jawab soalan.

1. Tulis ayat susunan biasa bagi ayat songsang yang diberikan.

Ayat songsang:

Masih dalam pembinaan bangunan kedai dua tingkat itu.

Ayat susunan biasa:

---

---

2. Barang terpakai seperti surat khabar lama, botol plastik dan balang kaca tidak sepatutnya dibuang begitu sahaja kerana barang tersebut dapat digunakan semula.



3. Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di bawah.





# RUKUN NEGARA

**Bahwasanya Negara Kita Malaysia**  
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN  
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA  
KELUHURAN PERLEMBAGAAN  
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG  
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

## Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah \_\_\_\_\_

Tahun	Darjah	Nama Murid yang Menerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: \_\_\_\_\_

Tarikh Penerimaan: \_\_\_\_\_

**BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL**